



**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**



# **KOMPILASI KHUTBAH HAK ASASI MANUSIA**


---

SEBUAH KOMPILASI KHUTBAH BERTEMAKAN TOPIK HAK ASASI MANUSIA YANG DIHASILKAN OLEH JABATAN AGAMA ISLAM DI PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI TAHUN 2017 SEHINGGA 2020 BERDASARKAN INPUT DARIPADA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA



**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

# **KOMPILASI KHUTBAH HAK ASASI MANUSIA**



Sebuah Kompilasi Khutbah Bertemakan Topik Hak Asasi Manusia yang  
Dihasilkan oleh Jabatan Agama Islam di Peringkat Persekutuan dan Negeri  
Tahun 2017 sehingga 2020 Berdasarkan Input daripada  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. (SUHAKAM)





يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ...

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan dan beramah mesra antara satu dengan yang lain ...”*

*(SURAH AL-HUJURAAT 49: 13)*







ISBN 978-967-2295-28-0

CETAKAN PERTAMA 2024

© Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau diubah suai dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada SUHAKAM.

Diterbitkan oleh:

**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

Tingkat 11, Menara TH Perdana,  
1001 Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2612 5600

Faks: 03-2612 5620

E-mel: [humanrights@suhakam.org.my](mailto:humanrights@suhakam.org.my)

Dicetak oleh:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (198701005571)

No. 18 & 20, Jalan Damai 2,  
Taman Desa Damai, Sg. Merab,  
43000 Kajang, Selangor.

Tel: 03-89258975

Faks: 03-89258985

E-mel: [amsb@arasmega.com](mailto:amsb@arasmega.com)

Laman Web: [www.arasmega.com](http://www.arasmega.com)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-2295-28-0

# ISI KANDUNGAN

Penghargaan	vii
Pengenalan	ix
<b>BAHAGIAN A: RINGKASAN SENARAI TEKS KHUTBAH JUMAAT</b>	<b>1</b>
I. Senarai Teks Khutbah Hak Asasi Manusia yang Disediakan oleh SUHAKAM untuk Pertimbangan Jabatan Agama Islam di Peringkat Persekutuan dan Negeri Tahun 2017 – 2020	2
II. Senarai Teks Khutbah Bertemakan Topik Hak Asasi Manusia yang Dihasilkan dan Dibaca oleh Jabatan Agama Islam di Peringkat Persekutuan dan Negeri yang Merangkumi Input SUHAKAM Tahun 2017 – 2020	3
<b>BAHAGIAN B: TEKS KHUTBAH JUMAAT BERDASARKAN TOPIK BERKAITAN HAK ASASI MANUSIA</b>	<b>5</b>
I. Hak Warga Emas	7
• SUHAKAM: Warga Emas	11
• JAWI: Hormati dan Sayangi Warga Emas	21
II. Hak Kanak-kanak	27
• SUHAKAM: Perkembangan dan Perlindungan Kanak-kanak	31
• SUHAKAM: Pelihara Hak Asasi Kanak-kanak	39
• JAWI: Peliharalah Hak Asasi Kanak-kanak	45
• JHEAINS (Sabah): Pelihara Hak Asasi Kanak-kanak	51
• JAWI: Kanak-kanak Pewaris Negara	57
III. Hak Kesihatan	63
• SUHAKAM: Hak kepada Kesihatan	67
• SUHAKAM: Hak terhadap Penjagaan Kesihatan	73
• JAWI: Ibrah Israk dan Mikraj	79
• JHEAIPP: Hak terhadap Penjagaan Kesihatan	87
IV. Hak Pelarian	93
• SUHAKAM: Hak Pelarian	97
• JAWI: Kemuliaan Membela Golongan Teraniaya	103

V.	Hak Orang Asli	109
	• SUHAKAM: Perlindungan terhadap Orang Asli	113
	• JAWI: Demi Islam Demi Negara	119
VI.	Larangan Penyeksaan	125
	• SUHAKAM: Hak kepada Perlindungan dan Seksaan dan Hukuman atau Layanan Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (Mengaibkan)	129
	• SUHAKAM: Hindari Perbuatan Penyeksaan	137
	• JAWI: Hak Perlindungan daripada Kezaliman	143
	• JAWI: Akhlak Diperbaiki, Keadilan Dikecapi	149
VII.	Pemerdagangan Orang	155
	• SUHAKAM: Dijual seperti Ikan	159
	• JAIPK: Banteras Pemerdagangan Orang	165
	• JHEAIPP: Dijual seperti Ikan	171
VIII.	Hak Orang Kurang Upaya	177
	• SUHAKAM: Menyantuni Golongan Orang Kurang Upaya	181
	• SUHAKAM: Meningkatkan Perlindungan Hak Orang Kurang Upaya	187
	• JAWI: Malaysia Harmoni	193
	• JHEAINS (Negeri Sembilan): Menyantuni Orang Kurang Upaya	201
IX.	Keadilan Sosial	209
	• SUHAKAM: Islam Menegakkan Keadilan Sosial	213
	• JHEAINS (Negeri Sembilan): Islam Menjamin Keadilan Sosial	219
	• JAWI: Islam Menegakkan Keadilan Sosial	225
X.	Islam dan Hak Asasi Manusia	231
	• SUHAKAM: Pelihara Hak dalam Islam	235
	• SUHAKAM: Hak Asasi Manusia dalam Islam	243
	• JHEAINS (Sabah): Pelihara Hak dalam Islam	249
	• JHEAINS (Negeri Sembilan): Hak Asasi Manusia Menurut Islam	257
	• JAIPK: Hak Asasi Manusia dalam Islam	263

# PENGHARGAAN

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan idea serta tenaga ke arah menyediakan *Kompilasi Teks Khutbah Hak Asasi Manusia* ini khususnya, sekretariat SUHAKAM, Puan Rafidah Yahya; Puan Lee Pei Hsi; Puan Siti Zaihan Zulkarnain; Encik Mohd Ariff Saifullah Abd Rahman; Encik Ahmad Afifi Ramli; Encik Nyak Baqi Kamaruddin; Puan Sarah Adibah Hamzah dan Puan Elza Nadiyah Shaik Sulaiman.

SUHAKAM juga merakamkan penghargaan kepada Jabatan Agama Islam di peringkat Persekutuan dan Negeri termasuk Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS Sabah), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) atas kesudian menerima pakai input SUHAKAM dalam penyediaan teks khutbah solat Jumaat berkenaan isu tematik hak asasi manusia sepanjang tempoh tahun 2017 hingga tahun 2020 serta memberi kebenaran untuk menerbitkan kompilasi khutbah ini.

SUHAKAM berharap agar amalan baik ini serta kerjasama bersama pihak berkuasa agama di seluruh Malaysia dapat diteruskan dan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak pada masa akan datang.

Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh  
Datuk Lok Yim Pheng

**Pesuruhjaya**  
**Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi SUHAKAM**



# PENGENALAN

SUHAKAM merupakan sebuah institusi hak asasi manusia kebangsaan yang diberikan mandat untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia. Berdasarkan Seksyen 4 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597), salah satu fungsi utama SUHAKAM adalah untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia. Selaras dengan fungsi ini, SUHAKAM telah mengadakan pelbagai program kesedaran yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat umum tentang hak asasi manusia. Dalam usaha menyebarkan nilai hak asasi manusia di Malaysia, SUHAKAM memerhatikan bahawa wujudnya persepsi yang salah dalam kalangan ahli masyarakat terhadap konsep hak asasi manusia sehingga menimbulkan banyak perdebatan umum tentang ketidakserasian antara Islam dan hak asasi manusia.

Menyedari akan keperluan untuk membetulkan persepsi orang ramai tentang nilai Islam dan hak asasi manusia, SUHAKAM telah mengambil inisiatif untuk menjalankan program literasi hak asasi manusia melalui usaha sama dengan pihak berkuasa agama Islam serta mengemukakan input tentang subjek Islam dan hak asasi manusia untuk khutbah solat Jumaat. *Kompilasi Khutbah Hak Asasi Manusia* ini merupakan hasil daripada cadangan teks khutbah Jumaat bertemakan topik hak asasi manusia yang disediakan oleh SUHAKAM dan teks khutbah Jumaat yang dihasilkan oleh jabatan agama Islam di peringkat persekutuan dan negeri dari tahun 2017 sehingga 2020 berdasarkan input yang mengandungi elemen hak asasi manusia.

Adalah menjadi hasrat SUHAKAM agar kompilasi khutbah ini dapat meningkatkan kefahaman masyarakat umum bahawa konsep asas ajaran Islam berkaitan hak asasi manusia adalah berdasarkan kehormatan, maruah diri dan kesaksamaan untuk semua manusia seperti yang digambarkan dalam teks khutbah dalam kompilasi ini. SUHAKAM juga berharap agar kompilasi ini dapat membetulkan tanggapan salah tentang ketidakserasian hak asasi manusia dengan Islam. SUHAKAM akan meneruskan usaha libat urus dengan pihak berkuasa agama Islam dan organisasi masyarakat Islam ke arah menyebarkan kefahaman mengenai hak asasi manusia di seluruh lapisan masyarakat di Malaysia.





**BAHAGIAN A**

---

**RINGKASAN SENARAI  
TEKS KHUTBAH JUMAAT**

**Senarai Teks Khutbah Hak Asasi Manusia yang Disediakan oleh SUHAKAM  
untuk Pertimbangan Jabatan Agama Islam di Peringkat Persekutuan dan Negeri  
Tahun 2017 – 2020**

Bil.	Topik Hak Asasi Manusia	Tajuk Khutbah
1.	Hak Warga Emas	Warga Emas
2.	Hak Kanak-kanak	Perkembangan dan Perlindungan Kanak-kanak
		Pelihara Hak Asasi Kanak-kanak
3.	Hak Kesihatan	Hak kepada Kesihatan
		Hak terhadap Penjagaan Kesihatan
4.	Hak Pelarian	Hak Pelarian
5.	Hak Orang Asli	Perlindungan terhadap Orang Asli
6.	Larangan Penyeksaan	Hak kepada Perlindungan dan Seksaan dan Hukuman atau Layanan Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (Mengaibkan)
		Hindari Perbuatan Penyeksaan
7.	Pemerdagangan Orang	Dijual seperti Ikan
8.	Hak Orang Kurang Upaya	Menyantuni Golongan Orang Kurang Upaya
		Meningkatkan Perlindungan Hak Orang Kurang Upaya
9.	Keadilan Sosial	Islam Menegakkan Keadilan Sosial
10.	Islam dan Hak Asasi Manusia	Pelihara Hak dalam Islam
		Hak Asasi Manusia dalam Islam

**Senarai Teks Khutbah Bertemakan Topik Hak Asasi Manusia yang Dihasilkan dan Dibaca oleh Jabatan Agama Islam di Peringkat Persekutuan dan Negeri yang Merangkumi Input SUHAKAM Tahun 2017 – 2020**

Bil.	Tajuk Teks Khutbah	Tarikh Dibaca	Dibaca oleh
1.	Hormati dan Sayangi Warga Emas	6 Oktober 2017	JAWI
2.	Peliharalah Hak Asasi Kanak-kanak	15 Disember 2017	JAWI
3.	Ibrah Israk dan Mikraj	13 April 2018	JAWI
4.	Kemuliaan Membela Golongan Teraniaya	6 Julai 2018	JAWI
5.	Demi Islam Demi Negara	31 Ogos 2018	JAWI
6.	Hak Perlindungan daripada Kezaliman	26 Oktober 2018	JAWI
7.	Malaysia Harmoni	7 Disember 2018	JAWI
8.	Menyantuni Orang Kurang Upaya	7 Disember 2018	JHEAINS
9.	Banteras Pemerdagangan Manusia	26 Julai 2019	JAIPK
10.	Islam Menjamin Keadilan Sosial	9 Ogos 2019	JHEAINS
11.	Islam Menegakkan Keadilan Sosial	16 Ogos 2019	JAWI
12.	Dijual seperti Ikan	27 September 2019	JHEAIPP
13.	Pelihara Hak Asasi Kanak-kanak	22 November 2019	JHEAIN Sabah
14.	Kanak-kanak Pewaris Negara	29 November 2019	JAWI
15.	Pelihara Hak dalam Islam	6 Disember 2019	JHEAIN Sabah
16.	Hak Asasi Manusia Menurut Islam	17 Januari 2020	JHEAINS
17.	Hak Terhadap Penjagaan Kesihatan	25 September 2020	JHEAIPP
18.	Hak Asasi Manusia dalam Islam	11 Disember 2020	JAIPK
19.	Akhlak Diperbaiki, Keadilan Dikecapi	18 Disember 2020	JAWI



**BAHAGIAN B**

---

**TEKS KHUTBAH JUMAAT  
BERDASARKAN TOPIK BERKAITAN  
HAK ASASI MANUSIA**





# HAK WARGA EMAS





# TEKS KHUTBAH JUMAAT

**SUHAKAM**

**Warga Emas**

**JAWI**

**Hormati dan Sayangi Warga Emas**









# CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT

TAJUK:  
**WARGA EMAS**



DIHASILKAN OLEH:  
**SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**



## WARGA EMAS

### Pendahuluan

Islam merupakan satu rahmat kepada sekalian alam dan seluruh umat manusia. Islam merupakan sebuah agama yang penuh dengan nilai-nilai murni dan pengajaran, yang mana ianya mengajar para penganutnya mengenai erti belas kasihan dan kasih sayang kepada semua manusia. Seajar dengan nilai murni tersebut, antara suruhan yang paling penting dalam agama kita adalah untuk menghormati dan mengasihani orang tua atau warga emas walau di mana sahaja kita berada.

Dalam memahami apakah peranan dan tanggungjawab kita kepada warga emas, pertamanya kita mestilah terlebih dahulu memahami maksud dan pengertian warga emas. Terdapat beberapa penjelasan dan pentakrifan mengenai maksud warga emas dalam Islam. Dalam kitab *Sahih al-Bukhari*, Nabi Muhammad SAW ada menjelaskan usia tua melalui sabda Baginda:

أَعْدَرَ اللَّهُ إِلَيَّ أَمْرِيٍّ آخَرَ أَجَلَهُ، حَتَّى بَلَغَهُ سِتِّينَ سَنَةً.

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah, daripada Nabi (SAW) telah bersabda: “Allah telah memberikan kesempatan yang cukup kepada orang yang telah dilanjutkan usianya sehingga 60 tahun.”*

*(Riwayat al-Bukhari)<sup>1</sup>*

Walaupun hadith ini sedikit umum dalam penjelasannya mengenai umur warga emas, namun ianya dapat memberi gambaran tentang kurniaan Allah ke atas sesetengah orang untuk dilanjutkan usianya kepada waktu tertentu untuk terus beribadah.

Selain itu, pengertian warga emas juga dapat dirujuk melalui kronologi kehidupan yang bermula daripada bayi, kanak-kanak, dewasa dan tua. Ia juga merupakan

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Hal-hal yang Melunakkan Hati, bab Sesiapa yang Berusia Enam Puluh Tahun Allah SWT Menghilangkan Keuzuran Baginya, no. hadith 6419.



sebahagian daripada fasa kehidupan bagi setiap makhluk yang diciptakan. Sepertimana firman Allah SWT yang berbunyi:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلاً ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا سِيُوحًا...

Maksudnya: *Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih. Kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Ia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua ...*

(Surah Ghafir 40: 67)<sup>2</sup>

Ayat di atas telah menjelaskan bahawa usia tua adalah urutan dalam kitaran kehidupan seorang manusia yang bermula daripada kelahiran, kanak-kanak, dewasa dan tua.

Melalui kajian yang telah dijalankan, Malaysia dijangka untuk mencapai status negara tua menjelang tahun 2030. Hal ini adalah kerana pada waktu tersebut, bilangan rakyat Malaysia yang berumur lebih daripada 60 tahun dijangka merangkumi 15 peratus daripada populasi rakyat Malaysia.<sup>3</sup> Justeru, lebih ramai daripada golongan rakyat Malaysia yang akan memerlukan perhatian dan perlindungan khusus pada masa hadapan.

Selaras dengan kajian tersebut, Kerajaan Malaysia juga telah memperkenalkan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas pada tahun 2011 bagi menangani pelbagai isu yang berkaitan warga emas pada masa akan datang. Selain itu, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas itu juga penting untuk mempromosi dan melindungi hak mereka dalam menempuhi kehidupan seharian.

Warga emas mempunyai hak untuk menikmati kesejahteraan hidup, dihormati dan terus menyumbang kepada pembangunan negara.


Seseorang warga emas berhak ke atas:


<sup>2</sup> Surah Ghafir 40: 67.

<sup>3</sup> Dasar Warga Emas Negara, P. 3.

- Keselamatan sosial dan bantuan pendapatan.
- Perumahan yang baik.
- Penjagaan kesihatan.
- Perkhidmatan sosial.
- Bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi.
- Bebas daripada penderaan.

## 1 Tanggungjawab Anak, Pemimpin dan Masyarakat

 Dalam menjalankan tanggungjawab dan hak golongan warga emas, kebiasaannya peranan tersebut jatuh kepada mereka yang paling hampir kepada mereka, iaitu kaum keluarga terutamanya anak-anak. Ianya bertepatan dengan ajaran Islam yang mana anak-anak bertanggungjawab untuk memastikan ibu bapa mendapat penjagaan dan kebajikan yang mencukupi terutamanya apabila mereka telah tua.

 Salah satu aspek yang paling penting dalam memastikan kesejahteraan hidup seseorang warga emas ialah dari sudut pemberian nafkah. Nafkah yang dimaksudkan termasuklah memberi makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, kewangan dan keperluan-keperluan asas yang lain. Firman Allah SWT yang berbunyi:


يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلْوَالِدَيْنِ  
وَالْأَقْرَبِينَ وَالْيَتَامَى وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ  
خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿١٥١﴾


Maksudnya: Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: “Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan, maka berikanlah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang-orang terlantar dalam



*perjalanan. Dan (ingatlah) apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui-Nya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).”*

(Surah al-Baqarah 2: 215)<sup>4</sup>


 Dalam hal ini, semua ulama bersepakat dalam menyatakan suruhan untuk berbakti dan berbuat baik kepada ibu bapa adalah wajib.

 Selain anak-anak, pemimpin juga mempunyai tanggungjawab yang utama dalam melindungi warga emas. Hal ini kerana, warga emas merupakan sebahagian daripada sesebuah organisasi dalam masyarakat dan semestinya menjadi tanggungjawab seorang pemimpin untuk melindungi warga emas. Islam amat menitikberatkan peranan serta tanggungjawab pemimpin terhadap setiap pimpinannya. Sepertimana firman Allah SWT yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَخَوْنُوا أَمَانَتِكُمْ  
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah SWT dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedang kamu mengetahui (salahnya).”*

(Surah al-Anfaal 8: 27)<sup>5</sup>

 Seorang pemerintah yang benar-benar mengamalkan ajaran Islam, tidak akan sekali-kali membiarkan rakyatnya berada dalam kesukaran dan kepayahan dalam menjalani kehidupan seharian. Ini kerana, kesusahan yang dialami oleh pimpinannya akan turut dirasai oleh pemimpin kerana sikap tanggungjawab pemimpin ke atas rakyatnya. Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripada Abdullah bin Umar seperti berikut:

أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ؛ فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ

<sup>4</sup> Surah al-Baqarah 2: 215.

<sup>5</sup> Surah al-Anfaal 8: 27.

مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا رَاعِيَةٌ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا،  
وَالْخَادِمُ فِي مَالِ سَيِّدِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Maksudnya: *Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap pemimpin akan diminta untuk dipertanggungjawabkan atas pimpinannya. Imam adalah pemimpin yang akan diminta dipertanggungjawabkan atas rakyatnya. Seorang suami adalah pemimpin dan akan diminta dipertanggungjawabkan atas keluarganya. Seorang isteri adalah pemimpin dalam urusan rumah tangga suaminya, dan akan diminta dipertanggungjawabkan atas urusan rumah tangga tersebut. Seorang pembantu adalah pemimpin dalam urusan harta tuannya, dan akan diminta dipertanggungjawabkan atas urusan tanggungjawabnya tersebut.”*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)<sup>6</sup>



Selain itu, semua ahli masyarakat juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan kebajikan warga emas terus terjaga tanpa mengira sama ada mereka mempunyai pertalian darah ataupun tidak. Sebagai contoh, pertolongan yang ringkas seperti memimpin warga emas ke tempat ibadah, walaupun kecil tapi besar maknanya kepada warga emas.

Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud daripada Jabir bin ‘Abdillah r.a.:

عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ أَنَّ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَهُمْ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَلَّفُ فِي الْمَيْسِرِ فَيُرْجَى الضَّعِيفَ وَيُرْدَفُ وَيَدْعُو لَهُمْ.

Maksudnya: *“Daripada Abu az-Zubair bahawa Jabir bin ‘Abdillah r.a. telah menceritakan kepada mereka, beliau berkata, “Dalam suatu perjalanan kebiasaan Rasulullah SAW selalu menyertai pasukan di belakang rombongan, kerana Baginda akan menuntun orang yang*

<sup>6</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Pembebasan Hamba, bab Makruh untuk Menghina Hamba dan Katakatanya: Hamba Lelakiku atau Hamba Perempuan, no. hadith 2554; *Sahih Muslim*, kitab Pemerintahan, bab Kelebihan Pemimpin yang Adil, Balasan kepada Imam yang Zalim, Saranan agar Berlemah Lembut dengan Rakyat dan Larangan daripada Menyusahkan Mereka, no. hadith 1829 (20).



*lemah, mengambil dan mengenderai orang yang tertinggal di belakang serta mendoakan untuk mereka.”*

*(Riwayat Abu Dawud)<sup>7</sup>*

## 2 Berbuat Baik dan Memudahkan Urusan Sehari-hari Warga Emas

Berbuat baik kepada warga emas termasuk dengan memberi perhatian, kasih sayang, bercakap dengan lemah lembut adalah antara bentuk layanan yang penuh bermaruah yang seharusnya dipraktikkan oleh setiap manusia. Selagi mana setiap perbuatan yang dilakukan bertujuan untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT, maka setiap perbuatan ini dikira sebagai satu amalan kebaikan yang akan dinilai pada hari pembalasan kelak. Bahkan, suruhan wajib ini merupakan salah satu kewajipan yang paling penting selepas suruhan mentaati Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Dalam hadith Rasulullah SAW juga banyak menyentuh tentang kewajipan berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa. Antaranya ialah hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn Amr r.a. bahawa Nabi Muhammad SAW pernah bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: رَضِيَ الرَّبُّ فِي رَضَى الْوَالِدِ وَسَخَطُ الرَّبِّ فِي سَخَطِ الْوَالِدِ.

Maksudnya: *Daripada Abdullah bin Amr r.a., daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: “Redha Allah terdapat pada redha seorang bapa dan murka Allah juga terdapat pada murkanya seorang bapa.”*

*(Riwayat at-Tirmizi)<sup>8</sup>*

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: رَضَا اللَّهُ مِنْ رَضَا الْوَالِدَيْنِ، وَسَخَطُ اللَّهِ مِنْ سَخَطِ الْوَالِدَيْنِ.

<sup>7</sup> Riwayat Abu Dawud, kitab Jihad, bab Melazimi Pasukan yang Paling Akhir, no. hadith 2639, al-Hakim dalam al-Mustadrak (2541) mensahihkan hadith ini dan disepakati az-Zahabi.

<sup>8</sup> Riwayat at-Tirmizi, kitab Kebaktian dan Menyambung Silaturahim, no. hadith 1899, berkata az-Zahabi dalam al-Kabair (131) hadith sahih.

Maksudnya: *Daripada Abdullah bin Amr r.a., daripada Nabi SAW bersabda: “Redha Allah terdapat pada redha seorang bapa dan murka Allah juga terdapat pada murkanya seorang bapa.”*

(*Riwayat al-Baihaqi*)<sup>9</sup>

Sesungguhnya Allah SWT telah memerintahkan kepada semua manusia khususnya untuk berbuat baik kepada orang yang lebih tua terutamanya kepada kedua-dua ibu bapa. Kedua-dua ibu bapa berhak untuk mendapat layanan baik daripada anak-anak mereka dan ahli waris.



Sehubungan dengan itu, amatlah penting bagi setiap orang daripada semua lapisan masyarakat untuk menghormati orang tua dan juga melayan mereka dengan penuh bermaruah dalam menjalani kehidupan seharian.



Warga emas merupakan golongan yang lemah dan segelintir daripada mereka tidak lagi berupaya untuk melakukan aktiviti-aktiviti berat, malah memerlukan bantuan atau sokongan dari segi pergerakan bagi memudahkan urusan harian mereka. Ini sejajar dengan kitaran hidup manusia yang mana aspek fizikal juga merupakan kayu ukur terhadap umur seseorang. Sepertimana firman Allah SWT yang berbunyi:

﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ﴾

Maksudnya: *Allah SWT yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Ia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Ia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Ia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, dan Dialah jua Yang Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa.*


(*Surah ar-Ruum 30: 54*)<sup>10</sup>

<sup>9</sup> Riwayat al-Baihaqi dalam *Syu'abil Iman* kitab al-Haya' (Malu), bab Suatu Fasal Berkaitan Hijab Wanita dan Penegasan Menutup Auratnya, no. hadith 7445.


<sup>10</sup> Surah ar-Ruum 30: 54.





Oleh hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap individu dalam masyarakat bagi menggalas tugas untuk membantu dan memudahkan urusan harian warga emas.

 Keperluan infrastruktur dalam negara juga amat penting dalam usaha untuk memudahkan urusan harian golongan yang lemah termasuk golongan warga emas. Pemimpin dan masyarakat secara amnya perlu memahami keperluan yang berbeza oleh golongan warga emas memandangkan keupayaan fizikal mereka yang semakin berkurangan. Proses perancangan dan pembinaan sebuah infrastruktur dan kemudahan awam seperti masjid, tandas awam, tempat meletak kenderaan, hentian bas dan pelbagai lagi bangunan awam perlu mengambil kira mengenai faktor golongan warga emas, orang kurang upaya dan wanita mengandung. Kemudahan seperti *ramp*, *handrail*, *tactile blocks* dan tempat meletak kenderaan OKU adalah antara contoh keperluan yang perlu ada pada setiap bangunan awam bagi memudahkan urusan golongan yang memerlukan.

### 3 Memperkasakan Golongan Warga Emas

 Pada masa hadapan, terdapat keperluan untuk mengkaji semula polisi dan program yang ada daripada pendekatan kebajikan kepada yang berbentuk perkembangan diri yang dapat menggalakkan penyertaan warga emas dalam program yang boleh membantu mereka untuk meningkatkan taraf hidup mereka.<sup>11</sup>

 Terdapat segelintir golongan berpendapat bahawa golongan warga emas tidak harus lagi terlibat dalam proses pembangunan negara dan patut berehat di rumah sahaja. Namun begitu, Dasar Warga Emas Negara juga telah menyentuh mengenai strategi dalam mempromosi warga emas sebagai sebuah aset negara. Sehubungan dengan itu, adalah amat penting bagi semua pihak untuk menyedari tentang kepentingan untuk memastikan bahawa warga emas turut terlibat dalam pembangunan negara selaku modal insan.

 Sejajar dengan hasrat untuk melibatkan golongan warga emas dalam pembangunan negara, adalah amat penting bagi pemimpin untuk memberi peluang kepada mereka untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan latihan kemahiran

<sup>11</sup> SUHAKAM's Report on Care Services for Older Persons and Support for Caregivers (2005), P. 5.

bagi memastikan ianya dapat digunakan untuk kelangsungan hidup. Kemahiran tersebut juga boleh digunakan sebagai satu bentuk perniagaan yang secara tidak langsung dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara.



Selain daripada itu, adalah amat penting juga bagi pemimpin untuk memberi peluang kepada warga emas untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka kepada masyarakat setempat terutamanya golongan belia. Ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan hubungan baik antara anggota masyarakat dan mengekalkan status warga emas dalam sesebuah komuniti.





**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
HORMATI DAN SAYANGI  
WARGA EMAS**



**DIBACA OLEH:  
JABATAN AGAMA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PADA:  
6 OKTOBER 2017**





## HORMATI DAN SAYANGI WARGA EMAS

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
6 OKTOBER 2017 M/15 MUHARRAM 1439 H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

وَرَضِينَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَاتَا عَلَى وَهْنٍ  
وَفِصْنَاهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ ﴿٣١﴾

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua dibangkitkan dalam kalangan orang-orang yang berbahagia di akhirat kelak.

Ajaran Islam menitikberatkan soal kebajikan kepada warga yang tua dan lemah. Ia tentunya suatu tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh setiap generasi muda. Justeru, tajuk khutbah pada hari ini ialah, “Hormati dan Sayangi Warga Emas”.

### Sidang jemaah yang berbahagia,

Kehidupan di dunia ibarat putaran roda. Generasi yang dahulunya muda kini telah dimamah usia. Sebagai agama yang sarat dengan nilai-nilai kebaikan, Islam menganjurkan supaya umatnya mempunyai perasaan belas kasihan dan kasih sayang kepada sesama manusia. Golongan yang tua mengasihi golongan yang muda, manakala golongan muda pula menghormati, mengasihani dan berbakti kepada golongan tua. Warga emas merupakan golongan yang lemah. Segelintir daripada mereka memerlukan bantuan dan sokongan bagi memudahkan urusan harian. Inilah hakikat kitaran hidup manusia yang mana aspek fizikal juga merupakan kayu ukur terhadap umur seseorang. Seperti mana firman Allah SWT menerusi surah ar-Ruum, ayat 54:

﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ﴾

Maksudnya: Allah SWT yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Ia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Ia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Ia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, dan Dialah jua Yang Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa.

(Surah ar-Ruum 30: 54)

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT menjadikan fitrah kejadian manusia akan kembali lemah setelah diberikan kekuatan. Ini bertujuan supaya manusia memperhatikan kekuatan yang diberikan kepadanya agar tidak dibazirkan begitu sahaja, malah memberikan bantuan dan khidmat bakti dalam membantu golongan yang lemah.

### Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Berbakti dan membuat kebaikan kepada golongan yang tua dan lemah adalah suatu kemuliaan di sisi Islam. Malah ianya telah dicontohkan oleh Nabi Muhammad SAW, sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud r.h. daripada Jabir bin ‘Abdillah r.a.:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَلَّفُ فِي الْمَسِيرِ، فَيُزِي جِي الضَّعِيفَ وَيُرْدِفُ وَيَدْعُو لَهُمْ.

Maksudnya: “Rasulullah SAW berjalan di belakang ketika dalam perjalanan, Baginda menuntun orang yang lemah, memboncengkan, serta menyeru untuk membantu mereka.”

(Riwayat Abu Dawud)

Jelas menerusi hadith ini, Nabi SAW telah menganjurkan kepada umat Islam untuk membantu golongan yang lemah dan yang memerlukan. Malah ia telah dibudayakan oleh Baginda SAW sendiri dalam kehidupan. Jika membantu golongan yang lemah dalam urusan kehidupan seharian pun Baginda SAW telah menyeru sedemikian rupa, apatah lagi membantu mereka dalam urusan menunaikan ibadah kepada Allah SWT. Maka, apakah lagi alasan kita untuk mengelak diri daripada memberikan bantuan kepada golongan yang lemah khususnya warga emas?

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Sedarlah bahawa kita juga bertanggungjawab menjaga dan menunaikan hak golongan warga emas lebih-lebih lagi bagi anak-anak, malah ia bertepatan dengan ajaran Islam. Anak-anak mestilah bertanggungjawab memastikan ibu bapa mendapat penjagaan dan kebajikan yang mencukupi terutamanya apabila mereka telah mencapai usia warga emas. Ingatlah, tanpa mereka siapalah kita pada hari ini.

Antara aspek yang paling penting untuk diberikan perhatian dalam memastikan kesejahteraan mereka ialah dari sudut pemberian nafkah. Nafkah yang dimaksudkan termasuklah menyediakan makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, kewangan, perubatan dan keperluan-keperluan yang lain.

Selain anak-anak, pemimpin juga mempunyai tanggungjawab yang utama dalam melindungi warga emas. Hal ini kerana, warga emas merupakan sebahagian daripada organisasi dalam masyarakat. Mereka juga pasti pernah berjasa dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, sosial, budaya dan agama dalam memacu pembentukan negara ini.

Setiap warganegara terutama golongan muda, kembalikan rasa hormat terhadap warga emas ini. Agama dan adat budaya sememangnya menitikberatkan kesopanan dan kesusilaan dalam perhubungan bersama mereka. Malah, etika ini juga telah pun diterapkan dalam Rukun Negara. Hayatilah dan amalkanlah ia dalam kehidupan kita.



### **Hadirin Muslimin yang dimuliakan,**

Melalui satu kajian yang dijalankan, menjelang tahun 2030 bilangan rakyat Malaysia yang berumur lebih daripada 60 tahun dijangka merangkumi 15 peratus daripada populasi rakyat Malaysia. Ini bermakna semakin ramai daripada golongan rakyat Malaysia yang akan memerlukan perhatian dan perlindungan khusus pada masa hadapan.

Selaras dengan kajian tersebut, Kerajaan Malaysia juga telah memperkenalkan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas pada tahun 2011. Ia berperanan menangani pelbagai isu yang berkaitan warga emas pada masa akan datang. Selain itu, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas itu juga penting untuk mempromosi dan melindungi hak mereka dalam menempuhi kehidupan seharian.

Warga emas mempunyai hak untuk menikmati kesejahteraan hidup, dihormati dan terus menyumbang kepada pembangunan negara. Seseorang warga emas itu berhak ke atas keselamatan sosial dan bantuan pendapatan, perumahan yang baik, penjagaan kesihatan, perkhidmatan sosial, bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi dan bebas daripada penderaan.

### **Para tetamu Allah yang dirahmati Allah,**

Sebagai penutup kepada khutbah hari ini, mimbar turut ingin mengambil kesempatan sempena Minggu Kesedaran Pendermaan Organ oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, marilah kita sama-sama memberikan sokongan dalam menjayakan kempen ini. Mendaftarlah diri sebagai penderma organ, kerana ia adalah suatu amal jariah yang perlu diberikan perhatian penting khususnya dalam menangani masalah kesihatan kontemporari. Bagi golongan yang memerlukan, mereka sangat menghargai dan lebih bersyukur dengan sumbangan sedemikian berbanding wang ringgit.

Fiqh Islam hakikatnya tidak ketinggalan dalam isu ini, pendermaan dan pemindahan organ telah pun dibenarkan oleh ulama dengan ijtihad *jama'i* seperti Majlis Fatwa Kebangsaan dan Fatwa Negeri-Negeri seawal 1965 pada peringkat tempatan. Manakala peringkat antarabangsa pula antaranya melalui Majma' Fiqh Islami dan Lajnah Da'imah Arab Saudi dan lain-lain. Justeru, seharusnya tiada keraguan di sisi Muslim meneruskan menderma organ khususnya dalam memelihara Maqasid asy-Syariah berhubung pemeliharaan nyawa umat manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Maa'idah ayat 32:




... وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا ...

Maksudnya: “... Dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya ...”

(Surah al-Maa'idah 5: 32)

### Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

-  **Pertama:** Melakukan kebajikan dan membantu golongan yang tua dan lemah adalah suatu tuntutan agama.
-  **Kedua:** Anak-anak perlu menggalas tanggungjawab penting dalam menjaga kebajikan ibu bapa mereka khususnya yang telah sampai ke usia tua.
-  **Ketiga:** Pendermaan organ adalah suatu amal jariah yang perlu diberikan perhatian penting khususnya dalam menangani masalah kesihatan kontemporari.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran, ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 لَنْ نَسْأَلَكَ الْبَرَّحَىٰ نَسْفُوقًا مِمَّا حُبُّوتَ وَمَا نَسْفُوقًا مِنْ شَيْءٍ  
 فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

(Surah Ali 'Imran 3: 92)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



# HAK KANAK-KANAK





# TEKS KHUTBAH JUMAAT

**SUHAKAM**

**Perkembangan dan  
Perlindungan Kanak-kanak**

**SUHAKAM**

**Pelihara Hak Asasi Kanak-kanak**

**JAWI**

**Peliharalah Hak Asasi Kanak-kanak**

**JHEAINS (SABAH)**

**Pelihara Hak Asasi Kanak-kanak**

**JAWI**

**Kanak-kanak Pewaris Negara**









# CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT

TAJUK:

**PERKEMBANGAN  
DAN PERLINDUNGAN  
KANAK-KANAK**



DIHASILKAN OLEH:


**SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**







## PERKEMBANGAN DAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK


### Pendahuluan


 Kanak-kanak merupakan satu anugerah dan amanah yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan hak dan kebajikan mereka sentiasa terjaga. Ini kerana kanak-kanak merupakan bakal pewaris yang akan membentuk sesebuah negara dan menyebarkan syiar Islam pada masa hadapan.

 Disebabkan oleh tahap kematangan yang belum sempurna, kanak-kanak bergantung sepenuhnya kepada orang dewasa untuk membuat keputusan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan mereka. Oleh yang demikian, golongan dewasa mempunyai pengaruh terbesar dalam pembentukan watak kanak-kanak, sama ada membesar dengan identiti yang terpuji atau sebaliknya.

 Islam amat menitikberatkan perihal kemaslahatan seorang kanak-kanak. Abu Hurairah meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda,


Maksudnya: *“Sesiapa yang tidak menunjukkan perasaan kasihan terhadap kanak-kanak atau tidak mengakui hak orang-orang tua maka beliau bukanlah dari kalangan kami.”*<sup>12</sup>


 Sungguhpun demikian, pada masa kini, terlalu ramai kanak-kanak yang diabaikan, didera, dieksploitasi dan diperlakukan dengan tidak sewajarnya oleh golongan dewasa yang sepatutnya menjaga amanah Allah ini.


 Justeru, semua pihak harus menyedari dan memainkan peranan bagi memastikan kanak-kanak sentiasa terjaga dan dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi yang akan menjejaskan proses pembesaran mereka. Antara hak utama seorang kanak-kanak ialah:

<sup>12</sup> Al-Adab Al-Mufrad 353

- ▶ Hak perlindungan
- ▶ Hak perkembangan
- ▶ Hak penyertaan

 Kanak-kanak juga mempunyai hak yang sama dengan manusia dewasa yang perlu dihormati seperti hak dan kerahsiaan peribadi (privacy), tidak dimalukan di khalayak, tidak dianiaya, tidak didera fizikal, mental dan emosi.<sup>13</sup>

 Umat Islam juga harus mengambil iktibar dan contoh teladan daripada junjungan besar Nabi Muhammad SAW bagi memastikan perkembangan diri seorang kanak-kanak. Melalui pendidikan dan penjagaan yang baik, seorang kanak-kanak akan membesar menjadi seorang individu yang bertanggungjawab. Pada zaman Rasulullah, ramai kanak-kanak yang membesar menjadi pemimpin dan individu yang hebat melalui didikan yang baik seperti Ali bin Abi Talib dan Usamah bin Zayd.







 Dalam konteks Malaysia, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001.<sup>14</sup> Definisi tersebut diterima pakai pada peringkat antarabangsa. Mengikut undang-undang Islam pula, istilah kanak-kanak digunakan merujuk kepada seseorang yang belum baligh dan terdapat dua cara bagi menentukan sama ada kanak-kanak itu sudah baligh atau sebaliknya, iaitu baligh secara tabii dan baligh dengan umur.<sup>15</sup> Walau apa pun definisi yang dipakai, perlindungan dan perkembangan seorang kanak-kanak adalah bergantung kepada orang dewasa.

<sup>13</sup> Utusan Online, 18 Februari 2015. <http://www.utusan.com.my/rencana/agama/menjaga-hak-kanak-kanak-1.61165>.

<sup>14</sup> Akta Kanak-kanak 2001.

<sup>15</sup> Perkahwinan Kanak-kanak dan Tahap Minima Umur Perkahwinan dalam Undang-undang Keluarga Islam. Jurnal Syariah, jil. 21, bil. 2 (2013) pp 166 – 167.

## 1 Perlindungan ke atas Kanak-kanak

-  Islam merupakan sebuah agama yang sejahtera dan ianya melarang seseorang daripada mencederakan orang lain tanpa sebarang alasan terutamanya kanak-kanak.
-  Kanak-kanak juga mudah terdedah kepada pelbagai bentuk penderaan, eksploitasi, pengabaian dan jenayah. Sebagai contoh, pada tahun 2014, negara telah dikejutkan dengan penemuan seorang kanak-kanak OKU yang telah dikurung dan diabaikan seorang diri tanpa makanan dan pakaian oleh ibu kandungnya sendiri. Terdapat banyak lagi kes yang boleh dijadikan contoh yang mana hak seorang kanak-kanak boleh dicabuli jika tiada perlindungan yang sewajarnya diberikan.
-  Sebanyak 4,652 kes penderaan kanak-kanak direkodkan sepanjang tahun 2015 hingga tahun lalu. Daripada jumlah itu, penderaan fizikal mencatatkan kes paling tinggi, iaitu 2,470 kes, manakala 2,012 kes adalah penderaan seksual selain penderaan emosi 170 kes.<sup>16</sup> Kerajaan Malaysia juga telah menubuhkan Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-Kanak dengan tujuan untuk membanteras sebarang bentuk jenayah seksual ke atas kanak-kanak.
-  Penderaan kanak-kanak adalah satu bentuk pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah di samping menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka.<sup>17</sup> Penderaan boleh berlaku dalam tiga bentuk, iaitu penderaan fizikal, emosi dan seksual.
-  Sehubungan itu, kesemua pihak terutamanya ibu bapa dan pemimpin harus memainkan peranan dan bekerjasama dalam memastikan kanak-kanak diberikan perlindungan yang sewajarnya bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan mereka sentiasa terjaga.
-  Konsep perlindungan ke atas seorang kanak-kanak tidak akan dapat dipenuhi selagi kita tidak menyelesaikan pelbagai bentuk penderaan, keganasan dan eksploitasi yang akan menafikan – atau mengancam – hak kanak-kanak untuk mendapatkan penjagaan oleh ibu bapa, pendidikan, penjagaan kesihatan, rekreasi dan sukan, serta kebebasan dalam meluahkan buah fikiran mereka.<sup>18</sup>


<sup>16</sup> Utusan Online, 17 Mac 2017. <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/4-652-kes-penderaan-libatkan-kanak-kanak-1.458091>.

<sup>17</sup> Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

<sup>18</sup> *Children in Islam; Their Care, Upbringing and Protection*. Universiti Al-Azhar (2005), p 52.




## 2 Perkembangan Diri Kanak-kanak


 Kanak-kanak diibaratkan seperti sehelai kain putih dan adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk mencorakkannya. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab utama bagi memberi pendidikan dan memastikan perkembangan seorang kanak-kanak. Al-Imam al-Bukhari r.h. meriwayatkan dengan lafaz:


عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يَهُودَانِهِ أَوْ يَنْصَرَانِهِ أَوْ يَمَجَّسَانِهِ

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah r.a., bahawa beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Setiap bayi dilahirkan (ke dunia ini) dalam keadaan fitrah (suci). Maka kedua-dua orang tuanya yang menjadikannya orang Yahudi atau menjadikannya orang Nasrani atau menjadikannya orang Majusi."*

(Riwayat al-Bukhari)<sup>19</sup>

 Hadith di atas membuktikan betapa Islam amat mementingkan aspek perkembangan dan pertumbuhan diri kanak-kanak.

 Proses pertumbuhan dan perkembangan adalah saling berkait dan ianya meliputi perubahan dari segi jasmani, emosi, mental dan sosial yang dapat diukur dari segi kuantitatif dan kualitatif.<sup>20</sup> Salah satu faktor utama yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak ialah dari aspek pendidikan.

 Pendidikan merupakan aspek yang amat penting dalam membentuk personaliti, bakat, kebolehan mental dan fizikal kanak-kanak. Oleh itu, setiap daripada mereka berhak untuk diberikan peluang bagi mendapatkan pendidikan formal tanpa sebarang diskriminasi. Artikel 9 (a) Perisytiharan Kaaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam menyatakan:

<sup>19</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab al-Janaaiz, bab Perbicaraan Kedudukan Anak-anak Orang Musyrik, no. hadith 1385.

<sup>20</sup> Zainuddin Abu Bakar. (2008). Teori-teori perkembangan. [http://eprints.utm.my/6302/1/bab\\_11.pdf](http://eprints.utm.my/6302/1/bab_11.pdf) (Diakses pada 14 September 2017).



*Usaha untuk menimba ilmu adalah suatu kewajiban, dan peruntukan pendidikan adalah satu tanggungjawab kepada masyarakat dan negara akan memastikan wujudnya cara-cara untuk memperoleh pendidikan dan akan menjamin kepelbagaian dalam pendidikan demi kepentingan masyarakat untuk membolehkan mereka mengetahui tentang agama Islam dan fakta-fakta di alam semesta untuk kebaikan umat Islam.*



Pendidikan di Malaysia merupakan satu kewajiban yang telah digariskan dalam Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 yang mana ianya mewajibkan para ibu bapa untuk memberikan pendidikan kepada anak mereka. Seksyen 29A (2) dari akta tersebut memperuntukkan setiap ibu bapa warganegara Malaysia yang tinggal di negara ini memastikan anak mereka yang mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari didaftarkan sebagai murid sekolah rendah.<sup>21</sup>



Islam juga menyeru umatnya untuk mendapatkan ilmu pendidikan. Daripada Anas r.a. berkata, Baginda Rasullullah SAW bersabda, maksudnya: *“Barang siapa keluar mencari ilmu, maka ia sebenarnya berjihad di jalan Allah sehingga dia kembali.”*<sup>22</sup> Hadith ini secara jelas menunjukkan betapa pentingnya pendidikan dalam Islam dengan mengaitkannya dengan jihad di jalan Allah.



Selain itu, aspek lain yang turut mempengaruhi perkembangan kanak-kanak adalah dengan bermain dan menyertai aktiviti kebudayaan. Pembangunan mental dan etimologi kanak-kanak pada peringkat awal berlaku terutamanya melalui permainan secara individu atau berkumpulan. Ini merupakan hak asasi kanak-kanak kerana dengan bermain kanak-kanak mempunyai peluang untuk belajar tentang persekitaran mereka, dan mencetuskan potensi kebolehan mental di samping dapat meningkatkan kebolehan linguistik mereka.<sup>23</sup>



Oleh itu, para ibu bapa atau penjaga tidak seharusnya mengabaikan aspek-aspek tersebut kerana kluatir ianya mungkin akan membantutkan proses perkembangan mereka.

<sup>21</sup> Utusan Online, 7 Oktober 2003. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=p\\_e\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=p_e_01.htm).

<sup>22</sup> Diriwayatkan oleh At-Tirmizi dalam *Sunan*, kitab Al-'Ilm. Hadith 2647.

<sup>23</sup> *Children in Islam; Their Care, Upbringing and Protection*. Universiti Al-Azhar (2005), p 89.

### 3 Tanggungjawab Ibu Bapa, Pemimpin dan Masyarakat

Tanggungjawab dalam menjaga hak seorang kanak-kanak telah digariskan di dalam Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam yang telah diusahakan oleh Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang mana Malaysia merupakan anggotanya. Artikel 7 (a) perisytiharan tersebut menyatakan:

*Bermula dari waktu kelahiran, setiap kanak-kanak mempunyai hak daripada ibu bapa, masyarakat, dan negara untuk diberikan penjagaan, pendidikan serta keperluan kebersihan dan bimbingan moral yang sempurna. Janin dan ibu kedua-duanya dilindungi dan diberi penjagaan istimewa.*

Adalah menjadi fitrah seorang kanak-kanak untuk bergantung kepada orang dewasa dalam semua aspek kehidupan. Tanggungjawab utama terhadap kanak-kanak seharusnya terletak kepada ibu bapa dan keluarganya. Ibu bapa juga seharusnya menjadi contoh teladan yang utama kepada kanak-kanak dengan melayani mereka dengan penuh kasih sayang dan perasaan hormat serta memastikan mereka diberikan keperluan hidup yang mencukupi.

Namun begitu, pada masa kini banyak kes penderaan, eksploitasi atau keganasan ke atas seseorang kanak-kanak itu dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga sendiri. Dalam situasi tersebut, seorang pemimpin dan masyarakat secara keseluruhannya perlu campur tangan bagi memastikan perlindungan sewajarnya dapat diberikan kepada kanak-kanak tersebut. Baginda Nabi Muhammad SAW bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ فَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Maksudnya: “Setiap daripada kamu ialah pemimpin dan kamu akan ditanya tentang apa yang kamu pimpin.”

(Riwayat al-Bukhari)<sup>24</sup>

<sup>24</sup> Riwayat al-Bukhari dalam Sahihnya, kitab Pembebasan Hamba, bab Makruh untuk Menghina Hamba dan Kata-Katanya: Hamba Lelakiku atau Hamba Perempuan, hadith 2554; *Sahih Muslim*, kitab Pemerintahan, bab Kelebihan Pemimpin yang Adil, Balasan kepada Imam yang Zalim, Saranan agar Berlemah Lembut dengan Rakyat dan Larangan daripada Menyusahkan Mereka, no. hadith 1829 (20).

## **Kesimpulan**

Topik perbincangan mengenai penjagaan dan perlindungan hak seorang kanak-kanak tidak harus diambil ringan dan perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Justeru, sekali lagi ditekankan bahawa setiap ibu bapa, pemimpin dan masyarakat bertanggungjawab dalam memastikan hak seseorang kanak-kanak sentiasa dihormati supaya mereka dapat berkembang menjadi seorang khalifah dan pemimpin yang hebat pada masa akan datang.





# CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT

TAJUK:

## PELIHARA HAK ASASI KANAK-KANAK



DIHASILKAN OLEH:

**SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**



## PELIHARA HAK ASASI KANAK-KANAK

(SEMPENA SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK SEDUNIA  
PADA 20 NOVEMBER 2021)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Ajaran Islam menitikberatkan tentang amanah dan tanggungjawab orang dewasa terhadap kanak-kanak. Justeru, mimbar pada hari ini akan membicarakan tajuk khutbah “Pelihara Hak Asasi Kanak-kanak”.



## Hadirin yang dirahmati Allah,

Kanak-kanak adalah anugerah dan amanah yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan hak dan kebajikan mereka sentiasa dipelihara. Mereka ialah bakal pewaris yang akan membangunkan negara dan menyebarkan syiar Islam pada masa hadapan.

Secara umumnya, Islam merujuk kanak-kanak sebagai seseorang yang belum baligh. Dalam konteks Malaysia, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001 dan diterima pakai di peringkat antarabangsa. Walau apa pun maksud yang diguna pakai, perlindungan dan perkembangan seorang kanak-kanak adalah bergantung kepada orang dewasa.

Tempoh untuk mencapai tahap kematangan yang sempurna untuk kanak-kanak adalah bergantung sepenuhnya kepada orang dewasa untuk membuat keputusan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan mereka. Oleh itu, golongan dewasa mempunyai pengaruh besar dalam pembentukan peribadi kanak-kanak, sama ada membesar dengan identiti yang terpuji atau sebaliknya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah asy-Syu'araa', ayat 132 hingga ayat 135:

وَأَنْفُوا الَّذِي أَمَدَّكُمْ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٣٢﴾ أَمَدَّكُمْ بِأَنْعَامٍ وَبَنِينَ  
 وَجَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٣٣﴾ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣٤﴾

Maksudnya: “Dan berbaktilah kamu kepada Allah yang telah menolong kamu dengan pemberian nikmat-nikmat-Nya yang kamu sedia mengetahuinya. Diberinya kamu binatang-binatang ternak (yang biak), serta anak-pinak (yang ramai). Dan taman-taman (yang indah permai) serta mata air-mata air (yang mengalir). Sesungguhnya aku takut, (bahawa) kamu akan ditimpa azab seksa hari yang besar (huru-haranya).”

(Surah asy-Syu'araa' 26: 132 – 135)

Ayat ini menjelaskan bahawa segala anugerah Allah kepada kita berupa ilmu pengetahuan, haiwan ternakan, ladang pertanian, mata air dan lain-lain termasuklah

kanak-kanak adalah merupakan ujian kepada kita. Sama ada ia membawa takwa kepada Allah atau sebaliknya. Hak-hak mereka mestilah ditunaikan dan diberikan perhatian sewajarnya. Islam amat menitikberatkan perihal kemaslahatan kanak-kanak. Abdullah bin ‘Amr r.a. meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW pernah bersabda:

Maksudnya: *“Orang yang tidak bersikap belas kasihan terhadap kanak-kanak dan tidak tahu (menunaikan) hak orang-orang tua, maka dia bukan daripada kalangan kami.”*

*(Riwayat Abu Dawud dan Ahmad)*

Justeru, semua pihak harus menyedari dan memainkan peranan bagi memastikan kanak-kanak sentiasa dipelihara dan dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi yang akan menjejaskan proses pembesaran mereka. Kanak-kanak juga mempunyai hak yang sama dengan manusia dewasa yang perlu dihormati seperti hak kepada kerahsiaan peribadi, tidak dimalukan di khalayak ramai, tidak dianiaya, tidak didera secara fizikal, mental dan emosi.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Islam merupakan sebuah agama yang sejahtera dan melarang seseorang daripada mencederakan orang lain tanpa sebarang alasan terutamanya kanak-kanak. Penderaan kanak-kanak adalah satu bentuk pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah di samping menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka.

Perlindungan ke atas kanak-kanak tidak akan dapat dipenuhi selagi kita tidak menyelesaikan pelbagai bentuk penderaan, keganasan dan eksploitasi yang akan menafikan atau mengancam hak kanak-kanak untuk mendapatkan penjagaan oleh ibu bapa, pendidikan, penjagaan kesihatan, rekreasi dan sukan, serta kebebasan untuk meluahkan buah fikiran mereka.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkenaan dengan kes kesalahan penderaan kanak-kanak pada tahun 2018, sebanyak 281 kes melibatkan kanak-kanak lelaki dan 175 kes kanak-kanak perempuan. Majoriti kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan adalah antara umur 1 hingga 7 tahun dengan sebanyak 207 kes. Selain itu, setiap tahun kes penderaan kanak-kanak semakin meningkat dan perkara ini sangat membimbangkan sekiranya tidak ditangani.



Mengenai penjagaan kesihatan kanak-kanak di Malaysia, beberapa laporan antarabangsa telah dikeluarkan berkenaan masalah kanak-kanak di Malaysia yang kurang nutrisi. Menurut Laporan Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati bahawa 17.7 peratus kanak-kanak dan remaja antara usia 5 hingga 19 tahun mengalami masalah pertumbuhan terbantut. Manakala berdasarkan Kajian Nutrisi Kanak-Kanak Malaysia, satu daripada tiga keluarga di Malaysia mengalami kekurangan nutrisi penting. Ia jelas menunjukkan bahawa isu kanak-kanak di Malaysia yang mengalami kekurangan nutrisi agak serius.

Menurut Artikel 24 Konvensyen mengenai hak kanak-kanak telah menyatakan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapatkan standard penjagaan kesihatan dan perubatan yang paling tinggi dan menjadi tanggungjawab negara untuk menyediakan sistem rawatan terbaik untuk mereka.

### **Hadirin yang dirahmati Allah,**




Isu perkahwinan kanak-kanak di Malaysia masih diperdebatkan sehingga hari ini. Terdapat kajian yang mengatakan bahawa faktor perkahwinan kanak-kanak di Malaysia berlaku bukan kerana masalah, tetapi disebabkan keterlanjuran dan keinginan menutup aib atau maruah keluarga yang tercemar. Walaupun dalam Islam membenarkan perkahwinan kanak-kanak, namun ibu bapa harus melihat kepentingan yang terbaik demi masa depan anak-anak mereka. Selain itu, Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa komplikasi dan kematian yang lebih tinggi akibat daripada kehamilan melibatkan remaja perempuan antara 10 ke 19 tahun berbanding wanita yang berumur 20 ke 24 tahun.

Justeru itu, ibu bapa hendaklah memainkan peranan penting dalam melindungi kanak-kanak. Perkembangan fizikal dan mental seseorang kanak-kanak harus diambil berat dalam memastikan kanak-kanak dapat membesar dengan sempurna.

Ibu bapa juga seharusnya menjadi contoh teladan yang utama kepada kanak-kanak dengan melayani mereka dengan penuh kasih sayang dan perasaan hormat serta memastikan mereka diberikan keperluan hidup yang mencukupi.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kesimpulan yang boleh diambil daripada khutbah Jumaat pada hari ini adalah:

-  **Pertama:** Kanak-kanak adalah anugerah Allah SWT sebagai penyambung zuriat dan keturunan.
-  **Kedua:** Kanak-kanak berhak mendapat pendidikan, penjagaan kesihatan, perlindungan dan sebagainya.
-  **Ketiga:** Pemimpin dan masyarakat memainkan peranan penting dalam memelihara hak asasi kanak-kanak.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:**

**PELIHARALAH HAK ASASI  
KANAK-KANAK**



**DIBACA OLEH:**

**JABATAN AGAMA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PADA:**

**15 DISEMBER 2017**





## PELIHARALAH HAK ASASI KANAK-KANAK

(SEMPENA HARI KANAK-KANAK SEDUNIA)  
 JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
 15 DISEMBER 2017 M/ 26 RABIULAWAL 1439 H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَاتَّقُوا الَّذِي أَمَدَّكُمْ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٧٦﴾ أَمَدَّكُمْ بِأَنْعَامِ وَبَنِينَ  
 ﴿١٧٧﴾ وَجَنَّتِ وَعُيُونِ ﴿١٧٨﴾ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٧٩﴾

### Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Tuntutan bertakwa kepada Allah SWT adalah tuntutan yang tertinggi dalam Islam. Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan dalam masa yang sama meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua dibangkitkan dalam kalangan orang-orang yang bertakwa di akhirat kelak.

Ajaran Islam amat menitikberatkan pembelaan dan perhatian terhadap kanak-kanak. Ia tentunya suatu tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh golongan dewasa. Justeru, tajuk khutbah pada hari ini ialah, “Peliharalah Hak Asasi Kanak-kanak”.

## Sidang jemaah yang berbahagia,

Kanak-kanak merupakan anugerah dan amanah yang diberikan Allah SWT kepada hamba-Nya. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan hak dan kebajikan mereka sentiasa terjaga. Mereka juga bakal pewaris yang akan membentuk sesebuah negara dan membangunkan syiar Islam pada masa hadapan.

Secara umumnya, dalam Islam kanak-kanak adalah merujuk kepada seseorang yang belum baligh. Ia ditentukan dengan faktor tabii atau had umur. Namun dalam konteks Malaysia, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001 dan takrifan ini turut digunakan di peringkat antarabangsa. Walau apa jua takrifan yang digunakan, perlindungan dan perkembangan seseorang kanak-kanak adalah bergantung kepada orang dewasa.

Dalam tempoh mencapai tahap kematangan yang sempurna, kanak-kanak bergantung sepenuhnya kepada orang dewasa untuk membuat keputusan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan mereka. Oleh yang demikian, golongan dewasa mempunyai pengaruh terbesar dalam pembentukan watak kanak-kanak, sama ada membesar dengan identiti yang terpuji atau sebaliknya. Firman Allah SWT yang dibacakan pada permulaan khutbah tadi daripada surah asy-Syu'araa', ayat 132 hingga 135:

وَأَنْفُوا الَّذِي أَمَدَّكُمْ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٣٢﴾ أَمْ تَكْفُرُونَ بِالنِّعَمِ وَبِالَّذِينَ  
 وَجَّعْتُمْ وَعُيُونٍ ﴿١٣٣﴾ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣٤﴾

Maksudnya: “Dan berbaktilah kamu kepada Allah yang telah menolong kamu dengan pemberian nikmat-nikmat-Nya yang kamu sedia mengetahuinya. Diberinya kamu binatang-binatang ternak (yang biak), serta anak-pinak (yang ramai). Dan taman-taman (yang indah permai) serta mata air-mata air (yang mengalir). Sesungguhnya aku takut, (bahawa) kamu akan ditimpa azab seksa hari yang besar (huru-haranya).”

(Surah asy-Syu'araa' 26: 132 – 135)

Ayat tersebut mengisyaratkan bahawa segala anugerah Allah SWT kepada kita berupa ilmu pengetahuan, haiwan ternakan, ladang pertanian, mata air dan lain-lain termasuklah kanak-kanak adalah merupakan ujian kepada kita. Sama ada ia membawa kepada takwa kepada Allah SWT atau sebaliknya. Hak-hak mereka mestilah ditunaikan



dan diberikan perhatian sewajarnya. Islam amat menitikberatkan perihal kemaslahatan kanak-kanak. Imam Ahmad r.h. telah meriwayatkan hadith daripada Abdullah bin ‘Amr r.a., bahawa Nabi SAW pernah bersabda:

مَنْ لَمْ يَرَحْمَ صَغِيرَنَا وَيَعْرِفْ حَقَّ كَبِيرِنَا فَلَيْسَ مِنَّا.

Maksudnya: *“Orang yang tidak (menunjukkan perasaan) belas kasihan terhadap kanak-kanak kami dan tidak tahu (menunaikan) hak orang-orang tua kami, maka dia bukan daripada kalangan kami.”*

Justeru, semua pihak harus menyedari dan memainkan peranan bagi memastikan kanak-kanak sentiasa terjaga dan dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi yang akan menjejaskan proses tumbesaran mereka. Kanak-kanak juga mempunyai hak yang sama dengan golongan dewasa yang perlu dihormati seperti hak kerahsiaan peribadi, tidak dimalukan di khalayak, dan tidak didera fizikal, mental juga emosi.

Umat Islam juga harus mengambil iktibar dan contoh teladan daripada junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang sangat menyantuni kanak-kanak. Imam al-Bukhari r.h. telah meriwayatkan hadith daripada Sahl bin Sa‘d r.a., beliau menceritakan bahawa suatu ketika, Nabi SAW telah dihidangkan segelas minuman. Baginda SAW kemudian meminumnya sedang ketika itu di sebelah kanan Baginda SAW ada seorang anak kecil yang paling muda dalam kalangan yang hadir, manakala orang-orang tua berada di sebelah kiri Baginda SAW. Rasulullah SAW lalu bersabda:

يَا غُلَامُ! أَتَأْذَنُ لِي أَنْ أَعْطِيَهُ الْأَشْيَاحَ؟ قَالَ: مَا كُنْتُ لِأَوْثَرِ بِفَضْلِي مِنْكَ أَحَدًا، يَا رَسُولَ اللَّهِ! فَأَعْطَاهُ إِيَّاهُ.

Maksudnya: *“Wahai anak kecil, apakah kamu mengizinkan aku untuk memberi minuman ini kepada orang tua?”* Anak itu menjawab: *“Aku tidak akan mendahuluikan seorang pun daripada diriku selain kamu wahai Rasulullah.”* Lantas Baginda pun memberikan kepadanya.

(Riwayat al-Bukhari)

### **Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,**

Islam merupakan sebuah agama yang sejahtera dan ia melarang seseorang daripada mencederakan orang lain tanpa sebarang alasan terutamanya kanak-kanak. Penderaan

kanak-kanak adalah suatu bentuk pencabulan yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah. Penderaan boleh berlaku dalam bentuk fizikal, emosi dan seksual.

Perlindungan ke atas kanak-kanak tidak akan dapat dipenuhi selagi kita tidak menyelesaikan pelbagai bentuk penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap mereka. Semua ini akan menafikan dan mengancam hak kanak-kanak dalam mendapatkan penjagaan ibu bapa, pendidikan, penjagaan kesihatan, rekreasi, serta kebebasan dalam meluahkan buah fikiran mereka.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Kanak-kanak diibaratkan seperti sehelai kain putih dan adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk mencorakkannya. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab utama bagi memberi pendidikan dan memastikan perkembangan seseorang kanak-kanak. Imam al-Bukhari r.h. telah meriwayatkan hadith daripada Abu Hurairah r.a., bahawa Nabi SAW telah bersabda:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجْسِنَانِهِ كَمَثَلِ  
الْبَيْمَةِ تُنْتَجُ الْبَيْمَةَ هَلْ تَرَى فِيهَا جَدْعَاءَ؟

Maksudnya: “Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (Islam). Kemudian kedua-dua ibu bapanyalah yang akan menjadikan anak itu Yahudi, Nasrani, atau Majusi seperti binatang ternak yang melahirkan binatang ternak yang sempurna. Adakah kamu melihat terdapat kecacatan padanya?”

(Riwayat al-Bukhari)

Hadith di atas menunjukkan ibu bapa memainkan peranan yang besar dalam menentukan hala tuju dan masa depan kanak-kanak. Pendidikan merupakan aspek yang amat penting dalam membentuk personaliti, bakat, kebolehan mental dan fizikal kanak-kanak. Oleh itu, setiap daripada mereka berhak untuk diberikan peluang bagi mendapatkan pendidikan formal tanpa sebarang diskriminasi.

### **Hadirin Muslimin yang dimuliakan,**




Kanak-kanak sememangnya bergantung kepada orang dewasa dalam semua aspek kehidupan. Ibu bapa sewajarnya bertanggungjawab dan menjadi contoh teladan yang utama kepada kanak-kanak. Layanilah mereka dengan penuh kasih sayang dan perasaan hormat. Pastikan mereka diberi keperluan hidup yang seimbang dan mencukupi.



Namun begitu, pada masa kini banyak kes penderaan, eksploitasi dan keganasan ke atas kanak-kanak dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga sendiri. Pemimpin dan masyarakat hendaklah campur tangan bagi memastikan perlindungan diberikan kepada kanak-kanak tersebut. Ini perlu agar mereka dapat berkembang menjadi pemimpin yang hebat dan aset yang berguna kepada umat pada masa akan datang.

### Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

-  **Pertama:** Kanak-kanak adalah anugerah Allah SWT sebagai zuriat dan penyambung keturunan kita.
-  **Kedua:** Kanak-kanak berhak mendapat penjagaan, pendidikan, keselamatan dan sebagainya.
-  **Ketiga:** Pemimpin dan masyarakat turut memainkan peranan yang besar dalam membela dan melindungi kanak-kanak.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah at-Tuur, ayat 21:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ  
وَمَا أَلْتَهُمْ مِنْ عَمَلِهِمْ مِنْ شَيْءٍ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *Dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam Syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.*

(Surah at-Tuur 52: 21)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.





**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

TAJUK:

**PELIHARA HAK ASASI  
KANAK-KANAK**



DIBACA OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL  
AGAMA ISLAM NEGERI SABAH**

PADA:

**22 NOVEMBER 2019**



## PELIHARA HAK ASASI KANAK-KANAK

(SEMPENA SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK SEDUNIA –  
20 NOVEMBER 2019)

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH  
22 NOVEMBER 2019 M/25 RABIULAWAL 1441 H

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN PROMOSI DAN KEMASYARAKATAN  
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

Kolaborasi dengan:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS)**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ  
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا  
أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦١﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Ajaran Islam menitikberatkan tentang amanah dan tanggungjawab orang dewasa terhadap kanak-kanak. Justeru, mimbar pada hari ini akan membicarakan tajuk khutbah “Pelihara Hak Asasi Kanak-kanak”.

### Hadirin yang dirahmati Allah,

Kanak-kanak adalah anugerah dan amanah yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan hak dan kebajikan mereka sentiasa dipelihara. Mereka ialah bakal pewaris yang akan membangunkan negara dan menyebarkan syiar Islam pada masa hadapan.

Secara umumnya, Islam merujuk kanak-kanak sebagai seseorang yang belum baligh. Dalam konteks Malaysia, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001 dan diterima pakai di peringkat antarabangsa. Walau apa pun maksud yang diguna pakai, perlindungan dan perkembangan seorang kanak-kanak adalah bergantung kepada orang dewasa.

Tempoh untuk mencapai tahap kematangan yang sempurna untuk kanak-kanak adalah bergantung sepenuhnya kepada orang dewasa untuk membuat keputusan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan mereka. Oleh itu, golongan dewasa mempunyai pengaruh besar dalam pembentukan peribadi kanak-kanak, sama ada membesar dengan identiti yang terpuji atau sebaliknya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah asy-Syu‘araa’, ayat 132 hingga ayat 135:

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْعَمَ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٣٢﴾ أَمْ تَكْفُرُ بِأَنْعَمِ رَبِّنَا  
 ﴿١٣٣﴾ وَجَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٣٤﴾ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣٥﴾

Maksudnya: “Dan berbaktilah kamu kepada Allah yang telah menolong kamu dengan pemberian nikmat-nikmat-Nya yang kamu sedia mengetahuinya. Diberinya kamu binatang-binatang ternak (yang biak), serta anak-pinak (yang ramai). Dan taman-taman (yang indah permai) serta mata air-mata air (yang mengalir). Sesungguhnya aku takut, (bahawa) kamu akan ditimpa azab seksa hari yang besar (huru-haranya).”

(Surah asy-Syu‘araa’ 26: 132 – 135)



Ayat ini menjelaskan bahawa segala anugerah Allah kepada kita berupa ilmu pengetahuan, haiwan ternakan, ladang pertanian, mata air dan lain-lain termasuklah kanak-kanak adalah merupakan ujian kepada kita. Sama ada ia membawa kepada takwa kepada Allah atau sebaliknya. Hak-hak mereka mestilah ditunaikan dan diberikan perhatian sewajarnya. Islam amat menitikberatkan perihal kemaslahatan kanak-kanak. Abdullah bin ‘Amr r.a. meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW pernah bersabda:

Maksudnya: *“Orang-yang tidak bersikap belas kasihan terhadap kanak-kanak dan tidak tahu (menunaikan) hak orang-orang tua, maka dia bukan daripada kalangan kami.”*

*(Riwayat Abu Dawud dan Ahmad)*

Justeru, semua pihak harus menyedari dan memainkan peranan bagi memastikan kanak-kanak sentiasa dipelihara dan dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi yang akan menjejaskan proses pembesaran mereka. Kanak-kanak juga mempunyai hak yang sama dengan manusia dewasa yang perlu dihormati seperti hak kepada kerahsiaan peribadi, tidak dimalukan di khalayak ramai, tidak dianiaya, tidak didera secara fizikal, mental dan emosi.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Islam merupakan sebuah agama yang sejahtera dan melarang seseorang daripada mencederakan orang lain tanpa sebarang alasan terutamanya kanak-kanak. Penderaan kanak-kanak adalah satu bentuk pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah di samping menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka.

Perlindungan ke atas kanak-kanak tidak akan dapat dipenuhi selagi kita tidak menyelesaikan pelbagai bentuk penderaan, keganasan dan eksploitasi yang akan menafikan atau mengancam hak kanak-kanak untuk mendapatkan penjagaan oleh ibu bapa, pendidikan, penjagaan kesihatan, rekreasi dan sukan, serta kebebasan untuk meluahkan buah fikiran mereka.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkenaan dengan kes kesalahan penderaan kanak-kanak pada tahun 2018, sebanyak 281 kes melibatkan kanak-kanak lelaki dan 175 kes kanak-kanak perempuan. Majoriti kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan adalah antara umur 1 – 7 tahun dengan



sebanyak 207 kes. Selain itu, setiap tahun kes penderaan kanak-kanak semakin meningkat dan perkara ini sangat membimbangkan sekiranya perkara ini tidak ditangani.

Mengenai penjagaan kesihatan kanak-kanak di Malaysia, beberapa laporan antarabangsa telah dikeluarkan berkenaan masalah kanak-kanak di Malaysia yang kurang nutrisi. Menurut Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati bahawa 17.7 peratus kanak-kanak dan remaja antara usia 5 hingga 19 tahun mengalami masalah pertumbuhan terbantut. Manakala berdasarkan Kajian Nutrisi Kanak-kanak Malaysia, satu daripada tiga keluarga di Malaysia mengalami kekurangan nutrisi penting. Ia jelas menunjukkan bahawa isu kanak-kanak di Malaysia yang mengalami kekurangan nutrisi agak serius.

Menurut Artikel 24 Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak telah menyatakan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapatkan standard penjagaan kesihatan dan perubatan yang paling tinggi dan menjadi tanggungjawab negara untuk menyediakan sistem rawatan terbaik untuk mereka.

### **Hadirin yang dirahmati Allah,**




Isu perkahwinan kanak-kanak di Malaysia masih diperdebatkan sehingga hari ini. Terdapat kajian yang mengatakan bahawa faktor perkahwinan kanak-kanak di Malaysia berlaku bukan kerana masalah, tetapi disebabkan keterlanjuran dan keinginan menutup aib atau maruah keluarga yang tercemar. Walaupun dalam Islam membenarkan perkahwinan kanak-kanak, namun ibu bapa harus melihat kepentingan yang terbaik demi masa depan anak-anak mereka. Selain itu, Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa komplikasi dan kematian yang lebih tinggi akibat daripada kehamilan melibatkan remaja perempuan antara 10 ke 19 tahun berbanding wanita yang berumur 20 ke 24 tahun.

Justeru itu, ibu bapa hendaklah memainkan peranan penting dalam melindungi kanak-kanak. Perkembangan fizikal dan mental seseorang kanak-kanak harus diambil berat dalam memastikan kanak-kanak dapat membesar dengan sempurna.

Ibu bapa juga seharusnya menjadi contoh teladan yang utama kepada kanak-kanak dengan melayani mereka dengan penuh kasih sayang dan perasaan hormat serta memastikan mereka diberikan keperluan hidup yang mencukupi.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kesimpulan yang boleh diambil daripada khutbah Jumaat pada hari ini adalah:

-  **Pertama:** Kanak-kanak adalah anugerah Allah SWT sebagai penyambung zuriat dan keturunan.
-  **Kedua:** Kanak-kanak berhak mendapat pendidikan, penjagaan kesihatan, perlindungan dan sebagainya.
-  **Ketiga:** Pemimpin dan masyarakat memainkan peranan penting dalam memelihara hak asasi kanak-kanak.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:**

**KANAK-KANAK  
PEWARIS NEGARA**



**DIBACA OLEH:**

**JABATAN AGAMA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PADA:**

**29 NOVEMBER 2019**





## KANAK-KANAK PEWARIS NEGARA

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
29 NOVEMBER 2019 M/2 RABIULAKHIR 1441 H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ  
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَاتَّقُوا الَّذِي أَمَدَّكُمْ بِمَاعْتَمُونَ ﴿١٧٣﴾ أَمَدَّكُمْ بِأَنْعَمِ وَبَيْنَ  
﴿١٧٤﴾ وَجَنَّتْ وَعُيُونِ ﴿١٧٥﴾ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمِ عَظِيمِ ﴿١٧٦﴾

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua dibangkitkan dalam kalangan orang-orang yang mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Islam amat menitikberatkan pembelaan dan perhatian terhadap kanak-kanak. Justeru, tajuk khutbah pada hari ini ialah, “Kanak-kanak Pewaris Negara”.



### Sidang jemaah yang berbahagia,

Kanak-kanak adalah anugerah dan amanah Allah SWT. Kita dipertanggungjawab memastikan hak dan kebajikan mereka sentiasa terjaga kerana mereka bakal pewaris yang akan membangunkan syiar Islam dan memacu pembangunan negara pada masa hadapan.

Secara umumnya, dalam Islam kanak-kanak merujuk kepada seseorang yang belum baligh. Ia ditentukan dengan faktor tabii atau had umur. Namun dalam konteks Malaysia, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001 dan takrifan ini turut digunakan di peringkat antarabangsa. Walau apa jua takrifan yang digunakan, perlindungan dan perkembangan seseorang kanak-kanak adalah bergantung kepada orang dewasa.

Oleh yang demikian, golongan dewasa mempunyai peranan yang besar dalam pembentukan diri kanak-kanak, sama ada membesar dengan akhlak yang terpuji atau sebaliknya. Firman Allah SWT dalam surah asy-Syu'araa', ayat 132 hingga 135:

وَأَنْتُمْ أُولُو الْأَرْحَامِ الَّذِينَ أَمْذَقْتُم بِالْمَاءِ وَبِالْحَلِيبِ وَأَمَّا الْبِطْخَانُ فَكُلْتُم بِهِ مِنْ ثَمَرِهِ وَمِنْ عَمَلِهِ أُفٍّ بِنْتِكُمْ هُنَّ وَالنَّسَاءُ يَنْتَعِمْنَ بِهِنَّ وَأَمَّا الْإِنْسَاءُ فَطَبَقْتُهُنَّ بِالنَّارِ لِحُرَّتِهِنَّ وَالنَّارُ كَانَتْ أَشَدَّ لِحُرَّتِهِنَّ وَأَمَّا الْكُلْبُ فَكَانَ غَدَقَةً لِّصَاحِبِهِ بِمَا لَمْ يَكُنِ الْيَاقُوتَ وَاللُّبَّكُ وَالنَّارُ كَانَتْ أَشَدَّ لِحُرَّتِهِنَّ وَأَمَّا الْإِنْسَاءُ فَطَبَقْتُهُنَّ بِالنَّارِ لِحُرَّتِهِنَّ وَالنَّارُ كَانَتْ أَشَدَّ لِحُرَّتِهِنَّ وَأَمَّا الْكُلْبُ فَكَانَ غَدَقَةً لِّصَاحِبِهِ بِمَا لَمْ يَكُنِ الْيَاقُوتَ وَاللُّبَّكُ

Maksudnya: “Dan berbaktilah kamu kepada Allah yang telah menolong kamu dengan pemberian nikmat-nikmat-Nya yang kamu sedia mengetahuinya. Diberinya kamu binatang-binatang ternak (yang biak), serta anak-pinak (yang ramai). Dan taman-taman (yang indah permai) serta mata air-mata air (yang mengalir). Sesungguhnya aku takut, (bahawa) kamu akan ditimpa azab seksa hari yang besar (huru-haranya).”

(Surah asy-Syu'araa' 26: 132 – 135)

Ayat tersebut mengisyaratkan bahawa segala anugerah Allah SWT kepada kita termasuk kanak-kanak adalah ujian kepada kita. Sama ada ia membawa kepada takwa kepada Allah SWT atau sebaliknya. Justeru, hak-hak mereka mestilah ditunaikan dan diberikan perhatian sewajarnya. Islam amat menitikberatkan perihal kemaslahatan kanak-kanak. Imam Ahmad r.h. telah meriwayatkan hadith daripada Abdullah bin 'Amr r.a., bahawa Nabi SAW pernah bersabda:

مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيَعْرِفْ حَقَّ كَبِيرَنَا فَلَيْسَ مِنَّا.

Maksudnya: “Orang yang tidak menunjukkan perasaan belas kasihan terhadap kanak-kanak kami dan tidak tahu menunaikan hak orang-orang tua kami, maka dia bukan daripada kalangan kami.”

Justeru, semua pihak harus menyedari dan memainkan peranan bagi memastikan kanak-kanak sentiasa terjaga dan dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi yang akan menjejaskan proses tumbesaran mereka. Kanak-kanak juga mempunyai hak yang sama dengan golongan dewasa yang perlu dihormati seperti hak kerahsiaan peribadi, tidak dimalukan di khalayak dan tidak didera fizikal, mental juga emosi.

### **Sidang jemaah yang berbahagia,**

Islam merupakan sebuah agama yang sejahtera. Ia melarang sebarang bentuk keganasan dan kezaliman, lebih-lebih lagi terhadap kanak-kanak. Penderaan kanak-kanak sama ada dalam bentuk fizikal, emosi dan seksual adalah suatu bentuk pencabulan yang serius terhadap hak mereka. Perlindungan ke atas kanak-kanak tidak akan dapat dipenuhi selagi kita tidak menyelesaikan pelbagai bentuk penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap mereka.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia berkenaan dengan kes kesalahan penderaan kanak-kanak pada tahun 2018, sebanyak 281 kes melibatkan kanak-kanak lelaki dan 175 kes kanak-kanak perempuan. Majoriti kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan adalah antara umur 1 hingga 7 tahun dengan sebanyak 207 kes. Malah, baru-baru ini kes-kes yang melibatkan penderaan sehingga membawa kepada kematian dan kes-kes pembuangan bayi turut menjadi barah dalam masyarakat. Adakah telah hilang kewarasan manusia sehingga sanggup bertindak kejam lebih daripada binatang? Justeru, mimbar mengajak semua jemaah sekalian untuk menyokong segala usaha kerajaan dalam memastikan penjagaan dan perlindungan yang sewajarnya diberikan kepada setiap kanak-kanak tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan.

Mengenai penjagaan kesihatan kanak-kanak di Malaysia, beberapa laporan antarabangsa telah dikeluarkan berkenaan masalah kanak-kanak di Malaysia yang kurang nutrisi. Menurut Laporan Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati bahawa 17.7 peratus kanak-kanak dan remaja antara usia 5 hingga 19 tahun mengalami masalah



pertumbuhan terbantut. Manakala berdasarkan Kajian Nutrisi Kanak-kanak Malaysia, satu daripada tiga keluarga di Malaysia mengalami kekurangan nutrisi penting. Ia jelas menunjukkan bahawa isu kanak-kanak di Malaysia yang mengalami kekurangan nutrisi agak serius.

Menurut Artikel 24 Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak telah menyatakan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapatkan standard penjagaan kesihatan dan perubatan yang paling tinggi dan menjadi tanggungjawab negara untuk menyediakan sistem rawatan terbaik untuk mereka.

### **Hadirin yang dirahmati Allah,**

Isu perkahwinan kanak-kanak di Malaysia masih diperdebatkan sehingga hari ini. Walaupun dalam Islam membenarkan perkahwinan kanak-kanak, namun ibu bapa harus melihat apa yang terbaik demi masa depan anak-anak mereka. Selain itu, laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia juga menyatakan bahawa komplikasi dan kematian yang lebih tinggi akibat daripada kehamilan melibatkan remaja perempuan antara 10 hingga 19 tahun berbanding wanita yang berumur 20 hingga 24 tahun.

Justeru, ibu bapa hendaklah memainkan peranan penting dalam melindungi kanak-kanak. Perkembangan fizikal dan mental mereka harus diambil berat dalam memastikan mereka dapat membesar dengan sempurna. Ibu bapa juga seharusnya menjadi contoh teladan yang utama dengan melayani mereka dengan penuh kasih sayang dan perasaan hormat serta memastikan mereka diberikan keperluan hidup yang mencukupi.

### **Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,**

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:



**Pertama:** Kanak-kanak adalah anugerah Allah SWT sebagai zuriat dan penyambung keturunan kita. Mereka juga bakal mewarisi kepimpinan negara.



**Kedua:** Kanak-kanak berhak mendapat penjagaan, pendidikan, keselamatan dan sebagainya.



**Ketiga:** Pemimpin dan masyarakat turut memainkan peranan yang besar dalam membela dan melindungi kanak-kanak.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah at-Tuur, ayat 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ  
وَمَا أَلْتَهُمْ مِنْ عَمَلِهِمْ مِنْ شَيْءٍ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *Dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam Syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.*

(Surah at-Tuur 52: 21)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





# HAK KESIHATAN



# TEKS KHUTBAH JUMAAT

**SUHAKAM**

Hak kepada Kesehatan

**SUHAKAM**

Hak terhadap Penjagaan Kesehatan

**JAWI**

Ibrah Israk dan Mikraj

**JAIPP**

Hak terhadap Penjagaan Kesehatan









# **CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
HAK KEPADA KESIHATAN**



**DIHASILKAN OLEH:  
SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**



## HAK KEPADA KESIHATAN

(SEMPENA HARI KESIHATAN SEDUNIA PADA 7 APRIL 2018)

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Kesihatan jasmani dan rohani merupakan satu elemen yang amat penting bagi melahirkan tenaga dan modal insan yang cergas dan sihat yang akan membantu dalam membangunkan agama, bangsa dan negara. Kesihatan juga merupakan salah satu daripada aspek hak asasi manusia yang amat penting dalam kehidupan setiap individu dan ianya juga amat berkait rapat dengan pelbagai lagi cabang hak asasi manusia yang lain.

Agama Islam sememangnya amat menitikberatkan aspek kesihatan seseorang individu. Ini kerana, Islam bukanlah hanya sekadar agama, tapi merupakan Ad-Din yang juga bermaksud satu cara hidup. Justeru, aspek penjagaan kesihatan seseorang sememangnya sebahagian daripada *ad-Din* memandangkan ianya merupakan sebahagian daripada kehidupan kita. Justeru, tajuk khutbah hari ini ialah, “Hak kepada Kesihatan”.

### **Sidang jemaah yang berbahagia,**

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), definisi kesihatan ialah satu tahap atau keadaan yang mana seseorang individu itu mempunyai kesejahteraan yang sempurna dari segi fizikal, mental dan sosial dan bukan semata-mata bebas daripada penyakit atau tidak berdaya.<sup>25</sup> Setiap orang termasuk lelaki, wanita, belia dan kanak-kanak mempunyai hak kepada tahap kesihatan fizikal dan mental tertinggi secara sama rata tanpa sebarang bentuk diskriminasi. WHO melalui perlembagaannya juga telah mengesahkan bahawa “menikmati piawaian kesihatan tertinggi yang boleh diperoleh adalah salah satu hak-

<sup>25</sup> “Frequently asked questions.” World Health Organization. Diakses Februari 26, 2018. <http://www.who.int/suggestions/faq/en/>.

hak yang asas bagi setiap manusia tanpa membezakan bangsa, agama, pegangan politik, keadaan ekonomi dan keadaan sosial.”<sup>26</sup>

Dalam Islam, kepentingan kesihatan boleh dilihat daripada kedua-dua sudut agama dan dunia. Dari sudut agama, seseorang Muslim dapat menunaikan solat, puasa dan berjihad di jalan Allah. Manakala dari sudut keduniaan pula, seseorang individu yang sihat dapat memajukan diri, membangun dan memanfaatkan orang lain. Sebagaimana individu yang tidak akan maju tanpa kesihatan, begitu juga dengan masyarakat kerana masyarakat yang sihat lahir daripada individu yang sihat.<sup>27</sup> Firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 26:

قَالَتْ إِحَدُهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَهُ  
الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: *Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah yang kuat, lagi amanah.”*

(Surah al-Qasas 28: 26)

Ayat al-Quran di atas jelas menunjukkan betapa Islam amat mengutamakan aspek kesihatan seorang Mukmin. Nabi Muhammad SAW juga menganjurkan supaya umat Islam mendapatkan penjagaan kesihatan berdasarkan hadith:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً، فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ.

Maksudnya: *Daripada Abu Darda r.a., beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat dan menjadikan bagi setiap penyakit ada ubatnya, maka berubatlah kamu dan janganlah kamu berubat dengan sesuatu yang haram.*

(Riwayat Abu Dawud)<sup>28</sup>

<sup>26</sup> Perlembagaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

<sup>27</sup> Muhammad Hanif bin Hassan. *Pandangan Umum Islam terhadap Kesihatan dan Perubatan* (Singapura: Perdaus, 2000), 6 – 7.

<sup>28</sup> Riwayat Abu Dawud, kitab at-Tibb (perubatan), bab Ubat-ubatan yang Dilarang, no. hadith 3874, berkata al-Arnauút (6/23), hadith sahih lighairihi.



Penjagaan kesihatan juga adalah sebahagian daripada tujuan syariat (Maqasid Syariah). Ulama telah mengatakan bahawa keseluruhan daripada syariat Islam ialah untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu, iaitu untuk menjaga agama, jiwa, harta, akal dan keturunan.<sup>29</sup>

Tambahan lagi, Artikel 17(b), Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam telah menggariskan bahawa, “semua orang berhak untuk mendapatkan penjagaan perubatan dan sosial, dan semua kemudahan awam yang disediakan oleh masyarakat dan negara di dalam batasan-batasan sumber-sumber mereka yang ada.”<sup>30</sup>

Islam tidak akan dapat diamalkan dengan sempurna dan tidak akan dapat dihayati tanpa kesihatan pada individu Muslim dan ini pasti akan menjejaskan matlamat penciptaan manusia, iaitu untuk mengabdikan diri kepada Allah dan menjadi khalifah yang memakmurkan dunia ini.<sup>31</sup>

### **Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,**

Terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi aspek kesihatan seseorang individu, antaranya sumber makanan dan air yang selamat, kebersihan, nutrisi yang mencukupi, keadaan tempat kerja dan persekitaran yang sihat dan pendidikan mengenai aspek kesihatan.<sup>32</sup> Selain itu, aspek lain yang perlu diberi penekanan ialah servis dan perkhidmatan kesihatan. Umum mengetahui bahawa perkhidmatan kesihatan di Malaysia merupakan antara yang terbaik pada peringkat antarabangsa. Namun begitu, masih terdapat ruang dan aspek yang boleh diperbaiki dari semasa ke semasa.

Rakyat Malaysia amat bergantung kepada kemudahan kerajaan memandangkan majoriti daripada kita masih tidak mampu untuk menanggung kos perubatan yang tinggi di hospital swasta. Oleh itu, isu seperti kesesakan dan waktu menunggu yang lama,<sup>33</sup> komunikasi dan layanan yang kurang memuaskan dan bilangan doktor di Malaysia yang masih tidak mencukupi adalah antara isu yang pernah dibangkitkan oleh sebahagian pesakit di hospital kerajaan yang mungkin memerlukan penelitian dan penyelesaian oleh semua yang terlibat.

<sup>29</sup> Muhammad Abu Zahrah. *Usul Al-Fiqh* (Kaherah: Dar Al-Fikr Al ‘Arabi), 231.

<sup>30</sup> Artikel 17: Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam.

<sup>31</sup> Muhammad Hanif bin Hassan. *Pandangan Umum Islam terhadap Kesihatan dan Perubatan* (Singapura: Perdaus, 2000), 4.

<sup>32</sup> Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights. *The Right to Health*. Fact Sheet No. 31 ed. Geneva, 2008, 3.

<sup>33</sup> “Langkah atasi kesesakan di hospital sedang dikaji.” Utusan Malaysia, November 30, 2013. Accessed February 23, 2018. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20131130/dn\\_33/Langkah-atasi-kesesakan-di-hospital-sedang-dikaji---KP-Kesihatan](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131130/dn_33/Langkah-atasi-kesesakan-di-hospital-sedang-dikaji---KP-Kesihatan).



Setiap daripada kita mempunyai peranan masing-masing bagi memastikan aspek kesihatan dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat. Sebagai ketua keluarga, seorang lelaki yang bergelar suami dan bapa mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat besar dalam memastikan ahli keluarganya diberikan rawatan yang sewajarnya apabila mereka ditimpa penyakit. Selain itu, kita juga harus memastikan bahawa aspek lain yang boleh mendorong kepada masalah kesihatan seperti makanan dan minuman berkhasiat, tempat tinggal yang selamat serta persekitaran yang bersih dapat disediakan.

Selain itu, individu yang terlibat dalam profesion kesihatan seperti doktor dan jururawat mempunyai tanggungjawab dan peranan yang amat besar dalam memastikan hak kepada kesihatan terjaga melalui penyediaan servis dan perkhidmatan yang baik kepada seluruh lapisan masyarakat tanpa sebarang bentuk diskriminasi. Islam menganjur umatnya untuk melayani orang lain dengan penuh kasih sayang dan perasaan hormat dalam apa jua keadaan.

Kerajaan juga mempunyai tanggungjawab untuk menghormati, melindungi dan memenuhi hak asasi setiap manusia. Dari sudut hak kepada kesihatan, perhatian perlu diberikan kepada aspek perkhidmatan dan akses kepada kemudahan kesihatan bagi memenuhi permintaan dan keperluan yang semakin meningkat saban hari. Kerajaan perlu memastikan perkhidmatan kesihatan yang diberikan adalah berkualiti, antaranya melalui penyediaan ubat-ubatan yang berkualiti, pelantikan pegawai perubatan yang terlatih dan kemudahan hospital yang mencukupi.<sup>34</sup> Tambahan lagi, perkhidmatan kesihatan itu juga haruslah disediakan dengan kadar berpatutan bagi memastikan setiap orang dapat menikmatinya.

Kesemua aspek yang melibatkan penjagaan kesihatan juga perlulah mudah diakses secara fizikal oleh setiap individu terutamanya golongan rentan seperti kanak-kanak, orang tua, wanita, Orang Kurang Upaya (OKU) dan orang asli. Penjagaan dan perkhidmatan kesihatan harus diberikan kepada semua tanpa sebarang bentuk diskriminasi. Ini termasuklah penjagaan dan rawatan kesihatan yang sewajarnya kepada banduan dalam pusat tahanan dan warga asing sekalipun. Status mereka tidak seharusnya dijadikan alasan untuk menafikan hak mereka kepada kesihatan.

Sektor swasta juga perlu memainkan peranan yang tersendiri dalam memastikan hak kepada kesihatan sentiasa dihormati dan dilindungi. Oleh itu, sesebuah syarikat atau individu yang terlibat dalam perniagaan mempunyai tanggungjawab untuk menyedari bahawa setiap tindakan atau aktiviti yang dijalankan oleh kita boleh memberi impak kepada kehidupan masyarakat setempat. Sebagai contoh, industri pembuatan secara

<sup>34</sup> Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights. The Right to Health. Fact Sheet No. 31 ed. Geneva, 2008, 4.

tidak langsung boleh menyebabkan pencabulan hak kepada kesihatan masyarakat setempat dengan mencemari sumber air, udara dan tanah.<sup>35</sup>

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Maklumat dan pendidikan kesihatan yang sahih dan tepat juga boleh mempengaruhi aspek kesihatan seseorang. Sebelum ini, hangat dibincangkan di Malaysia tentang kewujudan gerakan atau fahaman yang salah seperti antivaksin dan bersalin menggunakan khidmat doula. Jika diperhatikan, kedua-dua isu tersebut jelas memberi kesan buruk kepada individu terutamanya kepada kesihatan ibu, bayi dan kanak-kanak. Dalam usaha untuk mengekang fahaman yang boleh memberi kesan buruk kepada masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia pernah mengeluarkan kenyataan bersama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi menjelaskan keraguan isu halal terhadap vaksin tersebut.

Sehubungan itu, janganlah mudah terpedaya dengan sesebuah gerakan atau fahaman yang boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan diri jika ianya tidak mendapat pengiktirafan oleh badan kesihatan profesional. Penyebaran maklumat yang pantas dan meluas melalui platform media sosial merupakan salah satu faktor utama yang mendorong kepada penyebaran sesuatu informasi kesihatan yang salah. Justeru, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan setiap maklumat yang disebarikan terutamanya yang melibatkan isu kesihatan, telah dipastikan kesahihannya sebelum ia disebarikan.

### **Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,**

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:



Islam ialah sebuah agama yang amat mementingkan kesihatan setiap umatnya.



Hak kepada kesihatan merupakan sebahagian daripada aspek hak asasi manusia dan setiap orang berhak ke atasnya tanpa sebarang diskriminasi.



Setiap pemimpin dan masyarakat mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam memastikan hak kepada kesihatan dapat dinikmati oleh semua.

<sup>35</sup> Ibid. ms. 30.



# **CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
HAK TERHADAP  
PENJAGAAN KESIHATAN**



**DIHASILKAN OLEH:  
SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**





## HAK TERHADAP PENJAGAAN KESIHATAN

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٥١﴾

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Kesihatan jasmani dan rohani merupakan satu elemen penting bagi melahirkan tenaga dan modal insan yang cergas dan sihat yang akan membantu dalam membangunkan agama, bangsa dan negara. Rasulullah SAW telah bersabda:

وَلِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقًّا .

Maksudnya: *Sesungguhnya kamu mempunyai tanggungjawab untuk menunaikan hak terhadap tubuh badan kamu.*

(Riwayat al-Bukhari)<sup>36</sup>

<sup>36</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Puasa, bab Sesiapa Bersumpah kepada Saudaranya untuk Berbuka Puasa Sunat, no. hadith 1968, daripada Wahb bin Abdullah as-Suwai Abu Juhaifah r.a.



Kesihatan juga merupakan salah satu hak asasi manusia yang amat penting dalam kehidupan. Maka, mimbar ini akan membicarakan khutbah Jumaat yang bertajuk “Hak terhadap Penjagaan Kesihatan”.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Penjagaan kesihatan adalah sebahagian daripada maqasid syariah. Menunaikan hak terhadap tubuh badan bererti menikmati tahap upaya badan yang benar-benar baik dan selamat dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani secara optimum sehingga berupaya mencapai potensi dan matlamat kehidupan yang berpandukan agama. Mukmin yang kuat mempamerkan kekuatan agama berbanding dengan Mukmin yang lemah.

Islam juga telah meletakkan aspek kesihatan di tempat yang pertama selepas keyakinan (keimanan). Sekiranya kita mengalami masalah kesihatan, maka segala urusan ibadah akan terganggu. Pernyataan ini berdasarkan hadith Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

وَسَلُّوا اللَّهَ الْمُعَافَاةَ فَإِنَّهُ لَمْ يُؤْتِ رَجُلٌ بَعْدَ الْيَقِينِ شَيْئًا خَيْرًا مِنَ الْمُعَافَاةِ.

Maksudnya: “Mintalah kepada Allah kesihatan dan kesejahteraan kerana sesungguhnya tidaklah seseorang diberi sesuatu setelah dia beriman yang lebih baik dari kesihatan.”

(Riwayat Ibnu Majah)<sup>37</sup>


### **Hadirin yang dirahmati Allah,**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan kesihatan ialah satu tahap atau keadaan yang mana seseorang individu itu mempunyai kesejahteraan yang sempurna dari segi fizikal, mental dan sosial dan bukan semata-mata bebas daripada penyakit atau tidak berdaya. Setiap orang termasuk lelaki, wanita, belia dan kanak-kanak mempunyai hak kepada tahap kesihatan fizikal dan mental tertinggi secara saksama tanpa sebarang bentuk diskriminasi. WHO melalui perlembagaannya juga telah mengesahkan bahawa, “menikmati piawai kesihatan tertinggi yang boleh diperolehi adalah salah satu hak-hak yang asas bagi setiap manusia tanpa membezakan bangsa, agama, pegangan politik, keadaan ekonomi dan keadaan sosial”.

<sup>37</sup> Riwayat Ibnu Majah, kitab *ad-Duá* (Doa-doa), bab Doa Memohon Keampunan dan Kesihatan, no. hadith 3849, daripada Abu Bakar r.a. berkata al-Arnauút (5/19), sanadnya sahih.

Ulama telah mengatakan bahawa keseluruhan daripada syariat Islam adalah untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu, iaitu untuk menjaga agama, jiwa, harta, akal dan keturunan. Selain itu, dalam Artikel 17(b), Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam telah menggariskan bahawa semua orang berhak untuk mendapatkan penjagaan perubatan dan sosial, dan semua kemudahan awam yang disediakan oleh masyarakat dan negara di dalam batasan-batasan sumber-sumber mereka yang ada.

Islam tidak akan dapat diamalkan dengan sempurna dan tidak akan dapat dihayati tanpa kesihatan pada individu Muslim dan ini pasti akan menjejaskan matlamat penciptaan manusia, iaitu untuk mengabdikan diri kepada Allah dan menjadi khalifah yang memakmurkan dunia ini. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah ar-Ra'd, ayat 28:



Maksudnya: *“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah.” Ketahuilah dengan “zikrullah” itu, tenang tenteramlah hati manusia.*

(Surah ar-Ra'd 13: 28)

Ayat ini menjelaskan bahawa Islam mengiktiraf kesihatan diri berkait rapat dengan kesihatan jiwa yang tercapai melalui penyuciannya dengan sentiasa mengingati Allah.

### **Hadirin yang dirahmati Allah,**

Terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi aspek kesihatan seseorang individu, antaranya sumber makanan dan air yang selamat, kebersihan, nutrisi yang mencukupi, keadaan tempat kerja dan persekitaran yang sihat dan pendidikan mengenai aspek kesihatan. Selain itu, aspek lain yang perlu diberi penekanan ialah perkhidmatan kesihatan. Umum mengetahui bahawa pada tahun lepas, Malaysia berada di tempat pertama bagi kategori perkhidmatan kesihatan terbaik di dunia. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang dan aspek yang boleh diperbaiki dari semasa ke semasa.

Setiap daripada kita mempunyai peranan masing-masing bagi memastikan hak kepada kesihatan dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat. Sebagai ketua keluarga



yang bergelar suami dan bapa mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat besar dalam memastikan ahli keluarga diberikan rawatan yang sewajarnya apabila mereka ditimpa penyakit.

Kerajaan juga mempunyai tanggungjawab untuk menghormati, melindungi dan memenuhi hak asasi setiap manusia. Komitmen kerajaan Malaysia mengiktiraf hak kepada kesihatan telah ditunjukkan melalui Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN sepertimana Artikel 29(1) menyatakan bahawa setiap orang berhak menikmati taraf standard fizikal, mental dan kesihatan reproduktif yang tinggi, penjagaan kesihatan yang asas dan berpatutan, dan mempunyai akses kepada kemudahan perubatan.

Perkara yang perlu diberikan perhatian adalah aspek perkhidmatan dan akses kepada kemudahan kesihatan bagi memenuhi permintaan dan keperluan yang semakin meningkat saban hari. Kerajaan perlu memastikan perkhidmatan kesihatan yang diberikan adalah berkualiti antaranya melalui penyediaan ubat-ubatan yang berkualiti, pelantikan pegawai perubatan dan kemudahan hospital yang mencukupi.

Kesemua aspek yang melibatkan penjagaan kesihatan juga perlulah mudah diakses secara fizikal oleh setiap individu terutamanya golongan rentan seperti kanak-kanak, warga emas, wanita, Orang Kurang Upaya (OKU), dan masyarakat orang asli. Penjagaan dan perkhidmatan kesihatan harus diberikan kepada semua tanpa sebarang bentuk diskriminasi. Ini termasuklah penjagaan dan rawatan kesihatan yang sewajarnya kepada banduan di pusat-pusat tahanan dan warga asing sekalipun. Status mereka tidak seharusnya dijadikan alasan untuk menafikan hak mereka terhadap penjagaan kesihatan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Maklumat dan pendidikan kesihatan yang sahih dan tepat juga boleh mempengaruhi aspek kesihatan seseorang. Golongan antivaksin masih wujud di negara kita, yang mana golongan ini menolak sepenuhnya suntikan vaksin. Masih terdapat ibu bapa tidak mahu memberikan vaksin kepada anak-anak mereka. Ini menyebabkan jangkitan virus Polio telah wujud semula setelah Malaysia bebas daripada virus ini hampir 27 tahun. Dalam persekitaran yang tidak sanitari atau bersih, virus ini boleh menjangkiti orang lain yang tiada imuniti terhadap polio. Perkara ini perlu dipandang serius oleh masyarakat, terutamanya ibu bapa dalam memastikan anak-anak mereka diberi suntikan vaksin bagi mengelakkan sebarang penyakit yang memudaratkan anak-anak mereka.




Seperti yang kita sudah maklum, negara kita dan juga beberapa negara lain telah dilanda virus COVID-19 atau koronavirus yang menyebabkan pelbagai penyakit dari pada selesema hingga ke penyakit lebih teruk. Peningkatan jumlah kes yang disahkan positif termasuk bilangan kematian di negara-negara yang terlibat telah mencecah 80,000 kes. Masyarakat telah disaran untuk mengambil langkah-langkah melindungi diri seperti mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi dengan mencuci tangan dengan kerap, menggunakan penutup mulut dan hidung, mengelak daripada mengunjungi tempat tumpuan ramai dan segera mendapatkan rawatan sekiranya jatuh sakit.

### Sidang hadirin yang dirahmati Allah,

Mimbar ini ingin memberi nasihat kepada semua jemaah agar memainkan peranan masing-masing dalam memastikan setiap orang mengamalkan cara hidup yang sihat demi kesejahteraan ummah. Masyarakat perlu menyedari bahawa penjagaan kesihatan merupakan kewajipan setiap orang kerana ia juga menjadi tuntutan semua agama supaya mengelakkan daripada melakukan kemudaratan kepada diri sendiri dan juga kepada orang lain.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kesimpulan yang boleh diambil dalam khutbah pada hari ini adalah:

-  **Pertama:** Islam menitikberatkan tentang penjagaan kesihatan terhadap setiap umatnya seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan as-sunnah.
-  **Kedua:** Hak kepada kesihatan merupakan sebahagian daripada aspek hak asasi manusia dan setiap orang berhak ke atasnya tanpa sebarang diskriminasi.
-  **Ketiga:** Setiap pemimpin dan masyarakat mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam memastikan hak kepada kesihatan dapat dinikmati oleh semua.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:**

**IBRAH  
ISRAK & MIKRAJ**



**DIBACA OLEH:**

**JABATAN AGAMA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PADA:**

**13 APRIL 2018**



## IBRAH ISRAK DAN MIKRAJ

(KHUTBAH KHAS MEMPERINGATI ISRAK MIKRAJ)  
 JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
 13 APRIL 2018 M/26 REJAB 1439 H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.  
 أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى  
 الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنَ السَّمَاءِ إِنَّهُ  
 هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

(Surah al-Israa' 17: 1)

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Bertakwalah kita semua kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Taat suruhan Allah pada setiap masa dan di mana jua. Mudah-mudahan rahmat kasih Allah sentiasa memenuhi hidup kita di dunia dan di akhirat sana.

“Ibrah Israk dan Mikraj”, begitulah tajuk khutbah yang akan dibicarakan mimbar untuk diteladani bersama.

### Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Israk dan Mikraj merakamkan banyak pengajaran yang dapat kita petik untuk dijadikan pedoman. Dalam kitab *Ar-Rahiq Al-Makhtum* dimuatkan beberapa teladan. Antaranya peristiwa Rasulullah SAW ditawarkan untuk memilih susu atau arak sebagai minuman, lantas Baginda SAW mengambil susu sebagai pilihan. Maka dikatakan kepada Baginda SAW: “Kamu telah memilih fitrah. Jika kamu memilih arak, nescaya umatmu akan terpedaya.”

Israk ialah perjalanan Rasulullah SAW pada waktu malam dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjid al-Aqsa di Palestin. Allah SWT merakamkan kejadian ini melalui ayatnya yang dibacakan pada permulaan khutbah dalam surah al-Israa’ ayat pertama:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ، لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى  
الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَنَيْنَا لَهُ لِنُرِيَهُ مِنَ السَّمَاءِ إِنَّهُ  
هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram (di Makkah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya, Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-Israa’ 17: 1)

Manakala Mikraj pula ialah perjalanan Baginda dari langit pertama sehingga ke Sidratul Muntaha sepertimana yang digambarkan oleh Allah SWT dalam surah an-Najm ayat 13 – 18:






وَلَقَدْ رَأَىٰ نَزْلَةَ أُخْرَىٰ ۖ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ ۖ عِنْدَ هَاجَتِهَا  
 الْمَأْوَىٰ ۖ إِذْ يَنْفَعِي السِّدْرَةَ مَا يَنْفَعِي ۖ مَا زَاغَ الْبَصَرُ وَمَا طَغَىٰ ۖ  
 لَقَدْ رَأَىٰ مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَىٰ ۝

Maksudnya: *Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (malaikat Jibril, dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi. Di sisi “Sidratul-Muntaha”; Yang di sisinya terletak syurga “Jannatul-Makwa”. (Nabi Muhammad melihat Jibril dalam bentuk rupanya yang asal pada kali ini ialah) semasa “Sidratul-Muntaha” itu diliputi oleh makhluk-makhluk dari alam-alam ghaib, yang tidak terhingga. Penglihatan (Nabi Muhammad) tidak berkisar daripada menyaksikan dengan tepat (akan pemandangan yang indah di situ yang diizinkan melihatnya), dan tidak pula melampaui batas. Demi sesungguhnya, ia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar tanda-tanda (yang membuktikan luasnya pemerintahan dan kekuasaan) Tuhannya.*

(Surah an-Najm 53: 13 – 18)


### Para tetamu Allah yang dimuliakan,


Peristiwa Israk dan Mikraj yang dialami oleh Rasulullah SAW mempunyai banyak ibrah, antaranya:


-  **Pertama:** Sebelum Rasulullah SAW diangkat untuk menghadap Allah SWT, dada Baginda SAW dibelah dan hatinya disucikan. Ini menunjukkan betapa pentingnya kita memelihara hati daripada noda dan dosa.
-  **Kedua:** Perjalanan Baginda SAW dari Masjidil Haram ke Masjid al-Aqsa sebelum diangkat ke langit memberi pengertian bahawa masjid merupakan wadah hubungan antara Allah SWT dengan hamba-Nya. Mana mungkin kita merasai dekat dengan Allah SWT jika kita jarang untuk hadir ke masjid?
-  **Ketiga:** Allah SWT telah menciptakan sebuah kenderaan yang mampu bergerak jauh dengan kelajuan yang tidak mampu dibayangkan oleh manusia. Inilah bukti keagungan Allah serta kekayaan-Nya dalam menjadikan sesuatu yang tidak dapat



dicapai oleh manusia. Apakah kita masih meninggi diri di hadapan Allah SWT sedangkan kita tidak mampu menandingi-Nya sedikit pun.

 **Keempat:** Dalam perjalanan yang hebat ini, Allah SWT memerintahkan Jibril untuk mengiringi Rasulullah SAW sebagai teman. Allah SWT mengisyaratkan bahawa teman merupakan kekuatan bagi seseorang. Terbukti, hidup manusia memang sukar tanpa teman. Namun, teman yang kita pilih haruslah yang mampu membawa kita menuju Allah SWT laksana malaikat Jibril yang menemani Rasulullah SAW untuk bertemu Allah SWT.

 **Kelima:** Dalam perjalanan agung ini, Rasulullah SAW dibawa menyaksikan pelbagai seksaan bagi mereka yang ingkar. Baginda SAW diperlihatkan seksaan-seksaan mengerikan yang ditimpakan ke atas orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, pemakan riba dan penzina. Semua peristiwa ini menjadi iktibar dan pengajaran kepada kita agar tidak terjerumus ke lembah dosa ketika berada di dunia.

 **Keenam:** Hikmah yang paling besar dalam peristiwa ini adalah kewajipan solat yang diterima daripada Allah SWT secara terus tanpa perantaraan malaikat. Ini menggambarkan betapa besarnya perintah solat kepada setiap Muslim. Namun malang sekali, terdapat segelintir daripada masyarakat hari ini, sering mengambil mudah akan kewajipan menunaikan solat fardu. Justeru, peliharalah solat dengan sebaik-baiknya. Firman Allah SWT dalam surah al-Mu'minuun ayat 1 dan 2:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خِشْعُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya.*”

(Surah al-Mu'minuun 23: 1 – 2)

### **Saudara-saudaraku yang dimuliakan,**




Mimbar mengambil kesempatan sempena Hari Kesihatan Sedunia, bahawa kesihatan yang baik dapat melahirkan tenaga dan modal insan yang cergas dan sihat. Ia sangat membantu dalam membangunkan agama, bangsa dan negara. Dalam hal ini, Imam Muslim r.h. telah meriwayatkan hadith daripada Abu Hurairah r.a., bahawa Nabi SAW telah bersabda:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ إِحْرَاصٌ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ، وَاسْتَعِينُ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ، فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَانَ كَذَا وَكَذَا، وَلَكِنْ قُلْ: قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ، فَإِنْ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ.

Maksudnya: *Orang Mukmin yang kuat adalah lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah SWT berbanding orang Mukmin yang lemah. Pada masing-masing terdapat kebaikan, (dengan itu) bersungguh-sungguhlah untuk (mendapatkan) apa yang bermanfaat bagimu dan mohonlah pertolongan kepada Allah. Janganlah kamu menjadi orang yang lemah. Apabila kamu ditimpa suatu kecelakaan, maka janganlah kamu mengatakan, "Kalau tadi aku berbuat begini dan begitu, nescaya tidak akan jadi begini dan begitu." Tetapi katakanlah, "Ini sudah takdir Allah dan apa yang dikehendaki-Nya pasti akan dilaksanakan-Nya." Kerana sesungguhnya, ungkapan kata "kalau" akan membukakan jalan bagi godaan syaitan.*

### **Para tetamu Allah yang dimuliakan,**

Kesimpulan daripada khutbah pada hari ini, mimbar ingin menyimpulkan beberapa perkara yang perlu dititikberatkan.

-  **Pertama:** Perjalanan Israk dan Mikraj memberi pengajaran kita agar sentiasa mematuhi perintah Allah SWT dalam kehidupan kerana azab Allah SWT amat pedih bagi mereka yang menderhaka kepada-Nya.
-  **Kedua:** Allah SWT berkuasa melakukan apa sahaja menurut kehendak-Nya. Kita selaku hamba, janganlah bersikap sombong dan bongkak dengan sedikit keupayaan yang dikurniakan kepada kita.
-  **Ketiga:** Bersungguh-sungguh menjunjung perintah melaksanakan solat dengan penuh berkualiti dan sempurna.

Firman Allah SWT dalam surah al-'Ankabuut ayat 45:

أَتْلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ابْتِغَاءَ الصَّلَاةِ  
تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: “*Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*”

(Surah al-‘Ankabuut 29: 45)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ  
وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.







**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
HAK TERHADAP PENJAGAAN  
KESIHATAN**



**DIBACA OLEH:  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
ISLAM PULAU PINANG**

**PADA:  
25 SEPTEMBER 2020**



## HAK TERHADAP PENJAGAAN KESIHATAN

(KHUTBAH KHAS SUHAKAM)

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

25 SEPTEMBER 2020 M/7 SAFAR 1442 H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَ بِطَاعَتِهِ وَنَهَى عَنِ مَعْصِيَتِهِ، وَوَعَدَ مَنْ أَطَاعَهُ بِالنَّعِيمِ الْمُقِيمِ وَتَوَاعَدَ مَنْ عَصَاهُ بِعَذَابِ الْجَحِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Kesihatan jasmani dan rohani merupakan satu elemen penting bagi melahirkan tenaga dan modal insan yang cergas dan sihat. Ini membantu dalam membangunkan agama, bangsa dan negara. Rasulullah SAW telah bersabda:

وَلِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقًّا.

Maksudnya: “*Sesungguhnya kamu mempunyai tanggungjawab untuk menunaikan hak terhadap tubuh badan kamu.*”

(*Riwayat al-Bukhari*)<sup>38</sup>

Kesihatan juga merupakan salah satu hak asasi manusia yang amat penting dalam kehidupan. Maka, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah Jumaat yang bertajuk “Hak terhadap Penjagaan Kesihatan”.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Penjagaan kesihatan adalah sebahagian daripada maqasid syariah. Menunaikan hak terhadap tubuh badan bererti menikmati tahap upaya badan yang benar-benar baik dan selamat dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani secara optimum. Ini bagai mencapai potensi dan matlamat kehidupan yang berpandukan agama. Mukmin yang kuat mempamerkan kekuatan agama berbanding dengan Mukmin yang lemah.

Islam juga telah meletakkan aspek kesihatan di tempat yang pertama selepas keyakinan (keimanan). Sekiranya kita mengalami masalah kesihatan, maka segala urusan ibadah akan terganggu. Pernyataan ini berdasarkan hadith Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

وَسَلُّوا اللَّهَ الْمُعَافَاةَ فَإِنَّهُ لَمْ يُؤْتِ رَجُلٌ بَعْدَ الْيَقِينِ شَيْئًا خَيْرًا مِنَ الْمُعَافَاةِ

Maksudnya: “*Mintalah kepada Allah kesihatan dan kesejahteraan kerana sesungguhnya tidaklah seseorang diberi sesuatu setelah dia beriman yang lebih baik dari kesihatan.*”

(*Riwayat Ibnu Majah*)<sup>39</sup>

<sup>38</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Puasa, bab Sesiapa Bersumpah kepada Saudaranya untuk Berbuka Puasa Sunat, no. hadith 1968, daripada Wahb bin Abdullah as-Suwa'i Abu Juhai'ah r.a.

<sup>39</sup> Riwayat Ibnu Majah, kitab *ad-Du'a* (Doa-doa), bab Doa Memohon Keampunan dan Kesihatan, no. hadith 3849, daripada Abu Bakar r.a. berkata al-Arnau'ut (5/19), sanadnya sahih.



## Hadirin yang dirahmati Allah,

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan kesihatan ialah satu tahap atau keadaan yang mana seseorang individu itu mempunyai kesejahteraan yang sempurna dari segi fizikal, mental dan sosial dan bukan semata-mata bebas daripada penyakit atau tidak berdaya. Setiap orang termasuk lelaki, wanita, belia dan kanak-kanak mempunyai hak kepada tahap kesihatan fizikal dan mental tertinggi secara saksama tanpa sebarang bentuk diskriminasi.

Ulama telah mengatakan bahawa keseluruhan daripada syariat Islam adalah untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu, iaitu untuk menjaga agama, jiwa, harta, akal dan keturunan. Selain itu, dalam Artikel 17(b), Perisytiharan Kaheerah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam telah menggariskan bahawa semua orang berhak untuk mendapatkan penjagaan perubatan dan sosial. Begitu juga berhak menerima semua kemudahan awam yang disediakan oleh masyarakat dan negara di dalam batasan-batasan sumber-sumber mereka yang ada.

Islam tidak akan dapat diamalkan dengan sempurna dan tidak akan dapat dihayati tanpa kesihatan pada individu Muslim. Tanpa kesihatan, matlamat penciptaan manusia, iaitu untuk mengabdikan diri kepada Allah dan menjadi khalifah yang memakmurkan dunia ini akan terjejas. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah ar-Ra‘d, ayat 28:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ  
تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: *“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah.” Ketahuilah dengan “zikrullah” itu, tenang tenteramlah hati manusia.*

(Surah ar-Ra‘d 13: 28)

Ayat ini menjelaskan bahawa Islam mengiktiraf kesihatan diri berkait rapat dengan kesihatan jiwa yang tercapai melalui penyuciannya dengan sentiasa mengingati Allah.



**Hadirin yang dirahmati Allah,**

Terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi aspek kesihatan seseorang individu antaranya sumber makanan dan air yang selamat, kebersihan, nutrisi yang mencukupi, keadaan tempat kerja dan persekitaran yang sihat dan pendidikan mengenai aspek kesihatan. Selain itu, aspek lain yang perlu diberi penekanan ialah perkhidmatan kesihatan. Umum mengetahui bahawa pada tahun lepas, Malaysia berada di tempat pertama bagi kategori perkhidmatan kesihatan terbaik di dunia. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang dan aspek yang boleh diperbaiki dari semasa ke semasa.

Setiap daripada kita mempunyai peranan masing-masing bagi memastikan hak kepada kesihatan dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat. Sebagai ketua keluarga yang bergelar suami dan bapa, kita mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat besar dalam memastikan ahli keluarga diberikan rawatan yang sewajarnya apabila mereka ditimpa penyakit.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Maklumat dan pendidikan kesihatan yang sahih dan tepat juga boleh mempengaruhi aspek kesihatan seseorang. Golongan antivaksin masih wujud di negara kita yang mana golongan ini menolak sepenuhnya suntikan vaksin. Masih terdapat ibu bapa tidak mahu memberikan vaksin kepada anak-anak mereka. Ini menyebabkan jangkitan virus Polio telah wujud semula setelah Malaysia bebas daripada virus ini hampir 27 tahun. Dalam persekitaran yang tidak sanitari atau bersih, virus ini boleh menjangkiti orang lain yang tiada imuniti terhadap Polio. Perkara ini perlu dipandang serius oleh masyarakat, terutamanya ibu bapa dalam memastikan anak-anak mereka diberi suntikan vaksin bagi mengelakkan sebarang penyakit yang memudaratkan.




Seperti yang kita sudah maklum, negara kita dan juga beberapa negara lain telah dilanda virus COVID-19 yang menyebabkan pelbagai penyakit daripada selesema hingga ke penyakit lebih teruk. Peningkatan jumlah kes yang disahkan positif termasuk bilangan kematian di negara-negara yang terlibat telah mencecah lebih 20 juta kes. Masyarakat telah disaran untuk mengambil langkah-langkah melindungi diri seperti mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi dengan kerap mencuci tangan menggunakan pelitup muka dengan betul, mengelak daripada mengunjungi tempat tumpuan ramai dan segera mendapatkan rawatan sekiranya jatuh sakit.

### Sidang hadirin yang dirahmati Allah,

Mimbar ingin memberi nasihat kepada semua jemaah agar memainkan peranan masing-masing dalam memastikan setiap orang mengamalkan cara hidup yang sihat demi kesejahteraan ummah. Masyarakat perlu menyedari bahawa penjagaan kesihatan merupakan kewajipan setiap orang kerana ia juga menjadi tuntutan semua agama supaya mengelak daripada melakukan kemudaratan kepada diri sendiri dan juga kepada orang lain.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kesimpulan yang boleh diambil dalam khutbah pada hari ini adalah:

-  **Pertama:** Islam menitikberatkan tentang penjagaan kesihatan terhadap setiap umatnya seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan as-sunnah.
-  **Kedua:** Hak kepada kesihatan merupakan sebahagian daripada aspek hak asasi manusia dan setiap orang berhak ke atasnya tanpa sebarang diskriminasi.
-  **Ketiga:** Setiap pemimpin dan masyarakat mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam memastikan hak kepada kesihatan dapat dinikmati oleh semua.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ،  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ، الْأَحْيَاءِ وَالْمَيِّتِينَ، بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.



# HAK PELARIAN



# TEKS KHUTBAH JUMAAT

**SUHAKAM**

**Hak Pelarian**

**JAWI**

**Kemuliaan Membela Golongan  
Teraniaya**











# CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT

TAJUK:  
HAK PELARIAN



DIHASILKAN OLEH:  
SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA



## HAK PELARIAN

(SEMPENA HARI PELARIAN SEDUNIA PADA 20 JUN 2018)



Krisis pelarian terjadi akibat daripada konflik peperangan, keganasan, penghapusan etnik dan pelbagai lagi bentuk kekejaman yang memaksa jutaan manusia melarikan diri dalam mencari perlindungan di negara lain. Malaysia juga tidak terkecuali daripada perkara ini. Selain keadaan yang aman dan makmur, sifat masyarakat Malaysia yang terkenal dengan menghulurkan bantuan kemanusiaan mungkin antara faktor utama yang mendorong golongan pelarian menjadikan negara kita sebagai salah satu destinasi mereka. Setakat Mac 2018, terdapat 155,880 orang pelarian dan pencari suaka berdaftar dengan UNHCR Malaysia.<sup>40</sup> Separuh daripada bilangan pelarian di seluruh dunia datang dari negara Syria, Afghanistan dan Sudan Selatan yang mana dua daripadanya ialah negara Islam.<sup>41</sup>



Dalam Islam, isu pelarian diketengahkan dalam peristiwa hijrah. Para ulama (Ibnu Arabi, Ibnu Hajar al-Asqalani dan Ibnu Taimiyah), mengemukakan makna hijrah ialah perpindahan dari negeri kaum kafir atau kondisi peperangan (Daarul Kufri wal Harbi) ke negeri Muslim (Daarul Islam). Begitu juga pandangan Ibnu Arabi yang menyatakan bahawa hijrah dengan makna lebih luas, iaitu:



Meninggalkan negeri yang diperangi (Daarul Harbi) menuju negeri Islam (Daarul Islam).



Meninggalkan negeri yang dihuni oleh ahli bidaah.



Meninggalkan negeri yang dipenuhi oleh hal-hal yang haram sementara mencari sesuatu yang halal merupakan kewajiban setiap Muslim.







Melarikan diri demi keselamatan jiwa.<sup>42</sup>

<sup>40</sup> <http://www.unhcr.org/en-my/figures-at-a-glance-in-malaysia.html>, diakses pada 23 April 2018.

<sup>41</sup> <http://www.unhcr.org/en-my/figures-at-a-glance.html>, diakses pada 25 April 2018.

<sup>42</sup> [https://www.academia.edu/30313312/ISU\\_PENDATANG\\_PELARIAN\\_DAN\\_SIKAP\\_MASYARAKAT\\_BERDASARKAN\\_TASAWUR\\_ISLAM](https://www.academia.edu/30313312/ISU_PENDATANG_PELARIAN_DAN_SIKAP_MASYARAKAT_BERDASARKAN_TASAWUR_ISLAM).



-  Konvensyen PBB mengenai status pelarian (1951) pula mendefinisikan pelarian termasuklah mereka yang tidak dapat atau tidak rela untuk tampil bagi mendapat perlindungan di negara asal kerana takut (perasaan ketakutan yang berasas) dianiaya oleh negara sendiri atas sebab bangsa, agama, kewarganegaraan, pandangan politik atau keahlian dalam sesuatu kumpulan sosial.<sup>43</sup>
-  Oleh demikian, kumpulan-kumpulan pelarian bukanlah sekadar pendatang asing tanpa izin yang hanya ingin bekerja secara tidak sah di negara lain. Pelarian merupakan mangsa-mangsa kekejaman, peperangan dan penganiayaan. Sebagai contoh, krisis Syria yang berlaku telah mengorbankan lebih 470,000 orang dan seramai 4.8 juta telah menjadi pelarian di negara lain dan pelbagai bentuk pencabulan telah dilaporkan seperti penyiksaan dalam pusat tahanan, penculikan, serangan ke atas orang awam dan pelbagai lagi.<sup>44</sup> Eksploitasi dan pencabulan hak asasi manusia pelarian ini berlaku kerana mereka berada dalam situasi yang terdesak.
-  Pelarian juga terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dalam perjalanan mereka untuk mencari tempat perlindungan yang selamat seperti yang terjadi kepada pelarian Rohingya, yang mana mereka terpaksa mempertaruhkan nyawa dengan menaiki bot pelarian dan berdepan risiko terdampar di lautan tanpa keperluan asas seperti makanan dan minuman. Mereka juga berisiko menjadi mangsa pemerdagangan orang seperti yang berlaku di Wang Kelian, Perlis, yang mana pihak polis telah menemui lebih daripada 150 mayat warga asing yang sebahagian besarnya merupakan golongan Rohingya.<sup>45</sup>
-  Pelarian sememangnya ialah golongan teraniaya dan harus diberi perlindungan. Syariat Islam melihat perlindungan kepada manusia adalah satu keperluan asas termasuk perlindungan kepada pelarian atau orang berhijrah atas pelbagai sebab, khasnya yang melibatkan ancaman keselamatan diri dan nyawa.<sup>46</sup> Peristiwa Hijrah Rasullullah SAW dan sahabat Baginda dari Makkah ke Madinah merupakan satu teladan dan pedoman yang baik mengenai perlindungan dan layanan baik kepada

<sup>43</sup> Konvensyen mengenai Status Pelarian 1957, art. 1(A)(2); Norazira Ali. "Cabaran-cabaran Pelarian Rohingya Muslim: Kajian Kes di Pulau Pinang." *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*, 2014, 266. Diakses pada 24 April, 2018.

<sup>44</sup> <https://www.hrw.org/world-report/2017/country-chapters/syria>, diakses pada 7 Mei 2018.

<sup>45</sup> Karim, Farrah Naz, and Aliza Shah. "The Secrets of Wang Kelian Exposed." *New Straits Times*, December 20, 2017. Diakses pada 7 Mei 2018. <https://www.nst.com.my/news/exclusive/2017/12/316339/exclusive-secrets-wang-kelian-exposed>.

<sup>46</sup> Ismail, Mohd A'sim. "Pelarian Manusia dari Perspektif Islam." *Institut Kefahaman Islam Malaysia*. 2 Disember, 2015. Diakses pada 25 April 2018. <http://www.ikim.gov.my/index.php/2015/12/02/pelarian-ialah-seorang-yang-berada-d/>.

orang yang memohon perlindungan. Peristiwa ini telah direkodkan melalui firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ بَتَّوْهُ وَالَّذِينَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ  
وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ  
وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ  
هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: *Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.*

(Surah al-Hasyr 59: 9)



Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam yang diguna pakai Pertubuhan Negara Islam (OIC) termasuk Malaysia, turut menyentuh mengenai hak golongan pelarian. Artikel 12 perisytiharan tersebut menyatakan bahawa, “Setiap orang berhak, dalam kerangka syariah, untuk bergerak secara bebas dan memilih tempat kediamannya sama ada di dalam mahupun di luar negaranya dan sekiranya diganggu atau dianiaya, berhak untuk mendapat perlindungan politik di negara lain. Negara tempat berlindung itu hendaklah memastikan perlindungan orang itu sehingga beliau selamat, kecuali jika perlindungan politik itu bermotivasikan perbuatan yang dianggap jenayah oleh syariah.”<sup>47</sup>

<sup>47</sup> Artikel 12, Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam.



Perindungan itu juga perlu diberikan secara adil dan saksama tanpa mengira warna kulit, jantina, harta dan juga agama. Islam menggesa umatnya supaya memberi perlindungan bukan sahaja kepada orang Islam, bahkan juga kepada orang bukan Islam.<sup>48</sup> Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 6:

وَأِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ  
كَلِمَةَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ  
لَا يَعْلَمُونَ ۝

Maksudnya: *Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarlah dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam).*

(Surah at-Taubah 9: 6)

Tambahan, Abdullah bin ‘Amr menceritakan hadith daripada Rasulullah SAW, beliau bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ قَتَلَ  
مُعَاهِدًا لَمْ يَرِحْ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ وَإِنْ رِيحَهَا لَيُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ أَرْبَعِينَ عَامًا.

Maksudnya: *Daripada ‘Abdullah bin ‘Amr r.a., beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa membunuh seorang kafir mu‘ahad (orang kafir yang terikat perjanjian dengan orang Islam), maka dia tidak dapat mencium bau syurga. Dan sesungguhnya, baunya dapat tercium dari jarak perjalanan selama empat puluh tahun.”*

(Riwayat al-Bukhari)<sup>49</sup>

<sup>48</sup> Ibid.

<sup>49</sup> Riwayat al-Bukhari, kitab al-Jizyah, bab Dosa Orang yang Membunuh Seorang Kafir Muahad yang Tidak Berbuat Kesalahan, no. hadith 3166.



Pelarian juga berhak untuk mendapat layanan baik dan bantuan oleh kita semua sama seperti orang lain. Perbuatan yang mungkin nampak kecil seperti menderma dan menyediakan keperluan asas harian mempunyai makna yang besar bagi golongan pelarian dalam meneruskan kehidupan mereka. Firman Allah dalam surah an-Nahl ayat 90 menyebut:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.*

(Surah an-Nahl 16: 90)



Sebagai umat Islam, kita semua perlu memainkan peranan masing-masing bagi meringankan bebanan yang dihadapi oleh golongan pelarian dan Islam sendiri telah mengajar supaya kita berkasih sayang sesama kita. Daripada Anas ibn Malik r.a., daripada Nabi SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

Maksudnya: *Seseorang kamu tidak benar-benar beriman sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri.*

(Riwayat al-Bukhari)<sup>50</sup>

<sup>50</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Iman, bab Termasuk Keimanan Adalah Mengasihi Saudaranya Sebagaimana Dia Mengasihi Dirinya Sendiri, no. hadith 13.





**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
KEMULIAAN MEMBELA  
GOLONGAN TERANIAYA**



**DIBACA OLEH:  
JABATAN AGAMA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PADA:  
6 JULAI 2018**



## KEMULIAAN MEMBELA GOLONGAN TERANIAYA

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
6 JULAI 2018 M/22 SYAWAL 1439 H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا  
اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ سَاءُوا وَالَّذَارُ وَالْإِيمَنُ مِنْ قِبَلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ  
وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْتِرُونَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ  
وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ  
هُمُ الْمُقْلِحُونَ ﴿٩﴾

(Surah al-Hasyr 59: 9)

**Para tetamu Allah yang dikasihi sekalian,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan dan tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Bersempena Hari Pelarian Sedunia yang dianjurkan pada 20 Jun setiap tahun, khutbah pada hari ini membicarakan tajuk “Kemuliaan Membela Golongan Teraniaya”.

### Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Syariat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT melihat usaha memberi perlindungan kepada manusia adalah suatu keperluan asas, khususnya kepada golongan yang ditindas, dizalimi dan teraniaya. Antara golongan yang teraniaya dan harus diberikan perhatian ialah golongan pelarian. Mereka ialah golongan yang berpindah atau melarikan diri atas sebab-sebab yang melibatkan ancaman keselamatan diri dan nyawa, sedang mereka ialah mangsa. Dalam sejarah Islam, peristiwa Hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda r.a. dari Makkah ke Madinah merupakan suatu teladan dan pedoman yang baik mengenai perlindungan dan layanan baik kepada orang yang memohon perlindungan. Peristiwa ini telah dirakamkan oleh Allah SWT menerusi surah al-Hasyr, ayat 9:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ  
وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْتُونَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ  
وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ  
هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: *Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhasratkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu; lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.*

(Surah al-Hasyr 59: 9)

Krisis pelarian terjadi adalah akibat daripada konflik peperangan, keganasan, penghapusan etnik dan berbagai-bagai lagi bentuk kekejaman yang memaksa jutaan manusia melarikan diri dalam mencari perlindungan di negara lain. Malaysia juga



tidak terkecuali daripada perkara ini. Selain keadaan yang aman dan makmur, sikap masyarakat Malaysia yang mudah menghulurkan bantuan kemanusiaan juga adalah antara faktor utama yang mendorong golongan pelarian menjadikan negara kita sebagai salah satu destinasi mereka. Antara golongan pelarian yang ada adalah dari negara Syria, Palestin, Afghanistan, Sudan Selatan, Myanmar dan lain-lain.

### **Para tetamu Allah yang dikasihi,**

Kumpulan-kumpulan pelarian bukanlah pendatang asing tanpa izin yang hanya ingin bekerja secara tidak sah di negara lain. Sebaliknya, mereka merupakan mangsa-mangsa kekejaman, peperangan dan penganiayaan yang mencari suaka perlindungan untuk meneruskan kehidupan. Para pelarian ini terpaksa menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam perjalanan mereka untuk mencari tempat perlindungan yang selamat seperti yang terjadi kepada pelarian Rohingya. Mereka terpaksa mempertaruhkan nyawa dengan menaiki bot pelarian dan berdepan dengan kebuluran serta risiko kematian. Mereka juga berisiko menjadi mangsa pemerdagangan manusia, penculikan dan lain-lain.

Sebagai manusia, mereka ini mempunyai hak asasi yang perlu kita perjuangkan. Bahkan ia adalah merupakan tanggungjawab dan kewajipan atas bahu kita. Tentunya kita tidak sanggup melihat golongan yang lemah, para wanita, orang-orang tua dan kanak-kanak menjalani kehidupan yang melarat, lalu mati tanpa mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Dalam hal ini, Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam yang diguna pakai Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) termasuk Malaysia, turut menyentuh mengenai hak golongan pelarian. Artikel 12 Perisytiharan tersebut menyatakan bahawa, “Setiap orang berhak, dalam kerangka syariah, untuk bergerak secara bebas memilih tempat kediamannya sama ada di dalam mahupun di luar negaranya dan sekiranya diganggu atau dianiaya, berhak untuk mendapatkan perlindungan politik di negara lain. Negara tempat berlindung itu hendaklah memastikan perlindungan orang itu sehingga beliau selamat, kecuali jika perlindungan politik itu bermotifkan perbuatan yang dianggap jenayah oleh syariah.”

Perlindungan ini hendaklah diberikan secara adil dan saksama tanpa mengira warna kulit, jantina, harta dan juga agama. Malah, Islam menggesa umatnya supaya memberi perlindungan bukan sahaja kepada orang Islam, bahkan juga kepada orang bukan Islam. Perkara ini jelas menerusi firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, ayat 6:



وَأَنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجْرُكَ حَتَّى يَسْمَعَ  
كَلِمَةَ اللَّهِ تَمَّ أَتْلُغُهُ مَأْمَنَهُ، ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ  
لَا يَعْلَمُونَ ۖ

Maksudnya: *Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarkan dia ke mana-mana tempat yang ia peroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam).*

(Surah at-Taubah 9: 6)

### **Para tetamu Allah yang dikasihi sekalian,**

Mereka juga berhak untuk mendapat layanan baik dan bantuan daripada kita semua sama seperti orang lain. Pertolongan yang mungkin nampak kecil seperti menderma dan menyediakan keperluan asas harian memberi makna yang besar bagi golongan pelarian dalam meneruskan kehidupan mereka. Sebagai umat Islam, kita perlu memainkan peranan masing-masing bagi meringankan bebanan yang dihadapi oleh golongan pelarian dan agama sendiri telah mengajar supaya kita berkasih sayang sesama manusia. Imam al-Bukhari r.h. telah meriwayatkan daripada Abdullah bin ‘Amr r.a., bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا مُعَاهِدًا لَمْ يَرِحْ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ وَإِنَّ رِيحَهَا لَيُوجَدُ  
مِنْ مَسِيرَةِ أَرْبَعِينَ عَامًا.




Maksudnya: *“Sesiapa yang membunuh seseorang bukan Islam yang ada perjanjian damai dengan kaum Muslimin, maka dia tidak akan mencium bau syurga. Padahal baunya dapat dicitum daripada jarak empat puluh tahun perjalanan.”*

(Riwayat al-Bukhari)

Dalam hal ini, kematian golongan pelarian ini boleh ditafsirkan sebagai pembunuhan, jika kita tidak mengambil peduli untuk membela serta membantu mereka. Sewajarnya kita berganding bahu menunaikan tanggungjawab kemanusiaan ini.

### Hadirin Mukminin sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, kesimpulan yang dapat dirumuskan adalah seperti yang berikut:

-  **Pertama:** Islam mensyariatkan supaya umatnya saling memberikan perlindungan, khususnya kepada golongan yang teraniaya dan mangsa kekejaman.
-  **Kedua:** Hak perlindungan perlu diberikan secara adil dan saksama tanpa mengira warna kulit, jantina, bangsa dan agama.
-  **Ketiga:** Sebagai umat Islam, kita hendaklah memainkan peranan masing-masing bagi meringankan bebanan yang dihadapi oleh golongan pelarian.

Marilah sama-sama kita mengambil ibrah daripada firman Allah SWT dalam surah an-Nahl, ayat 90:

۞ اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَاۗءِ وَالْمُنْكَرِ وَابْتَغِ الْوَعْدَ الَّذِىٰ لَكَم مِّنْ رَّبِّكُمْ ۗ تَذَكَّرُوْنَ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.*

(Surah an-Nahl 16: 90)

بَارَكَ اللّٰهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْاٰيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،  
 وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ اِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. اَقُوْلُ قَوْلِيْ هٰذَا وَاَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ لِيْ  
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ،  
 فَاسْتَغْفِرُوْهُ اِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



**HAK  
ORANG ASLI**



# TEKS KHUTBAH JUMAAT

**SUHAKAM**

**Perlindungan terhadap Orang Asli**

**JAWI**

**Demi Islam Demi Negara**







## KELAS BIMBINGAN INSAN

Karya: Syadan bin Ginu

Tajuk: "Kanak-kanak Bajau Laut menghadiri Kelas Bimbingan Insan"

Lokasi: Kunak, Sabah





# **CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT**




**TAJUK:  
PERLINDUNGAN TERHADAP  
ORANG ASLI**



**DIHASILKAN OLEH:  
SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**



## PERLINDUNGAN TERHADAP ORANG ASLI

-  Orang asli merupakan sebuah masyarakat peribumi yang telah lama hidup dan menetap di negara kita. Kelompok masyarakat ini dipercayai telah berhijrah dan menetap di Semenanjung Malaysia sejak beribu tahun dahulu. Namun begitu, kini mereka hanyalah golongan minoriti yang masih tinggal di kawasan pedalaman dan terpencil. Pada tahun 2015, dianggarkan terdapat seramai 178,197 orang asli di Semenanjung Malaysia.<sup>51</sup> Orang asli boleh ditakrifkan sebagai mereka yang menjalani cara hidup berbeza berbanding dengan masyarakat majoriti dari segi sosial, budaya dan juga keadaan ekonomi, malah orang asli mementingkan cara hidup tradisional mereka.<sup>52</sup>
-  Isu orang asli diberikan perhatian dalam perbincangan hak asasi manusia sama ada pada peringkat domestik mahupun antarabangsa.<sup>53</sup> Ini menggambarkan tentang pentingnya perlindungan terhadap orang asli dan tidak wajar jika mereka dinafikan hak-hak asasi dan dipinggirkan hanya kerana mereka mempunyai cara hidup dan budaya yang berbeza daripada kita.
-  Sebagai seorang Muslim, kita mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk membantu golongan minoriti ini. Islam merupakan satu rahmat kepada sekalian alam dan ia mengajar umatnya untuk berbuat baik kepada semua manusia tanpa mengira bangsa dan keturunan termasuk kepada golongan orang asli. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujuraat ayat 13 menyebut:

<sup>51</sup> <http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2015/05/7-JAKOA.pdf>.

<sup>52</sup> Konvensyen No. 169, Konvensyen mengenai Orang-orang Asal dan Suku Bangsa di dalam Negeri-negeri Bebas, Pertubuhan Buruh Antarabangsa Nombor 169, 1989. Jun 27, 1989, 28 ILM 1382, 1384-85 (1989).

<sup>53</sup> Pelan Tindakan Kebangsaan Hak Asasi Manusia.



يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِذَا خَلَقْتُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْتُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
 لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَىٰ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).*

(Surah al-Hujuraat 49: 13)

Rasulullah SAW juga pernah bersabda:

إِنَّ مِنْ خِيَارِكُمْ أَحْسَنَكُمْ أَخْلَاقًا.

Maksudnya: “Sesungguhnya yang terbaik di antara kalian adalah yang paling baik akhlakunya.”

(Riwayat al-Bukhari)<sup>54</sup>



Islam menganjur umatnya untuk membantu golongan yang lemah dan menentang sebarang bentuk kekejaman, penindasan dan ketidakadilan kepada mana-mana individu. Firman Allah SWT dalam surah an-Nisaa’ ayat 75 berbunyi:

وَمَا كُمْرًا تَفْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ  
 وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ  
 الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

<sup>54</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab al-Manaqib, bab Sifat Nabi SAW, no. hadith 3559, daripada Abdullah bin ‘Amr r.a.

Maksudnya: *Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihak-Mu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihak-Mu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh).”*

(*Surah an-Nisaa’ 4: 75*)



Tidak dinafikan bahawa pemimpin dan kerajaan mempunyai tanggungjawab utama dalam hal melibatkan orang asli. Namun begitu, kita juga boleh memainkan peranan dalam membantu golongan tersebut sama ada melalui kapasiti kita sebagai seorang individu, penjawat awam, badan bukan kerajaan, sektor perniagaan dan sebagainya. Ini sejajar dengan ajaran Islam yang sentiasa mengajar kita untuk berbuat baik kepada semua manusia pada setiap masa. Apabila membincangkan mengenai orang asli, antara isu yang perlu diberi penekanan oleh semua ialah bagaimana kita boleh membantu dari sudut mengenai perkembangan ekonomi, pembangunan, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan golongan ini.



Aspek perkembangan ekonomi orang asli amat penting memandangkan majoriti daripada mereka masih berada dalam kepompong kemiskinan. Program pembangunan ekonomi yang dijalankan perlulah bersesuaian dengan cara hidup masyarakat orang asli yang bergantung kepada hasil hutan sebagai sumber pendapatan utama mereka. Selain bantuan kewangan, perkongsian dari sudut *skill* dan kepakaran dalam sesuatu bidang seperti pertanian dan perniagaan juga dapat membantu kepada perkembangan ekonomi masyarakat orang asli untuk jangka masa panjang.



Selain itu, aspek pembangunan fizikal di kawasan orang asli masih lagi berada pada tahap yang kurang memuaskan, yang mana masih terdapat perkampungan orang asli yang tiada jalan perhubungan yang sempurna, sumber air yang bersih dan elektrik. Walau bagaimanapun, sebarang bentuk bantuan dan pembangunan infrastruktur perlu dijalankan dengan berhemah kerana khuatir boleh menyebabkan kemusnahan persekitaran dan sumber alam yang akhirnya akan memudaratkan

kehidupan orang asli itu sendiri. Selain itu, sektor swasta seperti perkilangan dan pembalakan perlu berhati-hati dalam menjalankan aktiviti mereka agar tidak mengganggu atau memusnahkan penempatan golongan tersebut.



Pemeriksaan kualiti pendidikan dan kesihatan dalam kalangan orang asli juga perlu diteruskan dan dipertingkatkan. Perkembangan dalam aspek pendidikan akan memberi kesan yang besar kepada perkembangan masyarakat orang asli secara keseluruhannya. Agama Islam sendiri sangat menekankan tentang pentingnya menuntut ilmu kerana ia bukan hanya akan membantu perkembangan individu tersebut, malahan dapat memberi manfaat kepada masyarakat mereka. Sehubungan itu, individu yang bekerja dalam sektor perkhidmatan awam seperti cikgu dan doktor mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menyantuni masyarakat orang asli.



Kesimpulannya, kita perlulah memahami dan menghayati bahawa orang asli juga mempunyai hak mereka yang perlu dihormati seperti masyarakat lain tanpa sebarang diskriminasi. Justeru, semua pihak perlu memainkan peranan dan berganding bahu dalam meningkatkan taraf hidup serta melindungi golongan tersebut daripada sebarang bentuk penindasan. Tambahan lagi, usaha yang dilakukan perlulah ikhlas dan bukanlah hanya bersifat sementara serta untuk kepentingan peribadi semata-mata.







**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:**

**DEMI ISLAM  
DEMI NEGARA**



**DIBACA OLEH:**

**JABATAN AGAMA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PADA:**

**31 OGOS 2018**



## DEMI ISLAM DEMI NEGARA

(SEMPENA HARI KEBANGSAAN)

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

31 OGOS 2018 M/19 ZULHIJAH 1439 H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا  
وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا  
عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا  
تَتَّبِعُوا حُطُوتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿٥١﴾

**Para tetamu Allah yang dirahmati sekalian,**

Marilah kita bertakwa dan meraih rahmat Allah SWT dengan patuh kepada perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Semoga di akhirat kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang diberikan nikmat syurga yang kekal selamanya.

Bersempena dengan Hari Kebangsaan negara tercinta Malaysia yang bertemakan Sayangi Malaysiaku, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk “Demi Islam Demi Negara”.

### **Para tetamu Allah yang dirahmati sekalian,**

Saban tahun, Hari Kebangsaan disambut bagi meraikan ulang tahun kemerdekaan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah. Detik 12 tengah malam 31 Ogos menjadi waktu dan tarikh keramat yang sentiasa dinanti-nantikan oleh sekalian rakyat Malaysia. Perhimpunan mega, acara pentas dan laungan kemerdekaan oleh segenap lapisan masyarakat mewarnai malam tersebut. Kemeriahan terasa dan kebersamaan dalam kepelbagaian bangsa terjalin dalam kalangan rakyat. Persoalannya, adakah ini sahaja yang kita harapkan setiap kali menyambut ulang tahun kemerdekaan? Lalu, bagaimanakah pula seharusnya kita menghayati erti kemerdekaan ini?

Umumnya, kemerdekaan bermaksud kebebasan dan kemampuan melakukan sesuatu tanpa sekatan, halangan atau kongkongan. Namun, kebebasan ini bukanlah secara mutlak. Ini kerana apabila seseorang menganggap bahawa kebebasan ini secara mutlak, maka dia boleh berbuat sesuatu menurut kehendaknya sendiri tanpa batasan. Ini akan merosakkan tanah air dan rakyatnya sendiri. Oleh itu, negara mempunyai undang-undang bagi mengawal kebebasan yang keterlaluan.

Islam juga menggariskan batas-batas dalam akidah mahupun syariah bagi mengawal kebebasan umatnya. Ternyata batas-batas tersebut telah memerdekakan seseorang daripada kepercayaan dan pemikiran yang songsang, ibadah yang terpesong serta akhlak yang buruk. Ketahuilah, kemerdekaan yang hakiki adalah apabila manusia hanya mengikut petunjuk dan menyerahkan jiwa sepenuhnya kepada Allah SWT. Islam tidak pernah menyekat kebebasan manusia, bahkan Islam mendorong agar kebebasan tersebut digunakan bagi mencapai redha dan rahmat Allah SWT.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Jika dahulu penjajahan berlaku secara fizikal terhadap negara, namun kini umat Islam berhadapan dengan ancaman penjajahan pemikiran dan budaya. Datangnya tanpa disedari, namun semakin hari semakin meracuni akhlak peribadi. Lihat sahaja gaya hidup kini yang jauh daripada petunjuk Ilahi. Bersosial, berekonomi, bersukan, berfesyen, berhibur dan segala aktiviti manusia seharian mula menjauhi tuntutan Islam. Antara penyebab kepada gejala ini adalah berpunca daripada doktrin kemodenan yang salah. Ramai yang mengukur kemodenan berkiblatkan Barat sehingga apa sahaja yang dilakukan di Barat dianggap itulah yang sepatutnya dilakukan oleh umat Islam. Lantas budaya yang tidak sihat dan kehidupan yang bertentangan syarak mula dijadikan ikutan. Pakaiannya tidak lagi menutup aurat, makan dan minumannya tidak dipedulikan halal dan berkat, hidupnya jauh daripada ibadah dan akhirat, menguruskan dunianya




tanpa menghiraukan syariat. Tidak dinafikan ada juga kebaikan yang datang dari Barat, justeru umat Islam perlu mengambilnya sekadar yang dibenarkan oleh syariat.

Umat Islam hari ini juga dilihat leka dengan kehidupan dunia sehingga lupa untuk menuntut ilmu. Disebabkan ilmu yang kurang, maka mudahlah untuk nafsu dan syaitan melumpuhkan pemikiran dan iman seseorang. Sebenarnya hari ini tiada alasan dengan mengatakan kekangan waktu untuk mencari ilmu kerana ilmu boleh didapati daripada pelbagai sumber. Media massa memainkan peranan dalam penyebaran ilmu dengan cepat dan berkesan. Hanya kita yang perlu bijak dalam mencari ruang dan peluang untuk menimbanya melalui sumber-sumber yang diyakini benar.

### Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,


Kelemahan-kelemahan yang menimpa umat Islam ini perlu ditangani segera. Tindakan yang sewajarnya diambil adalah:

 **Pertama:** Mengukuhkan ilmu pengetahuan terutamanya berkaitan dengan Islam. Menuntut ilmu syariat sangat dituntut dalam Islam sehingga Rasulullah SAW mengangkat tarafnya sama seperti seorang yang berjihad di jalan Allah SWT. Imam at-Tirmizi meriwayatkan hadith daripada Anas bin Malik r.a., Baginda SAW bersabda:

مَنْ خَرَجَ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّى يَرْجِعَ

Maksudnya: *Sesiapa yang pergi menuntut ilmu, maka dia seumpama berada di jalan Allah sehingga ia pulang.*

(Riwayat at-Tirmizi)<sup>55</sup>

 **Kedua:** Kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dalam semua aspek kehidupan sebagaimana firman Allah SWT menerusi surah al-Baqarah, ayat 208:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan*

<sup>55</sup> Riwayat at-Tirmizi, kitab Ilmu, Bab Kelebihan Menuntut Ilmu, no. hadith 2647, berkata Abu Isa, hadith ini hasan gharib.



*janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.*

*(Surah al-Baqarah 2: 208)*



**Ketiga:** Umat Islam perlu bersatu dan saling mengukuhkan antara satu sama lain sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sepanjang perjalanan sirah Baginda. Imam al-Bukhari dan Muslim r.h. meriwayatkan sabda Rasulullah SAW melalui Abu Musa al-Asy'aari r.a.:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا وَشَبَّكَ أَصَابِعَهُ.

Maksudnya: “*Sesungguhnya (perumpamaan) seorang Mukmin dengan Mukmin lainnya seperti satu bangunan yang saling menguatkan satu sama lain.*” Kemudian Baginda menganyam jari jemarinya.

*(Riwayat al-Bukhari)<sup>56</sup>*

Bersatulah menegakkan kebenaran dan keadilan, bersamalah menentang kemungkaran dan kezaliman, biarpun terdapat perbezaan pemikiran.

### **Kaum Muslimin yang diberkati Allah sekalian,**


Demi menjaga keharmonian dan keamanan negara, mimbar ingin mengingatkan para jemaah sekalian agar bersama-sama mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Perkara-perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan termasuk perkara yang menyentuh raja-raja Melayu, agama Islam, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain perlu dipertahankan. Kesemua perkara tersebut tertakluk kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dan ia tidak boleh dikompromi serta disensasikan oleh mana-mana pihak walaupun berlaku perubahan kerajaan. Justeru, janganlah ada mana-mana individu mahupun kumpulan yang mensensasikan atau menuntut agar perkara-perkara asas dalam Perlembagaan Negara ini diubah. Sesungguhnya, tindakan mahu merombak kontrak sosial hanya mengundang suasana tidak harmoni sehingga menggugat kestabilan negara dan kepentingan awam.


Bersempena dengan sambutan Hari Orang Asal Sedunia, kita juga perlulah memahami dan menghayati bahawa orang asli mempunyai hak yang perlu dihormati seperti masyarakat lain tanpa sebarang diskriminasi. Justeru, semua pihak perlu


<sup>56</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Solat, Bab Menganyam Jari Jemari dalam Masjid dan Selainnya, no. Hadith 481.

memainkan peranan dan berganding bahu dalam meningkatkan taraf hidup serta melindungi golongan tersebut daripada sebarang bentuk penindasan.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar menyimpulkan khutbah kepada beberapa perkara untuk dijadikan renungan:

 **Pertama:** Kemerdekaan hakiki bukan sahaja dari segi fizikal, malah umat Islam harus memerdekakan hati dan pemikiran daripada menjadi tawanan nafsu dan ideologi yang bertentangan dengan Islam.

 **Kedua:** Keracunan pemikiran dan budaya boleh berlaku akibat salah faham tentang konsep kemodenan, ditambah faktor kelemahan ilmu dan amalan umat Islam itu sendiri.

 **Ketiga:** Gabungan ilmu, penghayatan agama dan kesatuan umat menjadi asas yang kukuh dalam menghadapi cabaran hidup pada hari ini.

Renungi firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 257:

اللَّهُ وَرَبِّ الَّذِينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ  
وَالَّذِينَ كَفَرُوا أُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ يُخْرِجُهُم مِّنَ  
النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا  
خَالِدُونَ

Maksudnya: Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

(Surah al-Baqarah 2: 257)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



# LARANGAN PENYEKSAAN



# TEKS KHUTBAH JUMAAT

## SUHAKAM

Hak kepada Perlindungan dari  
Seksaan dan Hukuman atau Layanan  
Zalim, Tidak Berperikemanusiaan  
atau Menjatuhkan Maruah  
(Mengaibkan)

## SUHAKAM

Hindari Perbuatan Penyeksaan

## JAWI

Hak Perlindungan daripada Kezaliman

## JAWI

Akhlak Diperbaiki, Keadilan Dikecapi









# **CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:**

**HAK KEPADA PERLINDUNGAN  
DARI SEKSAAN DAN HUKUMAN  
ATAU LAYANAN ZALIM, TIDAK  
BERPERIKEMANUSIAAN  
ATAU MENJATUHKAN  
MARUAH (MENGAIBKAN)**



**DIHASILKAN OLEH:**

**SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**





**HAK KEPADA PERLINDUNGAN DARI SEKSAAN  
DAN HUKUMAN ATAU LAYANAN ZALIM, TIDAK  
BERPERIKEMANUSIAAN ATAU MENJATUHKAN  
MARUAH (MENGAIBKAN)**



Tindakan menyiksa atau menghukum atau melayan dengan zalim, tidak berperikemanusiaan atau mengaibkan (menjatuhkan maruah) adalah tindakan yang dilarang dalam Islam. Terdapat banyak firman Allah, sabda dan hadith Nabi dan riwayat yang melarang atau mengingatkan umat Islam untuk mengelak dari perbuatan sedemikian. Antaranya:

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ  
بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak berperi sakitnya.*”

(Surah asy-Syura 42: 42)

وَنَادَى أَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابَ النَّارِ أَنْ قَدْ وَجَدْنَا مَا وَعَدَنَا  
رَبُّنَا حَقًّا فَهَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا قَالُوا نَعَمْ فَأَذَّنَ  
مُؤَذِّنٌ بَيْنَهُمْ أَنْ لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: *Dan (apabila ahli-ahli syurga itu berada di tempat masing-masing), berserulah mereka kepada ahli neraka dengan*



berkata: “Sesungguhnya kami telah dapati apa yang telah dijanjikan kepada kami oleh Tuhan kami, semuanya betul. Maka, adakah kamu juga telah dapati apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kamu itu semuanya betul?” Mereka menjawab: “Benar ada.” Kemudian berserulah penyeru (malaikat) di antara mereka (kedua-dua puak itu) menyatakan: “Bahawa laknat Allah tertimpa ke atas orang-orang yang zalim.”

(Surah al-A‘raaf 7: 44)

وَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ غَافِلًا عَمَّا تَعْمَلُ الظَّالِمُونَ إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ  
لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ الْأَبْصَارُ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: “Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyangka Allah lalai akan apa yang dilakukan oleh orang-orang yang zalim; sesungguhnya Dia hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari yang padanya terbeliak kaku pemandangan mereka, (kerana gerun gementar melihat keadaan yang berlaku).”

(Surah Ibrahim 14: 42)



Sahabat Rasulullah SAW bernama Hisham ibn Hakim r.a. meriwayatkan:

عَنْ هِشَامِ بْنِ حَكِيمِ بْنِ حِزَامٍ قَالَ: مَرَّ بِالشَّامِ عَلَى أَنَاسٍ وَقَدْ أَقِيمُوا فِي الشَّمْسِ وَصَبَّ عَلَى رُءُوسِهِمُ الزَّيْتُ، فَقَالَ مَا هَذَا؟ قِيلَ: يُعَدِّبُونَ فِي الْحَرَّاجِ، فَقَالَ: أَمَا إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّ اللَّهَ يُعَذِّبُ الَّذِينَ يُعَذِّبُونَ فِي الدُّنْيَا.

Maksudnya: Daripada Hisham bin Hakim bin Hizam r.a., beliau berkata: “Saya pernah melewati beberapa orang di Syam yang dijemur di terik matahari sambil kepala mereka dituangi minyak.” Kemudian Hisyam bertanya: “Mengapa mereka ini dihukum?” Seseorang menjawab: “Mereka diseksa kerana kerana tidak membayar cukai.” Maka Hisyam pun berkata: “Sesungguhnya saya

*pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda: ‘Sesungguhnya Allah akan menyiksa mereka yang menyiksa orang lain di dunia ini.’”*

*(Riwayat Muslim)<sup>57</sup>*



Islam juga melarang dan mengingatkan pemimpin atau umat yang lebih berkuasa untuk tidak menzalimi rakyatnya:

Rasulullah SAW bersabda:

اسْمَعُوا، هَلْ سَمِعْتُمْ أَنَّهُ سَيَكُونُ بَعْدِي أُمَرَاءُ؟ فَمَنْ دَخَلَ عَلَيْهِمْ فَصَدَّقَهُمْ بِكُذِبِهِمْ وَأَعَانَهُمْ عَلَى ظُلْمِهِمْ فَلَيْسَ مِنِّي وَلَسْتُ مِنْهُ وَلَيْسَ بِوَارِدٍ عَلَيَّ الْحَوْضَ، وَمَنْ لَمْ يَدْخُلْ عَلَيْهِمْ وَلَمْ يُعِنْهُمْ عَلَى ظُلْمِهِمْ وَلَمْ يُصَدِّقَهُمْ بِكُذِبِهِمْ فَهُوَ مِنِّي وَأَنَا مِنْهُ وَهُوَ وَارِدٌ عَلَيَّ الْحَوْضَ.

Maksudnya: “Dengarlah kalian semua, adakah kamu pernah mendengar bahawa sesungguhnya sepeninggalanku nanti akan ada pemimpin-pemimpin? Sesiapa yang menyokong mereka lalu membenarkan kedustaan mereka serta menolong kezaliman mereka, maka dia tidak termasuk golonganku dan tidak akan dapat melewati telagaku (*al-Khauthar*). (Sebaliknya) sesiapa yang tidak menyokong mereka, tidak membantu kezaliman mereka dan tidak membenarkan kedustaan mereka, maka dia termasuk golonganku. Aku pula termasuk golongannya dan dia akan melewati telagaku.”

*(Riwayat at-Tirmizi)<sup>58</sup>*

Sabda Nabi Muhammad SAW:

أَلَا مَنْ ظَلَمَ مُعَاهِدًا أَوْ انْتَقَصَهُ أَوْ كَلَّفَهُ فَوْقَ طَاقَتِهِ أَوْ أَخَذَ مِنْهُ شَيْئًا بَغَيْرِ طِيبِ نَفْسٍ فَإِنَّا حَاجِبِيهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya: “Ketahuilah, sesiapa yang menzalimi mu’ahad (orang kafir yang menjalin perjanjian dengan Islam) atau mengurangi haknya atau membebaninya di atas kemampuannya atau mengambil darinya sesuatu


<sup>57</sup> Riwayat Muslim, Kitab Berbuat Baik, Perhubungan dan Adab, Bab Ancaman Keras bagi Orang Menyiksa Manusia Lain Tanpa Hak, no. hadith 2613.


<sup>58</sup> Riwayat at-Tirmizi, Kitab Fitnah-fitnah, Bab... no. hadith 2259, daripada Kaab bin Újrah r.a., berkata Abu Isa, hadith ini sahih.




*tanpa kerelaan, maka aku adalah orang yang akan memusuhinya pada hari kiamat.”*


*(Riwayat Abu Dawud)<sup>59</sup>*

 Walaupun terdapatnya larangan-larangan demikian pada masa kini masih terdapat orang yang bertindak menyeksa dan menggunakan pelbagai jenis hukuman dan layanan yang boleh dikategorikan sebagai zalim, tidak berperikemanusiaan dan mengaibkan ke atas orang lain sebagai satu cara bagi mencapai matlamat mereka.

 Penyeksaan kebiasaannya dilakukan secara tersembunyi, terutamanya semasa penyiasatan dan penahanan, yang mana pelbagai bentuk seksaan secara fizikal dan psikologi digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diinginkan. Mangsa penyeksaan juga kebiasaannya akan mengalami kesan daripada sudut fizikal dan mental seperti insomnia, kemurungan dan hilang ingatan. Paling menyedihkan, dalam sesetengah keadaan, penyeksaan juga berkesudahan dengan kematian.

 Bagi mengesahkan hak asasi setiap manusia untuk dilayan dengan hormat, dan selari dengan tuntutan Islam, Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) yang disertai oleh Malaysia sendiri telah menerima pakai Perisytiharan Kaherah (*Cairo Declaration*). Selain itu, Artikel 20 Perisytiharan ini menyatakan bahawa:

*Adalah tidak dibenarkan tanpa sebab yang sah untuk menangkap seseorang individu atau menyekat kebebasannya, membuang atau menghukumnya. Adalah tidak dibenarkan seseorang individu menjalani penyeksaan fizikal atau psikologi ataupun sebarang bentuk penghinaan, kekejaman atau pencabulan maruah. Juga tidak dibenarkan seseorang individu mengalami eksperimentasi saintifik atau perubahan tanpa persetujuannya atau yang boleh membawa risiko kepada kesihatan atau nyawanya. Juga tidak dibenarkan untuk mengisytiharkan undang-undang darurat yang memberikan kuasa kepada pihak eksekutif melakukan tindakan-tindakan tersebut.<sup>60</sup>*

 Perisytiharan di atas bermaksud Malaysia bersetuju untuk mempertanggungjawabkan pemimpin dan kerajaan bagi memastikan rakyat tidak terdedah kepada penyeksaan dan sebarang hukuman atau layanan zalim, tidak berperikemanusiaan atau mengaibkan.

<sup>59</sup> Riwayat Abu Dawud, kitab *al-Kharaj* (Percukaian), Bab Mengambil Cukai dari Ahli Zimmah Jika Mereka Ingkar, no. hadith 3052, berkata al-Arna'ut, sanadnya hasan.

<sup>60</sup> Artikel 20, Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam.



Komitmen yang serupa juga telah diberikan pemimpin Malaysia melalui Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN. Artikel 14 deklarasi ini adalah jaminan pemimpin bahawa tiada seseorang pun boleh dikenakan seksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah.<sup>61</sup>



Sebaliknya, kita perlu mengingatkan pemimpin dan umat bahawa setiap manusia berhak dilayan dengan hormat dan bermaruah dalam apa jua keadaan. Nilai kemanusiaan untuk menyayangi dan menghormati satu sama lain dituntut dalam Islam.



Hadith al-Bukhari dalam kitab sahihnya menjelaskan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا يَرْحَمُ اللَّهُ مَنْ عِبَادِهِ الرَّحَمَاءَ.

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah hanya merahmati hamba-hamba-Nya yang pengasih.”*

(Riwayat al-Bukhari)<sup>62</sup>



Riwayat at-Tirmizi:

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ، يَرْحَمُكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ.

Maksudnya: *“Orang yang penyayang nescaya akan disayangi pula oleh ar-Rahman (Allah). Sayangilah setiap apa yang di bumi nescaya engkau akan disayangi setiap penghuni di langit.”*

(Riwayat at-Tirmizi)<sup>63</sup>



Daripada Abu Hurairah r.a., beliau berkata, saya mendengar Rasulullah SAW bersabda:

جَعَلَ اللَّهُ الرَّحْمَةَ مِائَةَ جُزْءٍ فَأَمْسَكَ عِنْدَهُ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ وَأَنْزَلَ فِي الْأَرْضِ جُزْءًا وَاحِدًا فَمِنْ ذَلِكَ الْجُزْءِ يَتَرَا حِمُّ الْخَلْقِ حَتَّى تَرَفَعَ الْفَرَسُ حَافِرَهَا عَنْ وَلَدِهَا خَشِيَّةً أَنْ تُصِيبَهُ.

<sup>61</sup> Artikel 14, Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN.

<sup>62</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Jenazah, Bab Sabda Nabi SAW tentang Mayat akan Diseksa Disebabkan Tangisan Keluarganya, no. hadith 1284, daripada Usaman bin Zaid r.a..

<sup>63</sup> Riwayat at-Tirmizi, kitab Berbuat Baik dan Hubungan Silaturahim, Bab Kasih Sayang Sesama Manusia, daripada Abdullah bin ‘Amr r.a., no. hadith 1924, berkata Abu Isa, hadith ini hasan sahih.



Maksudnya: “Allah menjadikan rahmat seratus bahagian, namun Dia (Allah) menahan sembilan puluh sembilan rahmat di sisi-Nya dan hanya menurunkan satu bahagian ke bumi. Dari satu bahagian itulah seluruh makhluk saling mengasihi sehingga kuda mengangkat tapak kakinya jauh dari anaknya kerana khuatir akan memijaknya.”

(Riwayat al-Bukhari)<sup>64</sup>



Islam menuntut perbuatan baik terhadap keluarga dan masyarakat tanpa mengira latar belakang:

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ، سَيِّئًا وَالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri.”

(Surah an-Nisaa' 4: 36)



Justeru, setiap anggota masyarakat terutamanya kita selaku umat Islam perlu memainkan peranan masing-masing dalam menentang sebarang perbuatan penyiksaan atau layanan lain yang kejam dan tidak berperikemanusiaan kerana ia bertentangan nilai kemanusiaan dan seruan agama Islam itu sendiri. Selain itu, para pemimpin tidak kiralah majikan di pejabat, penjawat awam atau ketua

<sup>64</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Adab, bab Allah Menjadikan Rahmat Seratus Bahagian, no. hadith 6000.

keluarga mempunyai tanggungjawab yang utama bagi memastikan setiap orang di samping kita dapat menikmati kehidupan yang bermaruah. Peranan pemimpin juga penting dalam mengakhiri perbuatan yang menjurus kepada penyeksan dengan memastikan bahawa polisi atau undang-undang yang khusus dapat digubal atau dibangunkan, dan sesiapa sahaja yang melakukannya harus dipertanggungjawabkan atas perbuatannya itu.



# CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT

TAJUK:  
**HINDARI PERBUATAN  
PENYEKSAAN**



DIHASILKAN OLEH:  
**SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**



## HINDARI PERBUATAN PENYEKSAAN

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ ﴿٥١﴾

### Sidang jemaah yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Tindakan penyeksaan adalah suatu perkara yang dilarang dalam Islam dan merupakan pencabulan hak asasi manusia. Justeru, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “Hindari Perbuatan Penyeksaan”.

### Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Kita singkat sejarah masyarakat zaman jahiliah di Semenanjung Arab 1500 tahun dahulu yang mana masyarakat pada zaman tersebut hidup dalam keadaan yang mundur dari segi akhlak dan sosial. Sikap masyarakat zaman tersebut turut menzalimi golongan lemah, miskin dan sebagainya yang mewujudkan suasana kehidupan yang



jauh daripada norma kehidupan manusia sebenar. Tindakan menyeksa, melakukan perbuatan yang zalim dan tidak berperikemanusiaan adalah suatu tindakan yang dilarang dalam Islam. Malah, tindakan ini tergolong dalam kategori dosa yang besar. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah asy-Syura, ayat 42:

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ  
بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: *“Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak berpersi sakitnya.”*

(Surah asy-Syura 42: 42)

Menerusi ayat ini, Allah SWT mencela perbuatan zalim dan memberikan ancaman kepada golongan yang melakukan kezaliman tersebut dengan azab yang berat di akhirat kelak.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Perbuatan penyeksaan sering berlaku dalam masyarakat kita sama ada dalam institusi keluarga, sektor pekerjaan, perniagaan dan sebagainya. Sebagai contoh, dalam sektor pekerjaan, majikan boleh bertindak menyeksa pekerja mereka terutamanya pekerja-pekerja migran. Dalam kebanyakan kes, mangsa penyeksaan akan mengalami kesan dari sudut fizikal dan mental seperti insomnia, kemurungan dan hilang ingatan. Paling menyedihkan, dalam sesetengah keadaan, penyeksaan boleh berkesudahan dengan kematian.

Negara kita pernah dikejutkan dengan kes penyeksaan terhadap pembantu rumah warga Indonesia, iaitu Nirmala Bonat pada tahun 2004 yang mana dua orang majikannya telah bertindak menyeksa sehingga menimbulkan banyak kecederaan. Pada tahun 2018, seorang pembantu rumah warga Indonesia telah didera oleh majikan, namun berakhir dengan kematian sehari selepas dia diselamatkan dan menerima rawatan.

Kes-kes yang dinyatakan adalah contoh bentuk penyeksaan yang berlaku dalam negara kita. Ia tidak sepatutnya berlaku kerana Malaysia merupakan negara anggota kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengguna pakai Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat atau UDHR yang mana Perkara 5 menyatakan bahawa *“Tiada sesiapa pun boleh dikenakan seksaan atau layanan, atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menghinakan”*.

Selain itu, Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) telah mengguna pakai Perkara 20, Perisytiharan Kaheerah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam menyatakan bahawa:

*“... Adalah tidak dibenarkan seseorang individu menjalani penyeksaan fizikal atau psikologi atau pun sebarang bentuk penghinaan, kekejaman atau pencabulan maruah ...”*

Sebagai negara anggota kepada PBB dan OIC yang mengguna pakai kedua-dua perisytiharan ini, negara kita bersetuju agar pihak kerajaan memastikan mana-mana individu tidak terdedah kepada sebarang bentuk penyeksaan.




Pihak penguatkuasa juga perlu mengelak melakukan sebarang bentuk penyeksaan yang boleh membawa kepada kematian, terutamanya kepada tahanan kerana ia mencabuli hak asasi manusia.

Selain itu, masyarakat perlu ambil peranan untuk menentang sebarang penyeksaan yang bertentangan dengan nilai kemanusiaan dan seruan Islam. Mimbar ini menyeru kepada para pemimpin, majikan, pegawai penguatkuasa, penjawat awam atau ketua masyarakat perlu memastikan setiap ahli atau anggotanya tidak sesekali melakukan sebarang bentuk penyeksaan.

Mimbar juga mengharapakan agar undang-undang yang menjamin keadilan dan menentang penyeksaan dapat diperkasakan demi menjamin kehidupan masyarakat yang sejahtera dan berlandaskan syariat Islam serta prinsip hak asasi manusia.

## Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, kesimpulan yang dapat diambil adalah:

-  **Pertama:** Penyeksaan adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan suatu bentuk pencabulan hak asasi manusia.
-  **Kedua:** Islam menganjurkan supaya umatnya menentang penyeksaan dan memberikan perlindungan kepada orang yang dizalimi.
-  **Ketiga:** Islam menuntut supaya berbuat baik terhadap sesiapa jua tanpa mengira latar belakang seseorang.

Mari kita sama-sama hayati firman Allah SWT dalam surah al-‘Araaf, ayat 44 :

وَنَادَى أَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابَ النَّارِ أَنْ قَدْ وَجَدْنَا مَا وَعَدَنَا  
رَبُّنَا حَقًّا فَهَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا قَالُوا نَعَمْ فَأَذَّنَ  
مُؤَذِّنٌ بَيْنَهُمْ أَنْ لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: “Dan (apabila ahli-ahli syurga itu berada di tempat masing-masing), berserulah mereka kepada ahli neraka dengan berkata: “Sesungguhnya kami telah dapati apa yang telah dijanjikan kepada kami oleh Tuhan kami, semuanya betul. Maka adakah kamu juga telah dapati apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kamu itu semuanya betul? Mereka menjawab: “Benar ada.” Kemudian berserulah penyeru (malaiikat) di antara mereka (kedua-dua puak itu) menyatakan: “Bahawa laknat Allah tertimpa ke atas orang-orang yang zalim.”

(Surah al-‘Araaf 7: 44)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.







**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:**

**HAK PERLINDUNGAN  
DARIPADA KEZALIMAN**



**DIBACA OLEH:**

**JABATAN AGAMA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PADA:**

**26 OKTOBER 2018**



## HAK PERLINDUNGAN DARIPADA KEZALIMAN

KHUTBAH KHAS SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA  
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
26 OKTOBER 2018 M/ 17 SAFAR 1440 H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَتَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظَاهِرُونَ النَّاسَ وَيَسْعُونَ فِي الْأَرْضِ  
بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٤٤﴾

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dilimpahkan kerahmatan dan keberkatan hidup di dunia hingga akhirat.

Kezaliman adalah suatu perkara yang menyanggahi ajaran Islam dan menyalahi hak asasi manusia. Justeru, tajuk khutbah pada hari ini ialah, “Hak Perlindungan daripada Kezaliman”.

### Sidang jemaah yang berbahagia,

Setiap manusia mempunyai kepentingan, keinginan dan keperluan hidup yang berbagai-bagai. Dalam usaha memenuhi keinginan dan kepentingan diri, ramai manusia yang terjebak melakukan penganiayaan, kezaliman dan penindasan terhadap pihak lain. Tindakan menyeksa, menghukum, melayan dengan zalim, tidak berperikemanusiaan atau mengaibkan dengan menjatuhkan maruah pihak lain adalah antara tindakan yang dilarang Islam. Bahkan ia tergolong dalam kategori dosa yang besar. Justeru, Allah SWT telah berfirman menerusi surah asy-Syura, ayat 42:

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ  
بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak berpersi sakitnya.”*

(Surah asy- Syura 42: 42)

Menerusi ayat ini, Allah SWT mencela perbuatan zalim dan memberikan ancaman kepada golongan yang melakukan kezaliman tersebut dengan azab yang berat di akhirat kelak.

### Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Islam ialah agama yang menganjurkan keadilan. Sebagai agama *Rahmatan Lil'Alamin*, Islam menuntut umatnya membasmi kezaliman dan memberikan perlindungan kepada golongan yang dizalimi. Islam juga melarang dan mengingatkan pemimpin yang mempunyai kuasa untuk tidak menzalimi rakyatnya. Imam al-Bukhari r.h. telah meriwayatkan hadith daripada Anas bin Malik r.a., bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:



أَنْصُرَ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا.  
فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا؟ قَالَ: تَأْخُذُ فَوْقَ يَدَيْهِ.

Maksudnya: “Bantulah saudara kamu yang zalim atau yang dizalimi. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, kami memahami tentang membantu golongan yang dizalimi, namun bagaimana pula kami hendak membantu golongan yang zalim? Baginda bersabda: Kamu menarik tangannya agar tidak melakukan kezaliman.”

(Riwayat al-Bukhari)

Jelas di sini bahawa hadith ini menggesa kita menghalang orang daripada melakukan kezaliman dan menyelamatkan mereka daripada azab Allah SWT.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Walaupun Islam melarang perbuatan zalim, namun masih terdapat pihak yang menyeksa dan menggunakan pelbagai jenis hukuman dan layanan yang zalim, tidak berperikemanusiaan serta mengaibkan orang lain sebagai cara untuk mencapai matlamat mereka.

Hakikatnya, penyeksaan ini akan memberi kesan kepada mangsa dari sudut fizikal dan mental. Antara kesannya adalah mereka menghadapi penyakit seperti insomnia, kemurungan dan hilang ingatan. Paling menyedihkan, dalam sesetengah keadaan, penyeksaan juga berkesudahan dengan kematian.

Dalam menangani isu ini, Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) telah mengguna pakai Perisytiharan Kaherah, Perkara 20 yang antara isinya menyatakan:

“... Adalah tidak dibenarkan tanpa sebab yang sah untuk menangkap seseorang individu atau menyekat kebebasannya, membuang atau menghukumnya. Adalah tidak dibenarkan seseorang individu menjalani penyeksaan fizikal atau psikologi ataupun sebarang bentuk penghinaan, kekejaman atau pencabulan maruah ...”

Perisytiharan ini bermaksud negara kita bersetuju untuk mempertanggungjawabkan pemimpin dan kerajaan bagi memastikan rakyat tidak terdedah kepada bentuk-bentuk penganiayaan tersebut. Komitmen yang serupa juga telah diberikan oleh negara kita melalui Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN. Artikel 14 deklarasi ini adalah jaminan



bahawa tiada seorang pun boleh dikenakan seksaan, layanan buruk, hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah.

Inilah tuntutan Islam, malah Allah SWT juga memerintahkan berbuat baik sesama manusia bermula daripada keluarga dan kaum kerabat sehinggalah seluruh masyarakat. Firman Allah SWT menerusi surah an-Nisaa', ayat 36:

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا﴾




Maksudnya: “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong, takbur dan membangga-banggakan diri.”

(Surah an-Nisaa' 4: 36)

Justeru, ambillah peranan dalam menentang sebarang penyeksaan dan kezaliman yang bertentangan dengan nilai kemanusiaan dan seruan Islam. Mimbar menyeru kepada para pemimpin atau ketua tidak kira majikan di pejabat, penjawat awam atau ketua keluarga supaya memastikan setiap ahli atau anggota sentiasa terpelihara maruahnya. Mimbar juga mengharapkan agar undang-undang yang menjamin keadilan dan menentang kezaliman dapat diperkasakan demi menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni.

## Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,

Mengakhiri khutbah hari ini, kesimpulan yang dapat diambil adalah:

-  **Pertama:** Kezaliman bermaksud meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya dan mengandungi makna perbuatan melanggar hak asasi orang lain.
-  **Kedua:** Islam menganjurkan supaya umatnya menentang kezaliman dan memberikan hak perlindungan kepada orang lain daripada dizalimi.
-  **Ketiga:** Islam menuntut supaya berbuat baik terhadap sesiapa jua tanpa mengira latar belakang seseorang.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-A'raaf, ayat 44:

وَنَادَىٰ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابَ النَّارِ أَنْ قَدْ وَجَدْنَا مَا وَعَدَنَا  
 رَبُّنَا حَقًّا فَهَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا قَالُوا نَعَمْ فَأَذِنَ  
 مَلَكٌ مِّنْ بَيْنِهِمْ أَنْ لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: *Dan (apabila ahli-ahli syurga itu berada di tempat masing-masing), berserulah mereka kepada ahli neraka dengan berkata: “Sesungguhnya kami telah dapati apa yang telah dijanjikan kepada kami oleh Tuhan kami, semuanya betul. Maka adakah kamu juga telah dapati apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kamu itu semuanya betul?” Mereka menjawab: “Benar ada.” Kemudian berserulah penyeru (malaikat) di antara mereka (kedua-dua puak itu) menyatakan: “Bahawa laknat Allah tertimpa ke atas orang-orang yang zalim.”*

(Surah al-A'raaf: 44)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
AKHLAK DIPERBAIKI,  
KEADILAN DIKECAPI**



**DIBACA OLEH:  
JABATAN AGAMA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PADA:  
18 DISEMBER 2020**





## AKHLAK DIPERBAIKI, KEADILAN DIKECAPI

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
18 DISEMBER 2020 M/3 JAMADILAWAL 1442 H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ  
يَعْتَرِ الْحَقُّ أَوْلِيَّتِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤١﴾

### Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mentaati setiap perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan ketaatan tersebut dapat menjamin kebahagiaan hidup kita di dunia hingga akhirat.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk, “Akhlak Diperbaiki, Keadilan Dikecapi”.

### Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Islam mendidik manusia supaya mengamalkan akhlak yang mulia dalam kehidupan. Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT kepada manusia untuk menyempurnakan akhlak mulia. Antara sifat yang merosakkan nilai akhlak ialah sifat zalim. Ia boleh



berlaku dalam hubungan sosial dan muamalat masyarakat apabila hak orang lain dikurangkan, dinafikan atau dirampas. Dengan sebab itu, berlakulah penindasan, penyiksaan, penganiayaan, pembulian dan sebagainya. Firman Allah SWT menerusi surah asy-Syura, ayat 42 yang bermaksud:

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَسْعُونَ فِي الْأَرْضِ  
بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”*

(Surah asy-Syura 42: 42)

Kita sekarang berada pada zaman moden yang pesat dengan perkembangan teknologi. Seharusnya dengan perkembangan tersebut kehidupan manusia mestilah bebas daripada sebarang pencabulan hak orang lain. Namun, sebaliknya saban hari berita mengenai penindasan berlaku apabila golongan yang lemah dizalimi oleh individu yang tidak berperikemanusiaan. Penganiayaan dan perbuatan zalim sering berlaku sama ada dalam institusi keluarga, sektor pekerjaan, perniagaan dan sebagainya. Apa yang membimbangkan, ia telah memberi kesan kepada fizikal dan mental mangsa seperti kemurungan dan tekanan jiwa. Malah paling menyedihkan ada yang berkesudahan dengan membunuh diri.

Sama ada kita sedar atau tidak, penganiayaan dan pembulian dalam dunia siber di media-media sosial berlaku setiap hari. Ia bermula dengan kritikan, sindiran, penghinaan, fitnah, kecaman sehinggalah membawa kepada tipu daya, pemerasan, penipuan, ugutan dan sebagainya. Lihatlah ramai yang telah menjadi mangsa buli siber ini, bermula dengan sebaran maklumat berkemungkinan tidak tepat oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Kesannya, ramai yang terjebak dengan perlakuan buli siber tersebut tanpa menilai kebaikan dan keburukan akibat tindakan tersebut.

Justeru, sebagai umat Islam yang berakhlak mulia, kita dituntut untuk mengamalkan cara hidup Muslim yang sebenar. Renungkan hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, daripada Abdullah bin ‘Amr r.a. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمَسْلُومُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ.

Maksudnya: *“Seorang Muslim (sejati) ialah orang Muslim yang lain selamat daripada (kejahatan) lidah dan tangannya (perbuatannya).”*  
(Riwayat al-Bukhari)<sup>65</sup>

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Mimbar ingin menarik perhatian sidang jemaah sekalian bahawa negara kita merupakan anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengguna pakai Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat atau UDHR. Dalam Perkara 5 perisytiharan tersebut menyatakan, *“Tiada sesiapa pun boleh dikenakan seksaan atau layanan, atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menghinakan.”*

Selain itu, negara kita juga merupakan anggota Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) yang mengguna pakai Perkara 20, Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam yang menyatakan, *“Adalah tidak dibenarkan seseorang individu menjalani penyiksaan fizikal atau psikologi ataupun sebarang bentuk penghinaan, kekejaman atau pencabulan maruah.”*

Sesungguhnya, kita semua mempunyai peranan untuk menentang sebarang perbuatan zalim dan melampaui batas yang bertentangan dengan ajaran Islam dan nilai kemanusiaan. Semua pihak termasuk para pemimpin, majikan, penguatkuasa, penjawat awam dan ibu bapa mestilah memastikan setiap mereka yang berada di bawah tanggungjawabnya supaya tidak sesekali melakukan sebarang kezaliman dan penindasan terhadap orang lain lebih-lebih lagi di media sosial. Di samping itu, jadilah masyarakat yang prihatin dengan melindungi dan memberi perlindungan kepada mereka yang teraniaya.

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati firman Allah SWT dalam surah al-A'raaf, ayat 44:

<sup>65</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Iman, bab Seorang Muslim adalah Orang Muslim yang Lain Selamat daripada Lidah dan Tangannya, no. hadith 10.

وَنَادَى أَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابَ النَّارِ أَنْ قَدْ وَجَدْنَا مَا وَعَدَنَا  
رَبُّنَا حَقًّا فَهَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا قَالُوا نَعَمْ فَأَذَّنَ  
مُؤَذِّنٌ بَيْنَهُمْ أَنْ لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: *Dan (apabila ahli-ahli syurga itu berada di tempat masing-masing), berserulah mereka kepada ahli neraka dengan berkata: "Sesungguhnya kami telah dapati apa yang telah dijanjikan kepada kami oleh Tuhan kami, semuanya betul. Maka adakah kamu juga telah dapati apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kamu itu semuanya betul?" Mereka menjawab: "Benar ada." Kemudian berserulah penyeru (malaiikat) di antara mereka (kedua-dua puak itu) menyatakan: "Bahawa laknat Allah tertimpa ke atas orang-orang yang zalim."*

(Surah al-A'raaf 7: 44)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.







# PEMERDAGANGAN ORANG



# TEKS KHUTBAH JUMAAT

**SUHAKAM**

**Dijual seperti Ikan**

**JAIPK**

**Banteras Pemerdagangan Manusia**

**JAIPP**

**Dijual seperti Ikan**









# CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT

TAJUK:  
DIJUAL SEPERTI IKAN



DIHASILKAN OLEH:  
SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA



## DIJUAL SEPERTI IKAN

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٥١﴾

### Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Khutbah hari ini membicarakan tajuk “Dijual seperti Ikan”.

### Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada bulan Mei 2015, negara telah dikejutkan dengan pembongkaran satu perkuburan besar dan kem permerdagangan manusia di Wang Kelian yang terletak di sempadan negeri Perlis dan negara Thailand oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), yang mana sebanyak 139 buah kubur besar dan kecil telah dijumpai yang korban mangsanya adalah pendatang asing. Kubur-kubur tersebut mengandungi mayat-mayat warga Rohingya dan Bangladesh yang diperdagangkan. Kes tersebut merupakan satu tragedi yang amat menyedihkan apabila manusia diperlakukan dengan tidak berperikemanusiaan sehingga berlaku kematian.

## Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Pemerdagangan orang adalah salah satu jenayah global yang kejam, yang mana manusia dijadikan komoditi jual beli untuk mendapatkan keuntungan haram dengan mangsa dipaksa menjalankan aktiviti pelacuran, buruh dan perhambaan domestik tanpa kerelaan. Jenayah ini merupakan industri kedua terbesar di dunia dan pantas berkembang. Pertubuhan Buruh Sedunia menganggarkan pemerdagangan orang merupakan industri global bernilai \$150 bilion (US Dollar) bersamaan RM600 bilion.

Pemerdagangan manusia bermaksud segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan dan termasuklah perbuatan merekrut, memindahkan, melindungi, menyediakan, atau menerima seseorang bagi maksud eksploitasi. Eksploitasi adalah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.

Ternyata bahawa pemerdagangan manusia adalah satu bentuk perhambaan zaman moden yang mana mangsa dilucutkan hak asasinya. Mereka kehilangan jaminan hak kepada nyawa, maruah dan keselamatan diri, serta kebebasan untuk bergerak, dan kebebasan daripada penyeksaan serta layanan kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah.

Tindakan menyeksa, menghukum, melayan dengan zalim, tidak berperikemanusiaan atau mengaibkan dengan menjatuhkan maruah pihak lain adalah antara tindakan yang dilarang Islam. Bahkan ia adalah satu dosa besar. Justeru, Allah SWT telah berfirman menerusi surah asy-Syura, ayat 42:

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ  
بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak berpersi sakitnya.”*

(Surah asy-Syura 42: 42)



Menerusi ayat ini, Allah SWT mencela perbuatan zalim dan memberikan ancaman kepada golongan yang melakukan kezaliman tersebut dengan azab yang berat di akhirat kelak.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Malaysia dianggap sebagai negara destinasi dan kadangkala sebagai negara sumber dan transit bagi aktiviti pemerdagangan manusia. Lazimnya, mangsa pemerdagangan manusia di Malaysia dipaksa untuk bekerja sebagai buruh paksaan dan kegiatan pelacuran. Mangsa pemerdagangan buruh bekerja dalam pelbagai sektor seperti pertanian, pembinaan, pembantu rumah dan pembuatan, yang mana mereka diupah secara haram tanpa perlindungan sosial.

Pemerdagangan seks pula dikaitkan dengan pemerdagangan wanita dan kanak-kanak perempuan ke dalam industri seks atau kegiatan pelacuran disebabkan permintaan kepada perkhidmatan seksual. Wanita asing yang muda terdedah kepada janji palsu untuk berkerja secara sah di Malaysia, tetapi kemudiannya dipaksa ke industri seks komersial. Mereka dikurung, dipukul dan diancam keselamatan sekiranya tidak memenuhi arahan ejen pemerdagangan.

Pelarian dan pencari suaka di Malaysia juga terdedah kepada pemerdagangan manusia kerana ketiadaan pengiktirafan status mereka yang menghalang mereka daripada mendapat perlindungan perundangan serta bekerja secara sah di Malaysia.

Mengikut statistik daripada Majlis Antipemerdagangan dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), sebanyak 2303 kes pemerdagangan orang telah dilaporkan kepada agensi penguat kuasa, manakala 4864 mangsa pemerdagangan orang telah ditempatkan di rumah-rumah perlindungan di Malaysia dari tahun 2008 hingga 2018.

Usaha kerajaan untuk memerangi isu pemerdagangan bermula dengan meluluskan undang-undang menentang aktiviti jenayah pemerdagangan, iaitu Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Akta ini memberi perlindungan yang lebih baik untuk mangsa seperti kebebasan bergerak untuk mendapatkan pekerjaan, menyediakan mekanisme pemulihan kepada mangsa serta meningkatkan peranan masyarakat sivil dan agensi kerajaan.



### Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Islam dikenali sebagai agama *Rahmatan Lil-'Alamin*, yang menuntut umatnya membasmi kezaliman dan memberikan perlindungan kepada golongan yang dizalimi. Imam al-Bukhari r.h. telah meriwayatkan hadith daripada Anas bin Malik r.a., bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

أَنْصُرُ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا؟ قَالَ: تَأْخُذُ فَوْقَ يَدَيْهِ.

Maksudnya: “Bantulah saudara kamu yang zalim atau yang dizalimi. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, kami memahami tentang membantu golongan yang dizalimi, namun bagaimana pula kami hendak membantu golongan yang zalim? Baginda bersabda: Kamu menahan tangannya agar tidak melakukan kezaliman.”

(Riwayat al-Bukhari)<sup>66</sup>

Hadith ini dengan jelas menggesa kita menghalang orang daripada melakukan kezaliman dan menyelamatkan mereka daripada azab Allah SWT.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Mimbar ini menyeru masyarakat pada hari ini supaya mengambil langkah-langkah bagi mengelak menjadi mangsa pemerdagangan manusia, antaranya:



**PERTAMA:** Pastikan syarikat atau agensi yang menawarkan pekerjaan adalah berdaftar dengan pihak agensi kerajaan.



**KEDUA:** Minta dan simpan salinan kontrak pekerjaan.



**KETIGA:** Jangan serahkan pasport atau kad pengenalan diri kepada ejen atau majikan.

<sup>66</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Perbuatan-perbuatan Zalim, bab Bantulah Saudara Kamu yang Zalim atau yang Dizalimi, no. hadith 2444.



**KEEMPAT:** Kongsi maklumat pekerjaan dan negara destinasi dengan ahli keluarga.



**KELIMA:** Jangan sesekali masuk ke negara lain secara haram.

Mimbar ini juga memberi peringatan kepada para majikan supaya tidak melakukan perkara-perkara atau tindakan yang boleh dikategorikan sebagai memperdagangkan insan lain. Majikan hendaklah menjaga hak asasi pekerja seperti memberi imbuhan yang adil dan setimpal, hak kebebasan bergerak, perlindungan terhadap penyeksaan, perlakuan kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah, tidak terlibat dalam pengambilan buruh kanak-kanak dan sebagainya.

Kesimpulannya, mimbar ini memberi peringatan kepada semua yang hadir pada hari ini, janganlah kita menjadi sebahagian daripada mangsa atau ejen pemerdagangan manusia untuk mencapai kekayaan yang dimurkai Allah SWT. Mimbar ini juga ingin mengingatkan agar kita ambil peranan untuk menentang sebarang bentuk kezaliman yang bertentangan dengan nilai kemanusiaan dan seruan Islam.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
BANTERAS  
PEMERDAGANGAN MANUSIA**



**DIBACA OLEH:  
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK**

**PADA:  
26 JULAI 2019**





## BANTERAS PEMERDAGANGAN MANUSIA

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
26 JULAI 2019 M/23 ZULKAEDAH 1440 H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.*

(Surah Ali 'Imran 3: 102)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! اتَّقُوا اللَّهَ أَوْ صِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Saya ingin berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita sama-sama meninggikan ketakwaan kepada Allah SWT, yakni dengan melakukan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sebelum meneruskan khutbah, saya juga berpesan kepada sidang jemaah agar jangan bercakap-cakap ketika khutbah disampaikan. Mudah-mudahan pahala Jumaat kita tidak sia-sia dan kita mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat. Tajuk khutbah kita hari ini ialah, “Banteras Pemerdagangan Manusia”.



### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada bulan Mei 2015, negara telah dikejutkan dengan pembongkaran satu perkuburan besar dan kem pemerdagangan manusia di Wang Kelian yang terletak di sempadan negeri Perlis dan negara Thailand oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), yang mana sebanyak 139 buah kubur besar dan kecil telah dijumpai yang korban mangsanya ialah pendatang asing. Kubur-kubur tersebut mengandungi mayat-mayat warga Rohingya dan Bangladesh yang diperdagangkan. Kes tersebut merupakan satu tragedi yang amat menyedihkan apabila manusia diperlakukan dengan tidak berperikemanusiaan sehingga berlaku kematian.

### **Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,**

Pemerdagangan manusia adalah satu jenayah global yang kejam. Manusia dijadikan komoditi jual beli untuk mendapatkan keuntungan haram. Mangsa dipaksa menjalankan aktiviti pelacuran, buruh dan perhambaan domestik tanpa kerelaan. Jenayah ini merupakan industri kedua terbesar di dunia dan pantas berkembang. Pertubuhan buruh sedunia menganggarkan pemerdagangan manusia merupakan industri global bernilai 150 bilion dolar US bersamaan RM600 bilion.

Pemerdagangan manusia bermaksud segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pembekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan. Ini termasuklah perbuatan merekrut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud eksploitasi. Eksploitasi adalah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.

Jelaslah bahawa pemerdagangan manusia adalah satu bentuk perhambaan zaman moden yang mana mangsa dilucutkan hak asasinya. Mereka kehilangan jaminan hak kepada nyawa, maruah dan keselamatan diri, serta kebebasan untuk bergerak dan kebebasan daripada penyiksaan serta layanan kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah.

Tindakan menyiksa, menghukum, melayan dengan zalim, tidak berperikemanusiaan atau mengaibkan dengan menjatuhkan maruah pihak lain adalah antara tindakan yang dilarang Islam. Bahkan ia adalah satu dosa besar. Justeru, Allah SWT telah berfirman menerusi surah asy-Syura ayat 42,

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ  
بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak berperi sakitnya.*”

(Surah asy-Syura 42: 42)

Menerusi ayat ini, Allah SWT mencela perbuatan zalim dan memberikan ancaman kepada golongan yang melakukan kezaliman tersebut dengan azab yang berat di akhirat kelak.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Malaysia dianggap sebagai negara destinasi dan kadangkala sebagai negara sumber dan transit bagi aktiviti pemerdagangan manusia. Lazimnya, mangsa pemerdagangan manusia di Malaysia dipaksa untuk bekerja sebagai buruh paksaan dan kegiatan pelacuran. Mangsa pemerdagangan buruh bekerja dalam pelbagai sektor seperti pertanian, pembinaan, pembantu rumah dan pembuatan, yang mana mereka diupah secara haram tanpa perlindungan sosial.

Pemerdagangan seks pula dikaitkan dengan pemerdagangan wanita dan kanak-kanak perempuan ke dalam industri seks atau kegiatan pelacuran disebabkan permintaan kepada perkhidmatan seksual. Wanita asing yang muda terdedah kepada janji palsu untuk bekerja secara sah di Malaysia, tetapi kemudiannya dipaksa ke industri seks komersial. Mereka dikurung, dipukul dan diancam keselamatan sekiranya tidak memenuhi arahan ejen pemerdagangan.

Pelarian dan pencari suaka di Malaysia juga terdedah kepada pemerdagangan manusia kerana ketiadaan pengiktirafan status. Ini akan menghalang mereka daripada mendapat perlindungan perundangan serta bekerja secara sah di Malaysia.

## Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Islam dikenali sebagai agama *Rahmatan Lil-'Alamin*, yang menuntut umatnya membasmi kezaliman dan memberikan perlindungan kepada golongan yang dizalimi. Imam al-Bukhari r.h. telah meriwayatkan hadith daripada Sayidina Anas bin Malik, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

أَنْصُرَ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا،  
فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا؟ قَالَ: تَأْخُذُ فَوْقَ يَدَيْهِ.






Maksudnya: *Bantulah saudara kamu yang zalim atau yang dizalimi. Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, kami memahami tentang membantu golongan yang dizalimi, namun bagaimana pula kami hendak membantu golongan yang zalim? Baginda bersabda: "Kamu menahan tangannya agar tidak melakukan kezaliman."*

(*Riwayat al-Bukhari*)<sup>67</sup>

Hadith ini dengan jelas menggesa kita menghalang orang daripada melakukan kezaliman dan menyelamatkan mereka daripada azab Allah SWT.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Mimbar ingin menyeru masyarakat pada hari ini supaya mengambil langkah-langkah bagi mengelak menjadi mangsa pemerdagangan manusia, antaranya:

-  Pastikan syarikat atau agensi yang menawarkan pekerjaan adalah berdaftar dengan pihak agensi kerajaan.
-  Minta dan simpan salinan kontrak pekerjaan.
-  Jangan serahkan pasport atau kad pengenalan diri kepada ejen-ejen atau majikan.
-  Kongsi maklumat pekerjaan dan negara destinasi dengan ahli keluarga.
-  Jangan sesekali masuk ke negara lain secara haram.

<sup>67</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Perbuatan-perbuatan Zalim, bab Bantulah Saudara Kamu yang Zalim atau yang Dizalimi, no. hadith 2444.



Mimbar juga ingin memberi peringatan kepada para majikan supaya tidak melakukan tindakan yang boleh dikategorikan sebagai memperdagangkan insan lain. Majikan hendaklah menjaga hak asasi pekerja seperti memberi imbuhan yang adil dan setimpal, hak kebebasan bergerak, perlindungan terhadap penyeksaan, perlakuan kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah, tidak terlibat dalam pengambilan buruh kanak-kanak dan sebagainya.

Kesimpulannya, mimbar memberi peringatan kepada semua yang hadir pada hari ini, janganlah kita menjadi sebahagian daripada mangsa atau ejen pemerdagangan manusia untuk mencapai kekayaan yang dimurkai Allah SWT. Mimbar ini juga ingin mengingatkan agar kita mengambil peranan untuk menentang sebarang bentuk kezaliman yang bertentangan dengan nilai kemanusiaan dan seruan Islam.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





# TEKS KHUTBAH JUMAAT

TAJUK:  
**DIJUAL SEPERTI IKAN**



DIBACA OLEH:  
**JABATAN HAL EHWAL  
AGAMA ISLAM PULAU PINANG**

PADA:  
**27 SEPTEMBER 2019**



## DIJUAL SEPERTI IKAN

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG  
27 SEPTEMBER 2019 M/28 MUHARRAM 1441 H

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٥١﴾

### Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Khutbah hari ini membicarakan tajuk “Dijual seperti Ikan”.

### Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada bulan Mei 2015, negara telah dikejutkan dengan pembongkaran satu perkuburan besar dan kem pemerdagangan manusia di Wang Kelian yang terletak di sempadan negeri Perlis dan negara Thailand oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), yang mana sebanyak 139 buah kubur besar dan kecil telah dijumpai yang korban mangsanya ialah

pendatang asing. Kubur-kubur tersebut mengandungi mayat-mayat warga Rohingya dan Bangladesh yang diperdagangkan. Kes tersebut merupakan satu tragedi yang amat menyedihkan apabila manusia diperlakukan dengan tidak berperikemanusiaan sehingga berlaku kematian.

### **Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,**

Pemerdagangan orang adalah salah satu jenayah global yang kejam, yang mana manusia dijadikan komoditi jual beli untuk mendapatkan keuntungan haram dengan mangsa dipaksa menjalankan aktiviti pelacuran, buruh dan perhambaan domestik tanpa kerelaan. Jenayah ini merupakan industri kedua terbesar di dunia dan pantas berkembang. Pertubuhan Buruh Sedunia menganggarkan pemerdagangan orang merupakan industri global bernilai \$150 bilion (US Dollar) bersamaan RM600 bilion.

Pemerdagangan manusia bermaksud segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan dan termasuklah perbuatan merekrut, memindahkan, melindungi, menyediakan, atau menerima seseorang bagi maksud eksploitasi. Eksploitasi adalah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.

Ternyata lah bahawa pemerdagangan manusia adalah satu bentuk perhambaan zaman moden, yang mana mangsa dilucutkan hak asasinya. Mereka kehilangan jaminan hak kepada nyawa, maruah dan keselamatan diri, serta kebebasan untuk bergerak, dan kebebasan daripada penyeksaan serta layanan kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah.

Tindakan menyeksa, menghukum, melayan dengan zalim, tidak berperikemanusiaan atau mengaibkan dengan menjatuhkan maruah pihak lain adalah antara tindakan yang dilarang Islam. Bahkan, ia adalah satu dosa besar. Justeru, Allah SWT telah berfirman menerusi surah asy-Syura, ayat 42:

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ  
بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤٢﴾



Maksudnya: *“Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak berpersi sakitnya.”*

(Surah asy-Syura 42: 42)

Menerusi ayat ini, Allah SWT mencela perbuatan zalim dan memberikan ancaman kepada golongan yang melakukan kezaliman tersebut dengan azab yang berat di akhirat kelak.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Malaysia dianggap sebagai negara destinasi dan kadangkala sebagai negara sumber dan transit bagi aktiviti pemerdagangan manusia. Lazimnya, mangsa pemerdagangan manusia di Malaysia dipaksa untuk bekerja sebagai buruh paksaan dan kegiatan pelacuran. Mangsa pemerdagangan buruh bekerja dalam pelbagai sektor seperti pertanian, pembinaan, pembantu rumah dan pembuatan, yang mana mereka diupah secara haram tanpa perlindungan sosial.

Pemerdagangan seks pula dikaitkan dengan pemerdagangan wanita dan kanak-kanak perempuan ke dalam industri seks atau kegiatan pelacuran disebabkan permintaan kepada perkhidmatan seksual. Wanita asing yang muda terdedah kepada janji palsu untuk bekerja secara sah di Malaysia, tetapi kemudiannya dipaksa ke industri seks komersial. Mereka dikurung, dipukul dan diancam keselamatan sekiranya tidak memenuhi arahan ejen pemerdagangan.

Pelarian dan pencari suaka di Malaysia juga terdedah kepada pemerdagangan manusia kerana ketiadaan pengiktirafan status mereka yang menghalang mereka daripada mendapat perlindungan perundangan serta bekerja secara sah di Malaysia.

Mengikut statistik daripada Majlis Antipemerdagangan dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), sebanyak 2303 kes pemerdagangan orang telah dilaporkan kepada agensi penguatkuasa, manakala 4864 mangsa pemerdagangan orang telah ditempatkan di rumah-rumah perlindungan di Malaysia dari tahun 2008 hingga 2018.



Usaha kerajaan untuk memerangi isu pemerdagangan bermula dengan meluluskan undang-undang menentang aktiviti jenayah pemerdagangan, iaitu Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Akta ini memberi perlindungan yang lebih baik untuk mangsa seperti kebebasan bergerak untuk mendapatkan pekerjaan, menyediakan mekanisme pemulihan kepada mangsa serta meningkatkan peranan masyarakat sivil dan agensi kerajaan.

### **Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,**

Islam dikenali sebagai agama *Rahmatan Lil-'Alamin*, yang menuntut umatnya membasmi kezaliman dan memberikan perlindungan kepada golongan yang dizalimi. Imam al-Bukhari r.h. telah meriwayatkan hadith daripada Anas bin Malik r.a., bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

أَنْصُرُ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا، فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا؟ قَالَ: تَأْخُذُ فَوْقَ يَدَيْهِ.

Maksudnya: “Bantulah saudara kamu yang zalim atau yang dizalimi. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, kami memahami tentang membantu golongan yang dizalimi, namun bagaimana pula kami hendak membantu golongan yang zalim? Baginda bersabda: Kamu menahan tangannya agar tidak melakukan kezaliman.”






(Riwayat al-Bukhari)<sup>68</sup>

Hadith ini dengan jelas menggesa kita menghalang orang daripada melakukan kezaliman dan menyelamatkan mereka daripada azab Allah SWT.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Mimbar ini menyeru masyarakat pada hari ini supaya mengambil langkah-langkah bagi mengelak menjadi mangsa pemerdagangan manusia, antaranya:

<sup>68</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Perbuatan-perbuatan Zalim, bab Bantulah Saudara Kamu yang Zalim atau yang Dizalimi, no. hadith 2444.

-  **PERTAMA:** Pastikan syarikat atau agensi yang menawarkan pekerjaan adalah berdaftar dengan pihak agensi kerajaan.
-  **KEDUA:** Minta dan simpan salinan kontrak pekerjaan.
-  **KETIGA:** Jangan serahkan pasport atau kad pengenalan diri kepada ejen atau majikan.
-  **KEEMPAT:** Kongsi maklumat pekerjaan dan negara destinasi dengan ahli keluarga.
-  **KELIMA:** Jangan sesekali masuk ke negara lain secara haram.

Mimbar ini juga memberi peringatan kepada para majikan supaya tidak melakukan perkara-perkara atau tindakan yang boleh dikategorikan sebagai memperdagangkan insan lain. Majikan hendaklah menjaga hak asasi pekerja seperti memberi imbuhan yang adil dan setimpal, hak kebebasan bergerak, perlindungan terhadap penyeksaan, perlakuan kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah, tidak terlibat dalam pengambilan buruh kanak-kanak dan sebagainya.

Kesimpulannya, mimbar ini memberi peringatan kepada semua yang hadir pada hari ini, janganlah kita menjadi sebahagian daripada mangsa atau ejen pemerdagangan manusia untuk mencapai kekayaan yang dimurkai Allah SWT. Mimbar ini juga ingin mengingatkan agar kita ambil peranan untuk menentang sebarang bentuk kezaliman yang bertentangan dengan nilai kemanusiaan dan seruan Islam.

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



# HAK ORANG KURANG UPAYA



# TEKS KHUTBAH JUMAAT

**SUHAKAM**

**Menyantuni Golongan Orang Kurang Upaya**

**SUHAKAM**

**Meningkatkan Perlindungan Hak Orang Kurang Upaya**

**JAWI**

**Malaysia Harmoni**

**JHEAINS (Negeri Sembilan)**

**Menyantuni Orang Kurang Upaya**









# **CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
MENYANTUNI GOLONGAN  
ORANG KURANG UPAYA**





**DIHASILKAN OLEH:  
SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**







## MENYANTUNI GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA

- 

Dilema yang dihadapi oleh golongan orang kurang upaya (OKU) bukanlah satu perkara yang baharu, malahan ianya telah berlanjutan sejak sekian lama. Namun begitu, isu OKU kurang mendapat perhatian media massa jika dibandingkan dengan isu yang dihadapi oleh golongan rentan lain seperti wanita dan kanak-kanak. Hal ini mungkin berpunca daripada kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat hari ini tentang hak asasi golongan OKU yang akhirnya mendorong kepada diskriminasi kepada golongan tersebut.
- 

Terdapat dua bentuk diskriminasi yang sering dihadapi oleh golongan OKU sejak lahir sehinggalah ke alam dewasa. Pertamanya adalah diskriminasi secara langsung, yang mana seseorang OKU tidak mendapat layanan yang saksama seperti individu lain atas alasan ketidakupayaan mereka. Sebagai contoh, seorang OKU tidak mendapat pekerjaan hanya kerana status beliau sebagai OKU walaupun mempunyai kelayakan.
- 

Terdapat juga diskriminasi yang berlaku secara tidak langsung. Ini berlaku apabila sesuatu bentuk perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan tidak boleh diakses oleh golongan OKU. Ini boleh diperhatikan di tempat-tempat awam seperti di bangunan kerajaan, pasar raya, taman permainan, hentian bas dan pelbagai lagi. Selain itu, ramai juga dalam kalangan masyarakat OKU dan warga emas mengalami kesukaran untuk menunaikan ibadah di masjid kerana kemudahan yang disediakan tidak inklusif dan sukar untuk diakses oleh mereka. Semua pihak termasuk jawatankuasa masjid serta masyarakat perlu berusaha dalam menyediakan dan menambah baik kemudahan yang ada di masjid supaya ianya lebih mesra OKU.
- 

Diskriminasi kepada golongan OKU berlaku apabila adanya stigma negatif bahawa OKU tidak mampu untuk menyumbang kepada masyarakat. Stigma negatif ini juga menyebabkan sesetengah pihak mengabaikan – sama ada secara sengaja atau sebaliknya – tidak menyediakan peluang yang sewajarnya kepada mereka. Walhal,



sudah terbukti bahawa OKU juga boleh berjaya seperti orang lain jika diberi peluang. Sebagai contoh, Allahyarham Prof. Datuk Dr. Ismail Md Salleh yang pernah dilantik sebagai senator pertama daripada OKU di Malaysia dan pernah mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa sebagai orang cacat penglihatan pertama di dunia mendapat ijazah Doktor Falsafah. Ini hanyalah salah satu contoh bahawa OKU juga boleh memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negara.



Definisi OKU menurut Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) ialah “... mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.”<sup>69</sup> Terminologi “Kecacatan” dan “Ketidakupayaan” juga perlu dibezakan. Kecacatan lebih bersifat fizikal dan biologi, seperti cacat penglihatan (buta) atau pendengaran (pekak), manakala ketidakupayaan pula meliputi aspek yang lebih luas termasuk kecacatan fizikal, serta halangan sikap dan persekitaran sekeliling yang sekali gus menghalang aktiviti dan penglibatan mereka secara menyeluruh dan bermakna dalam masyarakat.<sup>70</sup>



Di samping itu, terdapat juga golongan yang dikategorikan sebagai OKU sementara khususnya disebabkan oleh kecederaan atau jatuh sakit. Ini termasuklah individu yang terpaksa menggunakan kerusi roda atau tongkat untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain dan juga wanita hamil yang memerlukan kemudahan sokongan seperti *handrail* untuk menaiki tangga.<sup>71</sup>



Islam merupakan sebuah agama yang syumul dan mengajar umatnya untuk melayan setiap manusia dengan penuh kebaikan dan perasaan hormat, termasuklah golongan OKU yang dikategorikan sebagai golongan rentan yang memerlukan bantuan dalam kehidupan seharian. Nabi Muhammad SAW sendiri menunjukkan contoh teladan yang baik bagaimana untuk membantu golongan yang kurang upaya. Ini sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud daripada Jabir bin Abdillah r.a. bermaksud:

<sup>69</sup> Akta Orang Kurang Upaya (2008).

<sup>70</sup> World Report on Disability. (2001)p. 1 – 8.

<sup>71</sup> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Garis Panduan Reka Bentuk Sejahtera (2011). Ms. 1 – 2.

عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ أَنَّ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَهُمْ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَلَّفُ فِي الْمَسِيرِ فَيَرْجِي الضَّعِيفَ وَيُرْدِفُ وَيَدْعُو لَهُمْ.

Maksudnya: “Daripada Abu az-Zubair bahawa Jabir bin Abdullah r.a. telah menceritakan kepada mereka, beliau berkata, ‘Dalam suatu perjalanan kebiasaan Rasulullah SAW selalu menyertai pasukan di belakang rombongan, kerana Baginda akan menuntun orang yang lemah, mengambil dan mengenderai orang yang tertinggal di belakang serta mendoakan untuk mereka.’”

(Riwayat Abu Dawud)<sup>72</sup>



Setiap individu Muslim dianggap sebagai pemimpin dan kita mempunyai tanggungjawab terhadap sesiapa yang berada di bawah kepimpinan kita termasuklah golongan OKU. Ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW,

كُلُّكُمْ رَاعٍ فَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Maksudnya: “Setiap daripada kamu ialah pemimpin dan kamu akan ditanya tentang apa yang kamu pimpin.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)<sup>73</sup>



Islam juga mengajar umatnya untuk saling tolong-menolong ke arah kebaikan. Justeru, sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat, OKU juga perlu dibantu. Sebagaimana firman Allah SWT yang menyatakan:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِسْمِ وَالْعُدْوَانِ  
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٥١﴾

<sup>72</sup> Riwayat Abu Dawud, kitab Jihad, bab Melazimi Pasukan yang Paling Akhir, no. hadith 2639, al-Hakim dalam al-Mustadrak (2541) mensahihkan hadith ini dan disepakati az-Zahabi.

<sup>73</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Pembebasan Hamba, bab Makruh untuk Menghina Hamba dan Kata-katanya: Hamba Lelakiku atau Hamba Perempuan, no. hadith 2554; Sahih Muslim, kitab Pemerintahan, bab Kelebihan Pemimpin yang Adil, Balasan kepada Imam yang Zalim, Saranan agar Berlemah Lembut dengan Rakyat dan Larangan daripada Menyusahkan Mereka, no. hadith 1829 (20).






Maksudnya: ... *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).*

(Surah al-Maa'idah 5: 2)

... إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: "... *Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.*"

(Surah al-A'raaf 7: 56)

-  Golongan OKU juga mempunyai hak untuk menjalani kehidupan yang bermaruah. Namun begitu, terdapat pelbagai halangan dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh golongan OKU dalam menikmati hak asasi yang saksama seperti orang lain. Antara hak-hak OKU yang sering kali diabaikan ialah hak kepada aksesibiliti, pendidikan, pekerjaan dan perumahan. Tidak seharusnya golongan ini diabaikan hanya kerana kekurangan mereka. Satu iktibar yang boleh diambil ialah bagaimana Nabi Muhammad SAW sendiri pernah ditegur oleh Allah SWT mengenai layanan yang diberikan oleh Baginda terhadap seorang sahabat yang buta bernama Abdullah bin Ummi Maktum. Ini merupakan asbab turunnya ayat al-Quran (Surah 'Abasa 1 – 10).
-  Negara kita sebenarnya telah menandatangani Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya dan mempunyai Akta OKU yang digubal pada tahun 2008 bagi memastikan hak OKU sentiasa dilindungi. Tambahan lagi, Artikel 1 Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam menyatakan bahawa, "*Kesemua manusia adalah sama rata dari segi martabat asasi kemanusiaan dan kewajipan-kewajipan serta tanggungjawab-tanggungjawab asas, tanpa sebarang diskriminasi.*"
-  Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan keperluan dan hak OKU sentiasa dihormati dan dilindungi. Para pemimpin terutamanya, perlu memastikan segala polisi dan undang-undang sedia ada berkaitan OKU diperkasa dan ditambah baik dengan mengambil kira aspek remedi dan penguatkuasaan. Ini bagi memastikan semua pihak menyedari tentang kesan yang akan dihadapi jika hak OKU dicabuli.



Selain itu, setiap individu dan masyarakat secara keseluruhannya perlu menyedari tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk membantu golongan ini bagi memastikan mereka tidak terpinggir dan terabai. Golongan OKU perlu dilayan dengan baik oleh semua individu pada setiap peringkat, tidak kiralah sama ada cikgu di sekolah, majikan di pejabat, pekerja swasta serta penjawat awam.



Kesimpulannya, setiap individu perlu menyedari bahawa OKU juga merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat dan mereka berhak untuk menikmati hak asasi seperti orang lain. Hakikatnya, setiap manusia di atas muka bumi ini termasuk kita semua akan melalui fasa ketidakupayaan apabila telah mencapai umur tua yang mana keupayaan fizikal dan mental semakin terbatas. Secara umumnya, sebarang kemajuan dalam aspek melibatkan OKU adalah untuk kebaikan diri kita sendiri pada masa akan datang.





# **CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
MENINGKATKAN  
PERLINDUNGAN HAK  
ORANG KURANG UPAYA**



**DIHASILKAN OLEH:  
SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**



## MENINGKATKAN PERLINDUNGAN HAK ORANG KURANG UPAYA

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٢٠٦﴾

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Kecacatan merupakan dugaan daripada Allah SWT kepada manusia untuk menunjukkan kekuasaan-Nya. Kecacatan yang dijadikan oleh Allah SWT adalah seperti kecacatan anggota badan, akal fikiran dan sebagainya. Disebabkan kecacatan yang dialami oleh golongan orang kurang upaya (OKU), hak asasi OKU mudah dicabuli atau diabaikan oleh masyarakat. Oleh itu, mimbar ini akan membicarakan tajuk “Meningkatkan Perlindungan Hak Orang Kurang Upaya”.

### Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Islam merupakan agama yang membawa konsep *Rahmatan Lil-'Alamin* yang bermaksud rahmat untuk seluruh alam. Islam tidak pernah meminggirkan golongan orang kurang upaya, bahkan Islam meletakkan kemuliaan kedudukan orang kurang upaya yang merupakan golongan istimewa. Sepertimana firman Allah SWT dalam

surah al-Fath, ayat 17:

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرْجٌ  
وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا  
الْأَنْهَارُ وَمِنْ سَوَاءٍ يَعْزِبُهَا عَذَابُ الْيَمِينِ ۗ

Maksudnya: “Tidaklah menjadi salah kepada orang buta, dan tidaklah menjadi salah kepada orang tempang, dan tidaklah menjadi salah kepada orang sakit (tidak turut berperang, kerana masing-masing ada uzurnya). Dan (ingatlah), sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, akan dimasukkan-Nya ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dan sesiapa yang berpaling ingkar, akan diseksa-Nya dengan azab yang tidak terperi sakitnya.”

(Surah al-Fath 48: 17)

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Setiap tahun kita membicarakan topik berkaitan orang kurang upaya. Ini menunjukkan bahawa golongan OKU masih belum mendapat tempat yang sepatutnya seperti penyertaan dan penglibatan OKU dalam pelbagai aspek. Apa yang menyedihkan masih banyak perspektif negatif terhadap keupayaan golongan OKU sehingga berlakunya diskriminasi terhadap mereka, antaranya pekerjaan, pendidikan dan persekitaran yang mesra OKU untuk mereka menjalani kehidupan normal seperti orang lain.

Berdasarkan statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, bilangan OKU yang berdaftar adalah sebanyak 542,918 orang yang mana bilangan OKU fizikal adalah yang paling ramai, iaitu sebanyak 201,133 orang, diikuti dengan OKU masalah pembelajaran sebanyak 181,705 orang. Namun begitu, statistik ini belum menyeluruh memandangkan masih ada orang kurang upaya yang belum mendaftar dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.



### Sidang hadirin yang dirahmati Allah,

Kurang upaya bukan sahaja dilihat dari segi kesan kecacatan fizikal atau bukan fizikal, sebaliknya ia juga berpunca daripada sikap dan persekitaran yang menghalang penyertaan penuh dan efektif golongan OKU secara saksama dalam kalangan masyarakat. Walhal, kebebasan hidup setiap individu telah dijamin oleh Allah SWT seperti kebebasan berfikir, bersuara, bercakap dan sebagainya. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-An‘aam, ayat 165:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ  
 دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ  
 لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

Maksudnya: “Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah al-An‘aam 6: 165)

Ayat ini menjelaskan bahawa manusia yang hidup di muka bumi ini tidak mempunyai darjat yang berbeza dan setiap yang berlaku pada manusia merupakan satu ujian untuk menguji tahap keimanan kepada-Nya.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kita lihat hak asasi golongan OKU di negara kita masih pada tahap yang sederhana, yang mana golongan OKU masih belum dapat menikmati kehidupan yang sempurna seperti orang lain. Beberapa aspek hak asasi OKU masih perlu dipertingkatkan, antaranya kemudahan dan persekitaran mesra OKU, hak pekerjaan dan penyertaan OKU dalam membuat keputusan.



Walaupun di negara kita terdapat undang-undang memperkasa golongan OKU, namun pelaksanaan undang-undang tersebut masih lemah kerana kurangnya aspek penguatkuasaan. Sebagai contoh, setiap bangunan awam perlu menyediakan kemudahan bagi golongan OKU untuk bergerak masuk, keluar dan berada di dalam bangunan. Kemudahan tersebut perlulah mengikut spesifikasi reka bentuk sejagat, yang mana OKU mudah mengakses kemudahan tersebut tanpa berlakunya sebarang kecelakaan. Hal ini telah termaktub dalam Seksyen 26 (2), Akta OKU 2008 yang menjelaskan bahawa kerajaan dan penyedia kemudahan, perkhidmatan dan kemudahan awam harus memastikan kemudahan tersebut menepati reka bentuk sejagat bagi memudahkan akses OKU.

Kedua, hak pekerjaan kepada golongan OKU perlu dipertingkatkan dengan tidak mendiskriminasi terhadap pekerjaan yang mereka inginkan. Terdapat majikan tidak mahu mengambil golongan OKU untuk bekerja atas alasan mereka tidak produktif, kesukaran OKU untuk berkomunikasi, pergerakan OKU yang terbatas dan sebagainya. Alasan ini tidak boleh digunakan oleh pihak majikan kerana OKU juga mempunyai hak yang saksama sama seperti orang sempurna upaya.

Golongan OKU juga mempunyai hak untuk membuat keputusan dan memberikan pandangan. Sebagai contoh, sebelum kemudahan OKU dibina, penglibatan OKU dalam pelan mereka bentuk sesuatu kemudahan amat perlu kerana kemudahan tersebut digunakan oleh mereka. Penglibatan dan pandangan golongan OKU amat penting kerana ia menunjukkan hak yang adil dan saksama.

### **Hadirin yang dirahmati Allah,**

Kesimpulannya, golongan OKU sama seperti insan yang lain dan berhak untuk mendapatkan hak yang saksama. Ketidakupayaan mereka tidak harus dijadikan alasan untuk menyisihkan mereka. Walaupun mereka tidak sempurna, tetapi mereka berhak untuk hidup sama seperti orang lain dengan memastikan adanya penguatkuasaan undang-undang, infrastruktur dan kemudahan yang menepati keperluan golongan OKU.

Justeru, mengakhiri khutbah pada kali ini, mimbar ingin menyeru kepada semua jemaah sekalian agar sentiasa bertanggungjawab dan membantu golongan OKU. Kita perlu mengamalkan sikap prihatin terhadap mereka supaya hak-hak mereka terpelihara. Sama-sama kita gunakan kelebihan yang kita miliki untuk membantu dan memelihara hak-hak mereka sebagai tanda syukur kepada Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
MALAYSIA HARMONI**



**DIBACA OLEH:  
JABATAN AGAMA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PADA:  
7 DISEMBER 2018**



## MALAYSIA HARMONI

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
7 DISEMBER 2018 M/ 29 RABIULAWAL 1440 H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ  
مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ  
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٦٦﴾

### Kaum Muslimin yang berbahagia,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Laksanakan segala perintah-Nya dan tinggalkan segala tegahan-Nya di samping menjaga hubungan sesama manusia. Semoga mendapat keredhaan Allah SWT di akhirat kelak. Marilah kita memberi tumpuan sepenuhnya pada khutbah hari ini yang bertajuk “Malaysia Harmoni”.



### Sidang jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Penubuhan sesebuah *daulah* atau negara adalah untuk menguruskan kehidupan dan menjaga keselamatan rakyatnya. Rakyat yang bersatu padu dan patuh kepada undang-undang serta mengamalkan prinsip saling hormat-menghormati akan mewujudkan keharmonian dalam negara.

Malaysia sebagai negara yang berbilang kaum, agama, budaya dan politik, pastinya menghadapi cabaran dalam mengekalkan kestabilan dan keharmonian. Lantaran itu, gagasan *Rahmatan Lil-'Alamin* sentiasa menekankan aspek perpaduan rakyat yang pelbagai kaum melalui pemantapan ilmu berkaitan *fiqh* setempat.

### Sidang jemaah yang berbahagia,

Perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama dilihat semakin renggang, rapuh dan boleh menjadi ancaman besar kepada keharmonian serta kesejahteraan negara. Negara yang bergolak dan tidak stabil akan mendatangkan keburukan dan kemudaratan. Justeru, menolak kemudaratan itu merupakan suatu kewajipan dalam Islam sepertimana hadith Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah daripada Ibnu Abbas r.a., Rasulullah SAW bersabda,

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ.

Maksudnya: “Tidak boleh berbuat mudarat dan hal yang menimbulkan mudarat.”

(Riwayat Ibnu Majah)<sup>74</sup>

Justeru, prinsip ilmu *fiqh* setempat yang meletakkan sesuatu hukum berdasarkan *waqi'* atau keadaan semasa amatlah penting dan utama. Perubahan dan perbezaan keadaan akan menghasilkan perbezaan fatwa dan pandangan. Inilah ciri syariat Islam yang objektif, realistik dan dinamik serta sentiasa menitikberatkan maslahat umat.

Kefahaman ini juga tampil dengan sifat kesederhanaan dan keadilan berdasarkan realiti kehidupan manusia sejagat. Kesederhanaan bermaksud kita menolak ketaasuban dalam beragama, bermazhab dan berpolitik. Keadilan pula bererti pemerintah

<sup>74</sup> Riwayat Ibnu Majah, kitab Hukum-hukum, bab Seorang yang Membina Bangunan di Atas Tanah Miliknya tetapi Mendatangkan Mudarat kepada Jirannya, no. hadith 2340, berkata an-Nawawi dalam al-Arbain (32), hadith hasan.

melaksanakan tanggungjawab dan menyempurnakan hak rakyat. Setiap rakyat juga mempunyai tanggungjawab dan peranan yang sama kepada negara dengan memelihara dan mempertahankan perlembagaan.

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah SWT,**

Dalam usaha membentuk negara Malaysia yang harmoni, kerangka pemikiran dalam ilmu fiqh khususnya pada perkara yang bersifat kontemporari perlu diperluaskan. Ijtihad para ulama dan fatwa para mufti mestilah seiring budaya dan amalan setempat seterusnya diletakkan pada landasan yang betul mengikut *maqasid asy-Syariah*. Para agamawan tidak boleh sewenang-wenangnya menyebarkan fatwa dari negara dan budaya lain untuk diterapkan dalam kerangka tempatan kerana ia boleh menyebabkan salah faham dalam masyarakat. Antara ciri manhaj *fiqh* setempat yang wajar dilaksanakan mestilah sentiasa dinamik dan terkini, tidak kaku membeku sesuai dengan peredaran zaman dan kemaslahatan rakyat Malaysia.

### **Kaum Muslimin yang berbahagia,**

Bagi memastikan pelaksanaan perubahan gagasan ini berjalan lancar dan berpadu ke arah Malaysia yang lebih harmoni, elemen kefahaman, kesedaran serta kebijaksanaan semua pihak terhadap konsep perubahan yang dibawa amat penting. Gandingan mantap antara ulama dan pemerintah perlu seiring dalam mencerna kesepaduan ilmu. Ulama sebagai tempat rujukan rakyat, sementara pemerintah pula mampu mengendalikan urusan rakyat secara cekap, amanah dan berhemah.

Bagi rakyat, minda mereka mestilah betul-betul bersedia untuk menerima perubahan itu. Kejayaan sebenar tidak akan dicapai jika pemerintah dan rakyat masih gagal memahami konsep perubahan itu sendiri. Bagi mencapai keseimbangan, para ulama mestilah menjiwai Perlembagaan Persekutuan, sistem Raja Berperlembagaan, proses demokrasi berparlimen dan kepelbagaian kebudayaan yang membentuk Malaysia hari ini. Antaranya saling menghormati hak dan kebebasan mengamalkan ajaran agama, kesedaran tentang kepercayaan orang lain, tiada keganasan, toleransi beragama dan lain-lain yang berkaitan.

Terdapat tiga elemen utama dalam konteks negara Malaysia, iaitu Islam, nilai kebersamaan dan sistem bernegara yang berupaya melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni. Asasnya ialah ia mestilah kembali kepada kefahaman terhadap nilai agama dan bangsa yang boleh dicapai melalui pengetahuan tentang hak dan tanggungjawab sebagai seorang warganegara, disiplin dan beretika dalam menghayati nilai kebersamaan dan contoh teladan kepimpinan serta pematuhan kepada sistem negara bangsa berasaskan perpaduan nasional.

Sesungguhnya, menangani kepelbagaian memerlukan sikap keterbukaan yang berprinsip antara semua pihak, sama ada sebagai pemimpin, ulama, bahkan masyarakat awam di negara ini menyantuni mereka yang bukan Muslim tidak bermaksud mengiktiraf semua perlakuan yang salah, tetapi berusaha untuk membetulkan dan memperbaikinya mengikut lunas-lunas syariah.

Oleh itu, untuk memberikan sesuatu yang bermanfaat kepada negara, pentadbiran Islam itu mestilah bersifat berdaya saing dan tidak diperlekehkan oleh rakyatnya sendiri. Semuanya boleh dicapai sekiranya kita betul-betul memahami konsep *Maqasid asy-Syariah*.

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah SWT,**

Islam sememangnya sentiasa memelihara hak-hak asasi semua manusia. Dalam hal ini, mimbar mengambil kesempatan sempena dengan Hari Orang Kurang Upaya Sedunia untuk mengingatkan para jemaah sekalian, sama-samalah kita melakukan perubahan terutama dalam aspek memantapkan kemudahan orang kurang upaya di negara ini. Ini termasuklah kemudahan-kemudahan yang sepatutnya di tempat-tempat awam dan rumah ibadat. Mimbar sangat mengambil berat berkaitan kemudahan ibadah untuk mereka di masjid dan surau supaya lebih inklusif dan mesra OKU.

Golongan orang kurang upaya sangat memerlukan bantuan dalam urusan kehidupan mereka sehari-harian. Mereka berhak untuk dilayan dengan baik dan dihormati. Inilah ajaran Islam. Rasulullah SAW pernah memberi teladan yang baik bagaimana membantu golongan ini sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud r.h. daripada Jabir bin ‘Abdillah r.a.,






عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ أَنَّ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَهُمْ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَلَّفُ فِي الْمَسِيرِ فَيَزِيحُ الضَّعِيفَ وَيُرْدِفُ وَيَدْعُو لَهُمْ

Maksudnya: *Daripada Abu az-Zubair bahawa Jabir bin 'Abdullah r.a. telah menceritakan kepada mereka, beliau berkata, "Dalam suatu perjalanan kebiasaan Rasulullah SAW selalu menyertai pasukan di belakang rombongan, kerana Baginda akan menuntun orang yang lemah, mengambil dan mengenderai orang yang tertinggal di belakang serta mendoakan untuk mereka."*

(Riwayat Abu Dawud)<sup>75</sup>

### Kaum Muslimin yang berbahagia,

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah pada hari ini ialah:

-  **Pertama:** Fahami konsep *fiqh* setempat dalam berinteraksi dengan *non-Muslim* secara lebih toleransi, realistik dan santun berdasarkan kerangka agama.
-  **Kedua:** Melalui konsep *fiqh* setempat ini syariat Islam dapat dilaksanakan dengan lebih mudah serta keadilan dan kecantikan Islam dapat ditonjolkan.
-  **Ketiga:** Memahami *waqi'* atau realiti suasana setempat adalah sangat penting dalam menentukan hukum Islam yang bersifat realistik dan sesuai dengan semua tempat dan masa.

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 6:

وَأِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ  
كَلِمَةَ اللَّهِ ثُمَّ ابْتَغِ لَهُ مَا مَنَّهُ وَذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا  
يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: *Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-*

<sup>75</sup> Riwayat Abu Dawud, kitab Jihad, bab Melazimi Pasukan yang Paling Akhir, no. hadith 2639, al-Hakim dalam al-Mustadrak (2541) mensahihkan hadith ini dan disepakati az-Zahabi.



*keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarlah dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
MENYANTUNI ORANG  
KURANG UPAYA**



**DIBACA OLEH:  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
ISLAM NEGERI SEMBILAN**

**PADA:  
7 DISEMBER 2018**





## MENYANTUNI ORANG KURANG UPAYA

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN  
7 DISEMBER 2018 M/29 RABIUALAWAL 1440 H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ  
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ!

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ۝

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Bertakwalah kepada Allah dengan melakukan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Kehidupan yang kita nikmati selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah, memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Allah SWT serta mengeratkan hubungan kita sesama manusia. Mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan mereka yang memperoleh keredhaan Allah SWT, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا...

Maksudnya: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai;...*

(Surah Ali 'Imran 3: 103)

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk, “Menyantuni Orang Kurang Upaya”.

### **Sidang Jumaat yang dimuliakan,**

Kehidupan di dunia ini telah ditentukan Allah SWT sejak azali lagi. Setiap kelahiran sehinggalah kepada kematian adalah atas kehendak Allah SWT yang mencorakkannya. Tidak semua daripada kita dilahirkan menjadi insan yang sempurna segala-galanya. Bagi orang kurang upaya, keberadaan mereka di dunia ini bukan sahaja menjadi ujian kepada ahli keluarga, tetapi juga adalah ujian Allah SWT terhadap kita. Mereka adalah sebahagian daripada masyarakat yang perlu dilayani dan diberi hak yang sama dalam segala urusan, sama ada urusan agama, pendidikan, ekonomi dan sebagainya.

Menurut Akta Orang Kurang Upaya 2008, mendefinisikan OKU sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Kecacatan dan ketidakupayaan juga adalah sesuatu yang berbeza. Kecacatan lebih bersifat fizikal dan biologi seperti buta atau pekak, manakala ketidakupayaan pula meliputi aspek luas termasuk kecacatan fizikal serta halangan sikap dan persekitaran sekeliling yang menghalang penglibatan mereka secara menyeluruh.

Ada juga golongan kurang upaya yang dikategorikan sebagai OKU sementara, iaitu disebabkan kecederaan atau jatuh sakit. Mereka ialah individu yang terpaksa menggunakan kerusi roda atau tongkat untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain dan wanita hamil yang memerlukan kemudahan sokongan untuk menaiki tangga.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Bagi menjalani kehidupan di dunia ini, orang kurang upaya sering menghadapi dilema apabila ada pihak tidak memahami situasi yang mereka hadapi. Hal ini bukanlah perkara baharu dalam kehidupan mereka, tetapi disebabkan perkara inilah yang menjadikan orang kurang upaya semakin tersisih daripada masyarakat.

Islam ialah agama sempurna yang mengajar umatnya bersikap adil terhadap semua, melayani setiap manusia dengan kebaikan, tidak menyulitkan urusan orang lain, saling tolong-menolong dan saling hormat-menghormati. Malah, Islam sama sekali tidak bersetuju jika ada golongan yang dinafikan haknya, ditindas dan tidak diambil peduli. Allah SWT berfirman dalam surah al-Maa'idah ayat 2:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ  
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝٢

Maksudnya: ... Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).

(Surah al-Maa'idah 5: 2)

### Sidang Jumaat yang berbahagia,

Mentaliti segelintir masyarakat menganggap orang kurang upaya sebagai bebanan. Pelbagai halangan dan cabaran terpaksa dihadapi oleh golongan ini untuk menikmati hak asasi yang saksama seperti orang lain. Antara hak yang diabaikan ialah hak pendidikan, pekerjaan dan infrastruktur dan kemudahan di tempat awam seperti di pasar raya, taman permainan, masjid dan sebagainya yang masih lagi kurang mesra OKU. Cabaran ini menyebabkan keterbatasan mereka dalam melakukan aktiviti harian dan bersosial.

Umat Islam yang beriman perlu melihat golongan ini dalam konteks yang positif. Jika kita menghulurkan bantuan dan memudahkan urusan mereka, Insya-Allah balasan pahala yang akan kita terima. Rasulullah SAW bersabda:



اللَّهُمَّ مَنْ وَلِيَ مِنْ أُمَّتِي شَيْئًا فَشَقَّ عَلَيْهِمْ فَاشُقُّ عَلَيْهِ وَمَنْ وَلِيَ مِنْ أُمَّرِ  
أُمَّتِي شَيْئًا فَارْفُقْ بِهِمْ فَارْفُقْ بِهِ.

Maksudnya: “Ya Allah, sesiapa sahaja yang mengurus urusan dari umatku, lalu dia menyusahkan umatku, maka susahkanlah dia. Dan sesiapa sahaja yang mengurus urusan dari umatku, lalu mereka mempermudah mereka, maka permudahkanlah dia.”

(Riwayat Muslim)<sup>76</sup>

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Semua pihak perlu memainkan peranan bagi memastikan segala keperluan serta hak golongan orang kurang upaya ini sentiasa dihormati dan dilindungi. Segala perkara berkaitan polisi dan undang-undang yang melibatkan orang kurang upaya diperkasa dan ditambah baik dengan mengambil kira aspek penyelesaian masalah dan penguatkuasaan. Ini bagi memastikan semua pihak menyedari kesan yang akan dihadapi jika hak OKU dicabuli.

Selain itu, individu dan masyarakat perlu menyedari peranan dan tanggungjawab untuk membantu golongan orang kurang upaya bagi memastikan mereka tidak terpinggir dan terabai. Mereka perlu disantuni dan dilayan dengan baik, sama ada di sekolah, di pejabat, di tempat awam dan sebagainya. Mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat dan berhak menikmati hak asasi seperti orang lain.

Umat Islam yang beriman perlu memupuk rasa syukur atas nikmat kehidupan yang telah dikurniakan Allah. Rasa syukur akan menjadikan kita lebih tawaduk dan tidak berasa megah dengan apa yang kita ada. Nikmat Allah SWT tidak selamanya kekal untuk kita, bayangkan jika nikmat itu ditarik kembali, apakah perasaan kita? Jangan lupa, nikmat Allah SWT juga adalah ujian kepada kita hamba-Nya.

Hakikatnya, setiap daripada kita akan melalui fasa ketidakupayaan apabila kita mencapai usia tua. Ketidakupayaan dari segi fizikal dan mental kita semakin terbatas. Justeru, kelebihan yang ada pada kita sekarang perlu disyukuri dengan membantu kekurangan orang lain.

<sup>76</sup> Riwayat Muslim, kitab Kepimpinan, bab Keutamaan Imam yang Adil, no. hadith 1828.



Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 7:





وَإِذْ نَادَى رَبُّكُمْ لَيْنَ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.”*

(Surah Ibrahim 14: 7)

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, dapatlah disimpulkan bahawa:

-  Golongan orang kurang upaya ialah hamba Allah SWT yang perlu disantuni dan diberi hak yang sama dalam segala urusan.
-  Islam ialah agama sempurna yang mengajar umatnya bersikap adil terhadap semua, melayani setiap manusia dengan kebaikan, tidak menyulitkan urusan orang lain, saling tolong-menolong dan saling hormat-menghormati.
-  Semua pihak perlu memainkan peranan bagi memastikan segala keperluan serta hak golongan orang kurang upaya ini sentiasa dihormati dan dilindungi.
-  Umat Islam yang beriman perlu memupuk rasa syukur atas nikmat kehidupan yang telah dikurniakan Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah ‘Abasa ayat 1 – 12:

عَبَسَ وَتَوَلَّى ﴿١﴾ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى ﴿٢﴾ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَكِي ﴿٣﴾  
 أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ الذِّكْرَى ﴿٤﴾ أَمَّا مَنِ اسْتَغْنَى ﴿٥﴾ فَأَنْتَ لَهُ تَصَدَّى ﴿٦﴾  
 وَمَا عَلَيْكَ الْإِيزَكِي ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنْ جَاءَكَ يَسْعَى ﴿٨﴾ وَهُوَ يَخْشَى ﴿٩﴾  
 فَأَنْتَ عَنْهُ تَلَهَّى ﴿١٠﴾ كَلَّا إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ ﴿١١﴾ فَمَنْ شَاءَ ذَكَّرْهُ ﴿١٢﴾

Maksudnya: *Ia memasamkan muka dan berpaling. Kerana ia didatangi orang buta. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya, wahai Muhammad)? Barangkali ia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu)! – Ataupun ia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya. Adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran al-Quran), maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya. Padahal engkau tidak bersalah kalau ia tidak mahu membersihkan dirinya (dari keingkarannya). Adapun orang yang segera datang kepadamu, dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah), – Maka engkau berlengah-lengah melayaninya. Janganlah melakukan lagi yang sedemikian itu! Sebenarnya ayat-ayat al-Quran adalah pengajaran dan peringatan (yang mencukupi). Maka sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya, dapatlah ia mengambil peringatan daripadanya.*

(Surah 'Abasa 80: 1 – 12)

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ  
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١٢﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ  
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.







# KEADILAN SOSIAL



# TEKS KHUTBAH JUMAAT

**SUHAKAM**

**Islam Menegakkan Keadilan Sosial**

**JHEAINS (Negeri Sembilan)**

**Islam Menjamin Keadilan Sosial**

**JAWI**

**Islam Menegakkan Keadilan Sosial**









# **CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
ISLAM MENEGAKKAN  
KEADILAN SOSIAL**



**DIHASILKAN OLEH:  
SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**



## ISLAM MENEGAKKAN KEADILAN SOSIAL

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
 قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٨﴾

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Tajuk khutbah pada hari ini ialah “Islam Menegakkan Keadilan Sosial”.

Konsep keadilan dalam Islam mempunyai pengertian yang luas dan mendalam. Islam mewajibkan umatnya bersikap adil dalam semua keadaan tidak mengira warna kulit, warganegara, status atau kepercayaan. Ajaran Islam menunjukkan bahawa keadilan dalam Islam bukanlah satu teori, tetapi ia adalah satu perintah Allah SWT yang terkandung dalam firman-Nya, surah al-Maa'idah ayat 8:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ  
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَا نُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ  
أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا  
تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*

(Surah al-Maa'idah 5: 8)

Penekanan Islam terhadap konsep keadilan dapat dilihat menerusi ayat-ayat al-Quran dan hadith yang menerangkan tentang sifat adil dan perkara-perkara yang berhubung dengannya. Membudayakan konsep keadilan dalam kehidupan ada dinyatakan dalam beberapa surah al-Quran, antaranya surah an-Nahl, ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.*

(Surah an-Nahl 16: 90)



### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Masyarakat majmuk di Malaysia terdiri daripada pelbagai agama dan kepercayaan, kaum dan budaya. Masyarakat majmuk pada masa kini adalah hasil daripada perjalanan sejarah yang panjang khususnya pasca penjajahan kolonial Inggeris. Pendekatan konsep “pecah dan perintah” yang diamalkan sejak zaman penjajahan telah mewujudkan jurang hubungan kaum dari sudut ekonomi dan hidup dalam keterasingan sosial dan budaya. Pendekatan ini menyebabkan penglibatan sosioekonomi yang tidak seimbang dan wujud ketidakadilan sosial dalam masyarakat.

Keadilan meliputi semua aspek kehidupan dalam ruang lingkup bermasyarakat. Sejarah dahulu mengajar masyarakat dunia untuk memperbetulkan posisi kehidupan di tempatnya supaya hak masyarakat dapat dicapai dan tanggungjawab terlaksana. Jika dilihat kembali sejarah dahulu, kejatuhan zaman kegemilangan Dinasti Han dalam tamadun China pada abad 221 Masihi adalah disebabkan berlakunya ketidakadilan dalam sosioekonominya.

Menurut Sayyid Qutb, seorang Sarjana Mesir dalam bukunya yang bertajuk “*al-Adalah al-Ijtima’iyya fi al-Islam*” (Keadilan Sosial dalam Islam) menjelaskan bahawa “Islam ialah agama keadilan dan perpaduan. Manusia bersatu padu tanpa mengira perbezaan warna, bangsa dan kelas, beriman kepada Tuhan yang satu. Ini bererti bahawa perpaduan, cinta, kerjasama dan persefahaman antara manusia berdasarkan iman kepada Tuhan adalah apa yang dicari oleh Islam melalui ajarannya”.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Sejarah telah membuktikan bahawa pada zaman pemerintahan Islam di Madinah serta zaman para sahabat, keadilan telah diberikan kepada semua rakyat tanpa mengira perbezaan agama, bangsa dan budaya. Sebagai contoh, Nabi Muhammad SAW telah membentuk Piagam Madinah untuk menjadi pedoman sebuah negara berdaulat setelah berjaya mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar. Piagam ini juga mewujudkan keadilan dan persamaan terhadap masyarakat Madinah.

Keadilan sosial dituntut ke atas umat Islam supaya melakukannya kepada semua individu dalam masyarakat tanpa mengira kaum, agama dan budaya. Setiap anggota masyarakat hendaklah mendapatkan keperluan asas mereka seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, peluang pelajaran dan pekerjaan. Hak ini dimiliki setiap orang tanpa sebarang diskriminasi. Hal ini dijelaskan dalam Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan melarang diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina.



Keadilan sosial adalah satu aspek dalam hak asasi manusia. Sepertimana yang dijelaskan dalam Artikel 2 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Artikel 1 Pengisytiharan Kaheerah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam menerangkan setiap orang adalah berhak kepada semua hak dan kebebasan tanpa sebarang apa jua perbezaan, sama rata dari segi martabat asasi kemanusiaan dan tanpa sebarang diskriminasi atas dasar kepercayaan agama, bangsa, keturunan, bahasa, warna kulit, fahaman politik atau taraf-taraf lain.

### **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Bagaimana hak asasi manusia dalam keadilan sosial dapat dicapai?



**Pertama:** Mempromosi hak kesaksamaan.

Hak asasi manusia dan keadilan sosial mempunyai matlamat yang sama, iaitu hak asasi untuk semua. Isu-isu keadilan sosial sukar dicapai seperti kemiskinan, pengecualian dan diskriminasi adalah bertentangan langsung dengan hak asasi manusia dan berlaku kepada semua individu secara tidak sengaja.



**Kedua:** Mengiktiraf hak ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Hak ini merupakan sebahagian daripada hak asasi manusia sesuatu yang sangat penting dan signifikan kepada semua. Hak asasi ini mengiktiraf dan memperakui setiap lapisan warganegara dan masyarakat untuk mendapat hak ekonomi, sosial dan kebudayaan secara sama rata dan adil tidak mengira bangsa, status, agama mahupun idealisme.



**Ketiga:** Tanggungjawab pemimpin.

Pemimpin harus memastikan hak setiap golongan harus dinikmati sama rata dan tidak didiskriminasi. Pemimpin hendaklah berlaku adil dan amanah dalam urusan tadbir urus. Ini dapat memastikan sumber kekayaan negara dapat dinikmati bersama dan tiada sebarang unsur diskriminasi.

Kesimpulannya, umat Islam hari ini harus saling hormat-menghormati dan mewujudkan perhubungan yang baik antara sesama anggota masyarakat. Nilai kasih sayang, bantu-membantu dan silaturahim adalah asas penting dalam keadilan sosial. Perhubungan yang baik antara individu dalam masyarakat, menekankan kemesraan dan berbaik sangka serta sedia membantu dalam kalangan anggota masyarakat adalah dituntut dalam Islam.

قَالَ وَالْقُرْآنَ الْمَجِيدَ ﴿١٠٠﴾ بَلْ عَجِبُوا أَنْ جَاءَهُمْ مُنذِرٌ مِنْهُمْ  
فَقَالَ الْكٰفِرُونَ هَذَا شَيْءٌ عَجِيبٌ ﴿١٠١﴾ لَوْ دَامَتْ سَاوِكَاتُ رَبِّكَ  
رَجَعُ بَعِيدٌ ﴿١٠٢﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



# TEKS KHUTBAH JUMAAT

TAJUK:  
**ISLAM MENJAMIN  
KEADILAN SOSIAL**



DIBACA OLEH:  
**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
ISLAM NEGERI SEMBILAN**

PADA:  
**9 OGOS 2019**



## ISLAM MENJAMIN KEADILAN SOSIAL

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN  
9 OGOS 2019 M/8 ZULHIJAH 1440 H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ﴾

(Surah an-Nahl 16: 90)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،

اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala tegahan-Nya agar kita beroleh kemenangan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.



Nikmat Islam yang kita kecapai selama ini seharusnya disyukuri dengan meningkatkan amal ibadah bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Maha Pencipta lagi Maha Berkuasa serta mengeratkan hubungan kita sesama manusia.

Firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran, ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ...

Maksudnya: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; ...*

(Surah Ali ‘Imran 3: 103)

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk, “Islam Menjamin Keadilan Sosial”.

### **Sidang Jumaat yang dimulihkan,**

Keadilan ialah prinsip yang dijunjung tinggi oleh Islam. Adil juga merupakan salah satu daripada nama-nama Allah SWT. Keadilan dalam Islam meliputi semua aspek termasuklah kehidupan bermasyarakat. Keadilan dalam bermasyarakat atau dikenali sebagai keadilan sosial perlu diambil berat oleh umat Islam. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nahl, ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.*

(Surah an-Nahl 16: 90)

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Islam telah lama menganjurkan konsep keadilan sosial. Hal ini dapat dilihat melalui penggubalan Piagam Madinah yang menjadi kontrak sosial antara masyarakat di kota Madinah. Setiap anggota masyarakat yang berbilang kaum diberi hak untuk mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing serta ditegah melakukan kezaliman antara satu sama lain.

Dalam khutbah terakhir Rasulullah SAW, Baginda menegaskan betapa pentingnya menegakkan keadilan sosial untuk seluruh umat manusia. Antara petikan khutbah adalah seperti berikut:

*“Wahai manusia, sepertimana kamu menganggap bulan ini dan kota ini sebagai suci, maka anggaplah jiwa dan harta setiap Muslim sebagai amanah suci. Kembalikan harta yang diamanahkan kepada kamu, kepada pemiliknya yang berhak. Jangan kamu sakiti sesiapa pun agar orang lain tidak menyakiti kamu lagi. Ingatlah bahawa sesungguhnya kamu akan menemui Tuhan kamu dan Dia pasti membuat perhitungan di atas segala amalan kamu.”*

### Sidang Jumaat yang berbahagia,

Keadilan sosial antara perkara asas penting yang diperlukan oleh semua golongan manusia untuk menjalani kehidupan seharian. Hak untuk hidup sempurna adalah hak setiap insan yang bernyawa dan tidak boleh dicabuli. Allah SWT berfirman dalam surah al-Maa'idah, ayat 8:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ  
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ۙ أَلَّا تَعْدِلُوا ۗ اعْدِلُوا هُوَ  
أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا  
تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu*

*terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*

(Surah al-Maa'idah 5: 8)




Dalam dunia moden hari ini, masih terdapat golongan yang didiskriminasi dan ditindas. Hal ini dapat dilihat menerusi siri peperangan, pengusiran, pembunuhan, perampasan wilayah yang berlarutan sejak sekian lama. Kesannya, negara mengalami kerosakan yang dahsyat, penduduknya hilang tempat berlindung dan ekonominya musnah.

Perkara yang disebutkan tadi ialah gambaran betapa mahalnya nilai keamanan dan keadilan sosial kepada umat manusia. Kita amat bertuah menjadi warganegara di tanah air yang aman sentosa ini. Walau bagaimanapun, kita harus berwaspada dan mengambil teladan daripada situasi berkenaan agar bencana sedemikian tidak berlaku di negara yang kita cintai ini.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Prinsip keadilan sosial telah lama ditegakkan dalam usaha mewujudkan suasana yang aman dan harmoni sebagai nilai asas kepada kehidupan yang sejahtera. Antara perkara yang perlu diamalkan ialah bertoleransi, berlaku adil dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira kepercayaan, agama serta fahaman politik.

Mengakhiri khutbah, antara kesimpulan yang dapat diambil ialah:

-  Keadilan ialah prinsip yang dijunjung tinggi oleh Islam.
-  Keadilan sosial antara perkara asas penting yang diperlukan oleh semua golongan manusia untuk menjalani kehidupan seharian.
-  Perkara yang perlu diamalkan ialah bertoleransi, berlaku adil dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira kepercayaan, agama serta fahaman politik.



Allah SWT berfirman dalam surah al-A'raaf, ayat 29:

قُلْ أَمَرَ رَبِّي بِالْقِسْطِ وَأَقِيمُوا وُجُوهَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ  
وَادْعُوا مَخْلِصِينَ لَهُ الذِّكْرَ كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: *Katakanlah: “TuhanKu menyuruh berlaku adil (pada segala perkara), dan (menyuruh supaya kamu) hadapkan muka (dan hati) kamu (kepada Allah) dengan betul pada tiap-tiap kali mengerjakan sembahyang, dan beribadatlah dengan mengikhlaskan amal agama kamu kepada-Nya semata-mata; (kerana) sebagaimana Ia telah menjadikan kamu pada mulanya, (demikian pula) kamu akan kembali (kepada-Nya).*

(Surah al-A'raaf: 29)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ  
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.





**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
ISLAM MENEGAKKAN  
KEADILAN SOSIAL**



**DIBACA OLEH:  
JABATAN AGAMA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PADA:  
16 OGOS 2019**



## ISLAM MENEGAKKAN KEADILAN SOSIAL

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
16 OGOS 2019 M/15 ZULHIJAH 1440 H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ  
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَا نُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ  
أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا  
تَعْمَلُونَ ﴿٥٧﴾

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah SWT,**

Bertakwa kepada Allah SWT adalah tuntutan yang tertinggi dalam Islam. Justeru pada hari yang mulia ini, khatib menyeru kepada seluruh kaum Muslimin supaya kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah di dunia dan di akhirat kelak.

Mewujudkan masyarakat yang adil dalam segenap aspek adalah impian setiap pihak. Ia merupakan suatu fitrah manusia yang tidak suka dizalimi dan dianiaya. Justeru, tajuk khutbah pada hari ini ialah, “Islam Menegakkan Keadilan Sosial”.

### Sidang jemaah yang berbahagia,

Konsep keadilan dalam Islam mempunyai pengertian yang luas dan mendalam. Islam mewajibkan umatnya bersikap adil dalam semua keadaan tidak mengira warna kulit, warganegara, status atau kepercayaan. Ajaran Islam menunjukkan bahawa keadilan dalam Islam bukanlah suatu teori, tetapi ia adalah suatu perintah Allah SWT. Demikianlah Allah SWT telah berfirman menerusi surah al-Maa'idah, ayat 8:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ  
وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ  
أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا  
تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*

(Surah al-Maa'idah 5: 8)

Menerusi ayat tersebut, dapat dilihat dengan jelas bahawa Islam sangat memberikan penekanan terhadap konsep keadilan dan penerangan tentang sifat adil serta perkara-perkara yang berhubung dengannya dalam kehidupan bermasyarakat. Sejarah dahulu telah mengajar masyarakat dunia untuk membetulkan posisi kehidupan di tempatnya supaya hak masyarakat dapat dicapai dan tanggungjawab terlaksana.



### Sidang jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Menurut Sayyid Qutb, *“Islam adalah agama keadilan dan perpaduan. Manusia bersatu tanpa mengira perbezaan warna, bangsa dan kelas, beriman kepada Tuhan yang satu. Ini bererti bahawa perpaduan, cinta, kerjasama dan persefahaman antara manusia berdasarkan iman kepada Tuhan adalah apa yang dicari oleh Islam melalui ajarannya.”*

Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk dengan pelbagai agama, kepercayaan, kaum dan budaya. Ini adalah hasil daripada perjalanan sejarah yang panjang khususnya pada zaman penjajahan Inggeris. Pendekatan konsep “pecah dan perintah” yang diamalkan telah mewujudkan jurang hubungan kaum dari sudut ekonomi serta hidup dalam keterasingan sosial dan budaya. Pendekatan ini menyebabkan penglibatan sosioekonomi yang tidak seimbang dan wujud ketidakadilan sosial dalam masyarakat.

### Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Setiap orang mempunyai hak-hak yang saling berkaitan sama ada dia menunaikannya kepada orang lain atau perlu ditunaikan kepadanya. Ia merupakan suatu tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Malah, orang yang tidak berlaku adil dan tidak menunaikan hak-hak orang lain sebenarnya telah melakukan kesalahan dan layak untuk diberikan hukuman yang setimpal.

Setiap negara menggubal undang-undang bertujuan untuk menegakkan keadilan dalam kalangan warganegaraanya. Sejarah Islam turut membuktikan bahawa pada zaman pemerintahan awal Islam, keadilan telah diberikan kepada semua pihak tanpa mengira perbezaan agama, bangsa dan budaya. Sebagai contoh, Nabi Muhammad SAW telah membentuk Piagam Madinah untuk menjadi pedoman sebuah negara berdaulat setelah berjaya mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar. Piagam ini juga mewujudkan keadilan dan persamaan terhadap masyarakat Madinah.

Dalam hal ini, Imam al-Bukhari r.h. telah meriwayatkan daripada Aishah r.a., bahawa Nabi SAW pernah bersabda:

إِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الشَّرِيفُ تَرَكَوهُ وَإِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الضَّعِيفُ أَقَامُوا عَلَيْهِ الْحَدَّ. وَإِيمُ اللَّهِ، لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعْتُ يَدَهَا.






Maksudnya: “*Sesungguhnya penyebab hancurnya umat sebelum kalian adalah jika ada di antara mereka orang yang mulia telah mencuri, mereka abaikannya. Dan apabila ada yang lemah dalam kalangan mereka telah mencuri, mereka tegakkan undang-undang ke atasnya. Demi Allah, sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, maka aku akan memotong tangannya.*”

(*Riwayat al-Bukhari*)<sup>77</sup>




### **Para tetamu Allah SWT yang dirahmati,**

Persoalannya, bagaimana hak asasi manusia dalam keadilan sosial dapat dicapai?

-  **Pertama:** Mempromosi hak kesaksamaan. Hak asasi manusia dan keadilan sosial mempunyai matlamat yang sama, iaitu hak asasi dapat dinikmati oleh semua manusia.
-  **Kedua:** Mengiktiraf hak ekonomi, sosial dan kebudayaan setiap lapisan warganegara dan masyarakat secara adil tidak mengira bangsa, status dan agama.
-  **Ketiga:** Pemimpin mesti bertanggungjawab memastikan hak setiap golongan tanpa diskriminasi. Pemimpin hendaklah berlaku adil dan amanah dalam aspek tadbir urus. Ini dapat memastikan sumber kekayaan negara dapat dinikmati bersama.

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

-  **Pertama:** Berlaku adil dalam kalangan masyarakat adalah suatu perintah dalam Islam yang perlu kita tunaikan.
-  **Kedua:** Umat Islam dituntut agar menjaga hak-hak asasi manusia dan mengelakkan daripada melakukan kezaliman kepada pihak lain.
-  **Ketiga:** Kita semua bertanggungjawab memelihara keamanan dan menegakkan keadilan dalam kehidupan masyarakat majmuk di negara ini.

<sup>77</sup> Riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, kitab Hadith-hadith yang meriwayatkan tentang para Nabi, bab ..., no. hadith 3475.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-Ahzaab, ayat 70 hingga 71:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ۚ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧٠﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat – benar (dalam segala perkara). Supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.*

(Surah al-Ahzaab 33: 70 – 71)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



**ISLAM DAN  
HAK ASASI  
MANUSIA**





# TEKS KHUTBAH JUMAAT

**SUHAKAM**

**Pelihara Hak dalam Islam**

**SUHAKAM**

**Hak Asasi Manusia dalam Islam**

**JHEAINS (Sabah)**

**Pelihara Hak dalam Islam**

**JHEAINS (Negeri Sembilan)**

**Hak Asasi Manusia Menurut Islam**

**JAIPK**

**Hak Asasi Manusia dalam Islam**





Karya: Ng Wei Chean Tajuk: "The Power" Lokasi: Putrajaya





# **CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
PELIHARA HAK  
DALAM ISLAM**



**SEMPENA HARI HAK ASASI MANUSIA  
PADA 10 DISEMBER 2019**

**DIHASILKAN OLEH:  
SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**





## PELIHARA HAK DALAM ISLAM

SEMPENA HARI HAK ASASI MANUSIA  
PADA 10 DISEMBER 2019

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٣٠﴾

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Ajaran Islam sangat menitikberatkan tentang prinsip keadilan dan kesaksamaan. Justeru, mimbar pada hari ini akan membicarakan tajuk khutbah “Pelihara Hak dalam Islam”.

### Hadirin yang dirahmati Allah,

Isu mempertahankan maruah, keadilan, kebebasan, kesaksamaan dan persaudaraan sejagat yang menjadi asas kepada hak asasi manusia telah menjadi persoalan penting dalam peradaban manusia sejak awal kehidupan manusia lagi. Isu hak asasi manusia telah menjadi isu sejagat dan seluruh dunia telah memberikan perhatian yang serius

terhadap pencabulan hak asasi manusia, khususnya melalui peperangan. Selepas Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948, negara-negara di seluruh dunia telah membincangkan pelaksanaan hak asasi manusia di negara masing-masing. Beberapa konvensyen dan perjanjian antarabangsa telah dibuat untuk menjelaskan objektif hak asasi manusia ini kepada masyarakat antarabangsa.

Kini hak asasi manusia telah menjadi aspek penting dalam kehidupan masyarakat dan mereka melihat bahawa kebebasan, keamanan dan keadilan adalah simbol kepada maruah diri dan menghormati hak asasi orang lain. Walau bagaimanapun, ada sesetengah masyarakat kita pada hari ini masih melihat hak asasi manusia bertentangan dengan ajaran Islam.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Sekiranya difahami dengan betul, banyak persamaan Islam dan hak asasi manusia, inti pati dan asas yang membentuk kedua-dua prinsip tersebut adalah sama berdasarkan kepada konsep penghormatan martabat manusia dan keadilan. Masyarakat harus bersatu bagi mencari jalan untuk memastikan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dapat dicapai tanpa ada sebarang bentuk diskriminasi.

Perkataan *Haq* telah disebut dalam al-Quran sebanyak 287 kali dan membawa maksud lebih daripada 18 definisi yang berbeza. Dalam Islam, hak asasi bukan diberi oleh pemerintah atau raja, tetapi daripada Allah SWT. Hak asasi manusia dari perspektif Islam adalah lebih luas, menyeluruh dan lebih menjamin kesejahteraan hidup manusia. Dari perspektif Islam, antara definisi hak asasi manusia termasuklah hak dan tanggungjawab, pemilikan harta, perkongsian, keinginan, keadilan, ketepatan, kesesuaian, kebenaran, kuasa, pendakwaan, kehakiman, kebebasan, pilihan dan keistimewaan.

Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa Islam mendiskriminasikan penganutnya dalam semua perkara kerana Islam tidak ada hak asasi adalah tidak tepat. Ini dapat dibuktikan daripada Piagam Madinah 622 Masihi yang mendahului dalam mendokumentasikan hak asasi manusia yang pertama di dunia. Piagam Madinah merangkumi aspek keselamatan masyarakat, kebebasan beragama, keselamatan dan hak wanita, hubungan antara bangsa dan kaum, sistem perundangan, kehakiman dan peraturan untuk membayar *diyat*.

Secara asasnya dalam Islam, sekiranya perkara itu membawa kebaikan dan tidak bercanggah dengan syariah, prinsip hak asasi itu akan diterima. Perkara ini telah dijelaskan al-Quran dalam surah al-Hujuraat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَىٰ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).*

(Surah al-Hujuraat 49: 13)

### Hadirin yang dirahmati Allah,

Islam tidak menghalang umatnya untuk menikmati hak asasi manusia, tetapi hak tersebut haruslah dilaksanakan berlandaskan kepada syariat Islam dan dalam ruang lingkup pengabdian diri kepada Allah SWT. Allah SWT telah menyatakan tentang kemuliaan umat manusia dan melambangkan betapa tingginya martabat manusia dalam surah al-Israa', ayat 70:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ  
وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ  
مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki*



*kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.*

*(Surah al-Israa' 17: 70)*

Dalam ayat ini, Allah SWT telah menyatakan dengan jelas bahawa Allah telah mengurniakan kepada manusia secara umum kelebihan dan kedaulatan tanpa mengambil kira tentang sifat-sifat manusia mahupun kepercayaan agama manusia tersebut. Selain itu, ia turut menjelaskan bahawa kemuliaan atau “Karamah Insaniyyah” itu dikurniakan oleh Allah SWT kerana faktor sebagai manusia itu sendiri bukan kerana warna kulit, bangsa ataupun agama.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah menyatakan secara jelas bahawa Islam agama rasmi persekutuan, tetapi hak untuk mengamalkan agama masing-masing dilindungi. Perlembagaan Persekutuan juga melindungi hak kebebasan asasi sebagaimana yang terkandung dalam Perkara 5 hingga 13 yang menyatakan tentang hak kehidupan dan kebebasan diri, kesamarataan, kebebasan bersuara, berhimpun dan membentuk persatuan, hak kepada pendidikan dan lain-lain lagi. Perkara-perkara tersebut hendaklah diberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Islam juga telah menggariskan empat klasifikasi hak yang mesti ditunai oleh setiap manusia, iaitu hak Allah SWT (penentuan hukum), hak individu, hak semua manusia dan hak menggunakan dengan betul segala kurniaan Allah SWT. Sistem hak asasi manusia dalam Islam juga mengandungi hak politik, sivil, ekonomi, sosial dan budaya. Islam juga memberi hak kepada golongan yang lemah seperti golongan miskin, orang kurang upaya dan minoriti tanpa mengira usia, jantina, warna kulit, keturunan dan agama.

Konsep *Rahmatan Lil-'Alamin* menekankan pentingnya mempromosikan keadilan bagi semua orang termasuk orang-orang bukan Islam, melalui keterlibatan dan interaksi dengan semua yang terlibat. Pendekatan ini adalah perlu dalam konteks Malaysia memandangkan demografi penduduk Malaysia yang pelbagai. Kita mesti menegakkan prinsip dan hukum-hukum Islam, tetapi pada masa yang sama tidak boleh membenarkan pengamalan Islam membawa kepada ketidakadilan kepada orang-orang bukan Islam.



## Hadirin yang dirahmati Allah,

Antara prinsip-prinsip yang saling mengukuh antara Islam dan hak asasi manusia, antaranya:

### **Pertama:** Prinsip Kesejagatan.

Terdapat banyak pesanan dalam al-Quran dan sunnah untuk manusia yang keseluruhannya bertemakan keadilan, kemanusiaan dan belas kasihan. Prinsip hak asasi manusia yang ditekankan dalam al-Quran adalah bersifat sejagat.

### **Kedua:** Prinsip Kehormatan Insan.

Islam mengiktiraf kehormatan insan dan manusia wajib menghormati antara satu sama lain.

### **Ketiga:** Prinsip Keadilan.

Allah SWT telah mengamanahkan setiap manusia untuk bertanggungjawab menegakkan keadilan tanpa pilih kasih.

### **Keempat:** Prinsip Ihsan.

Memberi layanan yang adil dan saksama di bawah kedaulatan undang-undang (*rule of law*) tanpa mengira status sosial dan ekonomi.

### **Kelima:** Prinsip Tidak Mendiskriminasi.

Islam sememangnya menolak sebarang bentuk penindasan dan diskriminasi terhadap warna kulit, bangsa, kaum atau apa-apa perbezaan yang lain.

### **Keenam:** Prinsip Kesaksamaan.

Islam menolak sebarang pewujudan kasta dan kelas masyarakat serta memberikan hak yang saksama kepada semua manusia tanpa mengira darjat dan status sosial.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kesimpulan yang boleh diambil daripada khutbah Jumaat pada hari ini adalah terdapat banyak prinsip hak asasi manusia yang menyamai prinsip Islam dan ia mengukuhkan lagi konsep hak asasi manusia yang terdapat dalam triti-triti antarabangsa. Hak asasi mestilah mengambil kira kerangka Islam atau perundangan Islam dan tidak tertumpu kepada teori hak asasi antarabangsa. Amalan, kepercayaan dan pegangan yang bersifat diskriminasi dan tidak adil perlu dihapuskan dengan syarat ia sejajar dengan kehendak Islam.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





**CADANGAN TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
HAK ASASI MANUSIA  
DALAM ISLAM**

**DIHASILKAN OLEH:  
SURUHANJAYA  
HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA**





## HAK ASASI MANUSIA DALAM ISLAM

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٣٠﴾

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Hak asasi manusia sering kali dilihat cenderung ke arah Barat yang mana sebahagiannya dianggap bercanggah dengan Islam. Namun, kita perlu mencari titik persamaan antara Islam dan hak asasi manusia pada masa kini yang mana pelbagai pihak menuntut hak asasi manusia tanpa memahami konsep dan matlamat yang sebenar.

Justeru, mimbar pada hari ini akan membicarakan tajuk khutbah, “Hak Asasi Manusia dalam Islam”.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Islam ialah agama yang syumul yang mana agama yang merangkumi segenap aspek kehidupan manusia tidak terhad kepada akidah, ibadah dan akhlak. Kesyumulan Islam terlihat pada kesempurnaan ajaran yang terkandung di dalamnya, logik dan sentiasa menerima pandangan. Islam sememangnya sentiasa selari dengan perkembangan zaman dan ilmu pengetahuan serta sesuai sepanjang masa.

Begitu juga dengan hak asasi manusia yang mana ajaran Islam turut menitikberatkan prinsip hak asasi manusia antaranya keadilan, kebebasan dan kesaksamaan. Hak asasi manusia juga telah menjadi aspek penting dalam kehidupan masyarakat dan melihat hak kebebasan, keamanan dan keadilan adalah simbol kepada maruah diri dan menghormati hak asasi orang lain. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-Hujuraat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).*

(Surah al-Hujuraat 49: 13)

Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa Allah SWT menjadikan kita sebagai manusia dengan pelbagai bangsa supaya kita saling mengenali antara satu sama lain dan menghormati sesama manusia.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Walaupun terdapat perbezaan antara Islam dan hak asasi manusia, inti pati dan asas yang membentuk kedua-dua prinsip tersebut adalah sama berdasarkan kepada konsep penghormatan martabat manusia dan keadilan. Masyarakat harus bersatu bagi mencari

jalan untuk memastikan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dapat dicapai tanpa ada sebarang bentuk diskriminasi.

Perkataan *Haq* telah disebut dalam al-Quran sebanyak 287 kali dan membawa maksud lebih daripada 18 definisi yang berbeza. Dalam Islam, hak asasi bukan diberi daripada pemerintah atau raja tetapi daripada Allah SWT. Hak asasi manusia dari perspektif Islam adalah lebih luas, menyeluruh dan lebih menjamin kesejahteraan hidup manusia. Antara definisi hak dari perspektif Islam termasuklah hak dan tanggungjawab, pemilikan harta, perkongsian, keinginan, keadilan, ketepatan, kesesuaian, kebenaran, kuasa, pendakwaan, kehakiman, kebebasan, pilihan dan keistimewaan.

Pandangan yang menyatakan bahawa Islam mendiskriminasikan penganutnya dalam semua perkara kerana istilah hak itu sendiri tidak wujud dalam Islam adalah tidak tepat. Ini dapat dibuktikan daripada Piagam Madinah yang mendahului dalam mendokumentasikan hak asasi manusia yang pertama di dunia. Piagam Madinah merangkumi aspek keselamatan masyarakat, kebebasan beragama, keselamatan dan hak wanita, hubungan antara bangsa dan kaum, sistem perundangan, kehakiman dan peraturan untuk membayar *diyat*.

Secara asasnya dalam Islam, sekiranya perkara itu membawa kebaikan dan tidak bercanggah dengan syariah, prinsip hak asasi itu akan diterima.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah menyatakan secara jelas bahawa Islam ialah agama rasmi persekutuan tetapi hak untuk mengamalkan agama masing-masing dilindungi. Perlembagaan Persekutuan juga melindungi hak kebebasan asasi sebagaimana yang terkandung dalam Perkara 5 hingga 13 yang menyatakan tentang hak kehidupan dan kebebasan diri, kesaksamaan, kebebasan bersuara, berhimpun dan membentuk persatuan, hak kepada pendidikan dan lain-lain lagi. Perkara-perkara tersebut hendaklah diberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Islam juga telah menggariskan empat klasifikasi hak yang mesti ditunai oleh setiap manusia, iaitu hak Allah SWT (penentuan hukum), hak individu, hak semua manusia dan hak menggunakan dengan betul segala kurniaan Allah SWT. Sistem hak asasi manusia dalam Islam juga mengandungi hak politik, sivil, ekonomi, sosial dan budaya. Islam juga memberi hak kepada golongan yang lemah seperti golongan miskin, orang kurang upaya dan minoriti tanpa mengira usia, jantina, warna kulit, keturunan dan agama.



### Hadirin yang dirahmati Allah,

Antara persamaan prinsip Islam dan hak asasi manusia adalah:



**Pertama:** Prinsip Kesejagatan.

Terdapat banyak pesan dalam al-Quran dan sunnah untuk manusia yang keseluruhannya bertemakan keadilan, kemanusiaan dan belas kasihan. Prinsip hak asasi manusia yang ditekankan dalam al-Quran adalah bersifat sejagat.



**Kedua:** Prinsip Menghormati Sesama Insan.

Iaitu manusia wajib menghormati antara satu sama lain.



**Ketiga:** Prinsip Keadilan.

Allah SWT telah mengamanahkan setiap manusia untuk bertanggungjawab menegakkan keadilan tanpa pilih kasih.



**Keempat:** Prinsip Ihsan.

Memberi layanan yang adil dan saksama di bawah kedaulatan undang-undang tanpa mengira status sosial dan ekonomi.



**Kelima:** Prinsip Tiada Diskriminasi.

Islam sememangnya menolak sebarang bentuk penindasan dan diskriminasi terhadap warna kulit, bangsa, kaum atau apa-apa perbezaan yang lain.



**Keenam:** Prinsip Kesaksamaan.

Islam menolak sebarang pewujudan kasta dan kelas masyarakat serta memberikan hak yang saksama kepada semua manusia tanpa mengira darjat dan status sosial.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kesimpulan yang boleh diambil daripada khutbah Jumaat pada hari ini ialah prinsip hak asasi manusia tidak bercanggah dengan syariat Islam yang mana Islam sentiasa menitikberatkan aspek keadilan dan kesaksamaan. Masyarakat hari ini perlu memahami bahawa konsep hak asasi manusia selari dengan syariat Islam asalkan tidak bertentangan dengan perintah Allah SWT. Hak asasi juga perlu mengambil kira kerangka Islam atau perundangan Islam dan tidak tertumpu kepada teori hak asasi antarabangsa. Amalan, kepercayaan dan pegangan yang bersifat diskriminasi dan tidak adil perlu dihapuskan dengan syarat ia sejajar dengan kehendak Islam.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

TAJUK:

**PELIHARA HAK  
DALAM ISLAM**



DIBACA OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
ISLAM NEGERI SABAH**

PADA:

**6 DISEMBER 2019**



## PELIHARA HAK DALAM ISLAM

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH  
6 DISEMBER 2019 M/9 RABIULAKHIR 1441 H

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٤٤﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٤٥﴾

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Ajaran Islam sangat menitikberatkan tentang prinsip keadilan dan kesaksamaan. Justeru, mimbar pada hari ini akan membicarakan tajuk khutbah, “Pelihara Hak dalam Islam”.

### Hadirin yang dirahmati Allah,

Isu mempertahankan maruah, keadilan, kebebasan, kesaksamaan dan persaudaraan sejagat yang menjadi asas kepada hak asasi manusia telah menjadi persoalan penting

dalam peradaban manusia sejak awal kehidupan manusia lagi. Isu hak asasi manusia telah menjadi isu sejagat dan seluruh dunia telah memberikan perhatian yang serius terhadap pencabulan hak asasi manusia khususnya melalui peperangan. Selepas Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948, negara-negara di seluruh dunia telah membincangkan pelaksanaan hak asasi manusia di negara masing-masing. Beberapa konvensyen dan perjanjian antarabangsa telah dibuat untuk menjelaskan objektif hak asasi manusia ini kepada masyarakat antarabangsa.

Kini hak asasi manusia telah menjadi aspek penting dalam kehidupan masyarakat dan mereka melihat bahawa kebebasan, keamanan dan keadilan adalah simbol kepada maruah diri dan menghormati hak asasi orang lain. Walau bagaimanapun, ada sesetengah masyarakat kita pada hari ini masih melihat hak asasi manusia bertentangan dengan ajaran Islam.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Sekiranya difahami dengan betul, banyak persamaan Islam dan hak asasi manusia, inti pati dan asas yang membentuk kedua-dua prinsip tersebut adalah sama berdasarkan kepada konsep penghormatan martabat manusia dan keadilan. Masyarakat harus bersatu bagi mencari jalan untuk memastikan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dapat dicapai tanpa ada sebarang bentuk diskriminasi.

Perkataan *Haq* telah disebut dalam al-Quran sebanyak 287 kali dan membawa maksud lebih daripada 18 definisi yang berbeza. Dalam Islam, hak asasi bukan diberi oleh pemerintah atau raja, tetapi daripada Allah SWT. Hak asasi manusia dari perspektif Islam adalah lebih luas, menyeluruh dan lebih menjamin kesejahteraan hidup manusia. Dari perspektif Islam, antara definisi hak asasi manusia termasuklah hak dan tanggungjawab, pemilikan harta, perkongsian, keinginan, keadilan, ketepatan, kesesuaian, kebenaran, kuasa, pendakwaan, kehakiman, kebebasan, pilihan dan keistimewaan.

Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa Islam mendiskriminasikan penganutnya dalam semua perkara kerana Islam tidak ada hak asasi adalah tidak tepat. Ini dapat dibuktikan daripada Piagam Madinah 622 Masihi yang mendahului dalam mendokumentasikan hak asasi manusia yang pertama di dunia. Piagam Madinah merangkumi aspek keselamatan masyarakat, kebebasan beragama, keselamatan dan hak wanita, hubungan antara bangsa dan kaum, sistem perundangan, kehakiman dan peraturan untuk membayar *diyat*.



Secara asasnya dalam Islam, sekiranya perkara itu membawa kebaikan dan tidak bercanggah dengan syariah, prinsip hak asasi itu akan diterima. Perkara ini telah dijelaskan dalam al-Quran surah al-Hujuraat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).*

(Surah al-Hujuraat 49: 13)

### Hadirin yang dirahmati Allah,

Islam tidak menghalang umatnya untuk menikmati hak asasi manusia, tetapi hak tersebut haruslah dilaksanakan berlandaskan kepada syariat Islam dan dalam ruang lingkup pengabdian diri kepada Allah SWT. Allah SWT telah menyatakan tentang kemuliaan umat manusia dan melambangkan betapa tingginya martabat manusia dalam surah al-Israa', ayat 70:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَابِغِ وَالْبَحْرِ  
وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ  
مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah*

*lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.*

*(Surah al-Israa' 17: 70)*

Dalam ayat ini, Allah SWT telah menyatakan dengan jelas bahawa Allah telah mengurniakan kepada manusia secara umum kelebihan dan kedaulatan tanpa mengambil kira tentang sifat-sifat manusia mahupun kepercayaan agama manusia tersebut. Selain itu, ia turut menjelaskan bahawa kemuliaan atau "*Karamah Insaniyyah*" itu dikurniakan oleh Allah SWT kerana faktor sebagai manusia itu sendiri bukan kerana warna kulit, bangsa ataupun agama.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah menyatakan secara jelas bahawa Islam ialah agama rasmi persekutuan, tetapi hak untuk mengamalkan agama masing-masing dilindungi. Perlembagaan Persekutuan juga melindungi hak kebebasan asasi sebagaimana yang terkandung dalam Perkara 5 hingga 13 yang menyatakan tentang hak kehidupan dan kebebasan diri, kesamarataan, kebebasan bersuara, berhimpun dan membentuk persatuan, hak kepada pendidikan dan lain-lain lagi. Perkara-perkara tersebut hendaklah diberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Islam juga telah menggariskan empat klasifikasi hak yang mesti ditunai oleh setiap manusia, iaitu hak Allah SWT (penentuan/hukum), hak individu, hak semua manusia dan hak menggunakan dengan betul segala kurniaan Allah SWT. Sistem hak asasi manusia dalam Islam juga mengandungi hak politik, sivil, ekonomi, sosial dan budaya. Islam juga memberi hak kepada golongan yang lemah seperti golongan miskin, orang kurang upaya dan minoriti tanpa mengira usia, jantina, warna kulit, keturunan dan agama.

Konsep *Rahmatan Lil-'Alamin* menekankan pentingnya mempromosikan keadilan bagi semua orang termasuk orang-orang bukan Islam, melalui keterlibatan dan interaksi dengan semua yang terlibat. Pendekatan ini adalah perlu dalam konteks Malaysia memandangkan demografi penduduk Malaysia yang pelbagai. Kita mesti menegakkan prinsip dan hukum-hukum Islam, tetapi pada masa yang sama tidak boleh membenarkan pengamalan Islam membawa kepada ketidakadilan kepada orang-orang bukan Islam.



## **Hadirin yang dirahmati Allah,**

Antara prinsip-prinsip yang saling mengukuh antara Islam dan hak asasi manusia, antaranya:

### **Pertama:** Prinsip Kesejagatan.

Terdapat banyak pesanan dalam al-Quran dan sunnah untuk manusia yang keseluruhannya bertemakan keadilan, kemanusiaan dan belas kasihan. Prinsip hak asasi manusia yang ditekankan dalam al-Quran adalah bersifat sejagat.

### **Kedua:** Prinsip Kehormatan Insan.

Islam mengiktiraf kehormatan insan dan manusia wajib menghormati antara satu sama lain.

### **Ketiga:** Prinsip Keadilan.

Allah SWT telah mengamanahkan setiap manusia untuk bertanggungjawab menegakkan keadilan tanpa pilih kasih.

### **Keempat:** Prinsip Ihsan.

Memberi layanan yang adil dan saksama di bawah kedaulatan undang-undang (rule of law) tanpa mengira status sosial dan ekonomi.

### **Kelima:** Prinsip Tidak Mendiskriminasi.

Islam sememangnya menolak sebarang bentuk penindasan dan diskriminasi terhadap warna kulit, bangsa, kaum atau apa-apa perbezaan yang lain.

### **Keenam:** Prinsip Kesaksamaan.

Islam menolak sebarang pewujudan kasta dan kelas masyarakat serta memberikan hak yang saksama kepada semua manusia tanpa mengira darjat dan status sosial.

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Kesimpulan yang boleh diambil daripada khutbah Jumaat pada hari ini adalah terdapat banyak prinsip hak asasi manusia yang menyamai prinsip Islam dan ia mengukuhkan lagi konsep hak asasi manusia yang terdapat dalam triti-triti antarabangsa. Hak asasi mestilah mengambil kira kerangka Islam atau perundangan Islam dan tidak tertumpu kepada teori hak asasi antarabangsa. Amalan, kepercayaan dan pegangan yang bersifat diskriminasi dan tidak adil perlu dihapuskan dengan syarat ia sejajar dengan kehendak Islam.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
 وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.







# TEKS KHUTBAH JUMAAT

TAJUK:

**HAK ASASI MANUSIA  
MENURUT ISLAM**



DIBACA OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
ISLAM NEGERI SEMBILAN**

PADA:

**17 JANUARI 2020**



## HAK ASASI MANUSIA MENURUT ISLAM

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN  
17 JANUARI 2020 M/21 JAMADILAWAL 1441 H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَجَعَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ  
وَرَزَقْنَاهُمْ مِنْ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ  
مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾

(Surah al-Israa' 17: 70)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،

اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٠﴾

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Berpegang teguhlah kepada agama Allah SWT dengan menjaga dan memelihara hubungan kita sebagai hamba-Nya dan juga hubungan sesama insan. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan dan keredhaan



Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا...

Maksudnya: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; ...*

(Surah Ali ‘Imran 3: 103)

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk, “Hak Asasi Manusia Menurut Islam”.

### **Sidang Jumaat yang dimulihkan,**

Islam agama yang menjamin hak asasi manusia, seperti kebebasan mengamalkan agama, hak untuk bersuara, hak untuk memilih, hak untuk mendapat pendidikan, hak pemilikan harta dan hak-hak lain dalam kehidupan selagi ia berlandaskan wahyu. Jika kita merujuk Piagam Madinah, kita akan dapati piagam tersebut menjamin hak asasi manusia dengan begitu baik sebagaimana yang digariskan oleh Islam.

Hak asasi manusia yang digariskan oleh Islam adalah berpaksikan kepada Maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan lima perkara utama, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Semua ini sekali gus menafikan dakwaan bahawa Islam agama yang menindas hak asasi manusia.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Di negara kita, terdapat pihak yang mengeksploitasi hak asasi manusia bertujuan memenuhi kehendak nafsu dan akal yang songsang. Perjuangan golongan ini terlampau mementingkan hak-hak asasi manusia sehingga bertentangan dengan perlembagaan dan prinsip agama. Mereka hanya menggunakan pertimbangan akal, nafsu serta menyalahgunakan keadilan dan kebebasan agar bersesuaian dengan kehendak mereka.

Sebagai contoh, tindakan golongan LGBT dan homoseksual yang menuntut agar aktiviti mereka mendapat kebenaran untuk diamalkan di negara ini. Manakala, golongan liberal menuntut supaya ajaran Islam dinilai dan ditafsirkan semula. Kononnya, semua ini dilakukan hanya atas alasan perjuangan hak asasi manusia. Tindakan ini meremehkan usaha pihak kerajaan untuk memartabatkan Islam dan menjaga kesejahteraan rakyat.

### Sidang Jumaat yang berbahagia,

Merujuk kepada al-Quran, hak asasi manusia telah diletakkan dengan betul bersesuaian dengan kedudukan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini. Allah SWT berfirman dalam surah al-Israa', ayat 70:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَرْدِ وَالْبَحْرِ  
وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ  
مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.*




(Surah al-Israa' 17: 70)

Ayat tersebut menegaskan bahawa manusia ialah makhluk yang dimuliakan oleh Allah SWT dengan pelbagai kelebihan serta kebebasan untuk meneroka di daratan dan di lautan, diberikan rezeki yang baik-baik dan memiliki kedudukan mengatasi kebanyakan makhluk yang lain. Namun kebebasan tersebut mestilah tidak bertentangan dengan prinsip Islam, kehendak perlembagaan dan fitrah kemanusiaan.

Sebagai Muslim, kita wajib mengikut panduan hak asasi manusia yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan sunnah. Justeru, hak untuk murtad, hak untuk berkarya secara bebas tanpa terikat dengan nilai-nilai agama, hak untuk mengamalkan nafsu songsang, hak kesamarataan jantina dan sebagainya adalah jelas bertentangan dengan prinsip Islam. Perlu difahami, Islam menerima hak asasi manusia, tetapi menolak perkara yang bertentangan dengan kehendak syariat. Ini selaras dengan peruntukan perlembagaan yang memberi kebebasan kepada rakyat untuk mengamalkan agama masing-masing.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, antara kesimpulannya ialah:

-  Islam agama yang menjamin hak asasi semua manusia.
-  Hak asasi manusia tidak sepatutnya dieksploitasi untuk memenuhi tuntutan nafsu yang bertentangan dengan Islam.
-  Umat Islam wajib mengikut panduan hak asasi manusia yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan sunnah.

Firman Allah SWT dalam surah al-An‘aam, ayat 165:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ  
 دَرَجَاتٍ لِيَسْأَلُكُمْ فِي مَاءِ أَنْتُمْ إِنْ رَزَقْتُمْ سَرِيعَ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ  
 لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

Maksudnya: *Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(Surah al-An‘aam 6: 165)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
 وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
 لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ  
 الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.







**TEKS  
KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK:  
HAK ASASI MANUSIA  
DALAM ISLAM**



**DIBACA OLEH:  
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK**

**PADA:  
11 DISEMBER 2020**



## HAK ASASI MANUSIA DALAM ISLAM

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
11 DISEMBER 2020 M/23 RABIULAKHIR 1442 H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا  
زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ  
بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya: *Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.*

(Surah an-Nisaa' 4: 1)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالتَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah sama-sama kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita berjaya di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk, “Hak Asasi Manusia dalam Islam”.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Islam ialah agama yang syumul di mana agama yang merangkumi segenap aspek kehidupan manusia tidak terhad kepada akidah, ibadah dan akhlak. Kesyumulan Islam terlihat pada kesempurnaan ajaran yang terkandung di dalamnya. Islam sememangnya sentiasa selari dengan perkembangan zaman dan ilmu pengetahuan, serta sesuai sepanjang masa.

Ajaran Islam turut menitikberatkan prinsip hak asasi manusia yang merupakan aspek penting dalam kehidupan bermasyarakat. Antaranya keadilan, kebebasan, kesaksamaan, dan keamanan. Kesemua ini adalah simbol kepada maruah diri dan menghormati hak asasi orang lain. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujuraat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).*

(Surah al-Hujuraat 49: 13)

Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa Allah menjadikan kita sebagai manusia dengan pelbagai bangsa, supaya kita saling mengenali antara satu sama lain dan menghormati sesama manusia. Nabi SAW juga pernah bersabda,



لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

Maksudnya: Tidak (sempurna) imam seseorang itu, sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri.

(Riwayat al-Bukhari)

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Pandangan yang menyatakan bahawa Islam mendiskriminasikan penganutnya dalam semua perkara kerana istilah “hak” itu sendiri tidak wujud dalam Islam adalah tidak tepat. Ini dapat dibuktikan daripada Piagam Madinah 622 Masihi yang mendahului dalam mendokumentasikan hak asasi manusia yang pertama di dunia. Piagam Madinah merangkumi aspek keselamatan masyarakat, kebebasan beragama, keselamatan dan hak wanita, hubungan antara bangsa dan kaum, sistem perundangan, kehakiman dan peraturan untuk membayar *diyat*.

Secara asasinya dalam Islam, sekiranya perkara itu membawa kebaikan dan tidak bercanggah dengan syariat, prinsip hak asasi itu akan diterima. Perkara ini telah dijelaskan dalam al-Quran surah al-Hasyr, ayat 7:

... وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا  
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Maksudnya: ... Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya).

(Surah al-Hasyr 59: 7)

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah menyatakan secara jelas bahawa Islam ialah agama rasmi persekutuan, tetapi hak untuk mengamalkan agama masing-masing dilindungi. Perlembagaan Persekutuan juga melindungi hak kebebasan asasi sebagaimana yang terkandung dalam perkara 5 hingga 13 yang menyatakan tentang



hak kehidupan dan kebebasan diri, kesamarataan, kebebasan bersuara, berhimpun dan membentuk persatuan, hak kepada pendidikan dan lain-lain lagi. Perkara-perkara tersebut hendaklah diberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Islam juga telah menggariskan empat klasifikasi hak yang mesti ditunaikan oleh setiap manusia, iaitu pertama: hak Allah SWT (penentuan hukum), kedua: hak individu, ketiga: hak semua manusia, keempat: hak menggunakan dengan betul segala kurniaan Allah SWT. Sistem hak asasi manusia dalam Islam juga mengandungi hak politik, sivil, ekonomi, sosial dan budaya. Islam juga memberi hak kepada golongan yang lemah seperti golongan miskin, orang kelainan upaya (OKU) dan minoriti tanpa mengira usia, jantina, warna kulit, keturunan dan agama.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Antara kesimpulan yang boleh diambil daripada khutbah Jumaat pada hari ini adalah Islam sudah pun mengambil berat tentang hak asasi manusia semenjak 1400 tahun yang lalu dan sentiasa menitikberatkan aspek keadilan dan kesaksamaan sesama manusia. Ini merupakan satu kemuliaan dan anugerah besar daripada Allah Yang Maha Bijaksana buat kaum manusia.

Firman Allah dalam surah al-Israa' ayat 70:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَدِّ وَالْبَحْرِ  
وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ  
مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.*

(Surah al-Israa' 17: 70)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



ISBN 978-967-2295-28-0



9 789672 229528 0